

*Jadikan
Aku Murid-Mu*

Evelyn Tan Hwee Yong

Hakcipta@ May 2016 Tan Hwee Yong
Judul Buku: Jadikan Aku Murid-Mu
Penulis: Tan Hwee Yong
Pelukis Kulit Buku: Zimmerman
Pereka Kulit Buku: Kee Hup Thong

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian bab; isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan dengan cara apa-apa pun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada Upstream Publishing. Hakcipta dilindungi oleh undang-undang. Ayat-ayat Alkitab diambil daripada TB74 dan TB97 LAI.

Diterbitkan oleh:
Upstream Publishing
C703 Block C
Perdana Condo
PJU 8/1
Damansara Perdana
47820
Petaling Jaya Selangor

Email: rhapsodyup78@gmail.com

ISBN: 978-967-12773-3-1

Dicetakkan oleh:
JESS CONCEPT
No 20-0-8 Jalan 1/108C
Taman Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur

Kandungan

Pendahuluan

Bab 1	Jual Semua Demi Mutiara Terindah	6
Bab 2	Pertaubatan Murni	19
Bab 3	Meneladani Yesus	32
Bab 4	Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh	50
Bab 5	Bersendirian Dengan Allah	66
Bab 6	Seiring Seirama Dengan Roh Kudus	80
Bab 7	Identiti Dan Perananku	101
Bab 8	Serangan Di Tiga Gerbang	110
Bab 9	Iman Yang Mencabar	127
Bab 10	Khutbah Di Bukit	139
Bab 11	Pikullah Salibmu	159
Bab 12	Selalu Mengampuni	173
Bab 13	Melayani Seperti Hamba	188
Bab 14	Saat dan Wang	198
Bab 15	Jerat-Jerat Fikiran Dunia	214
Bab 16	Panggilan Dua Belas Murid	229
Bab 17	Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya	247
	Buku-Buku Rujukan	269

Pendahuluan

Buku "Jadikan Aku Murid-Mu" bertujuan menolong para pengikut Tuhan Yesus memahami intipati menjadi seorang murid Yesus yang sungguh-sungguh. Hanya dengan segenap hati serta penyerahan jiwa baru seorang pengikut dapat menjejaki langkah dan kehendak-Nya untuk menjadi murid-Nya. Adakah mereka yang menjadi murid-Nya yang sejati itu banyak atau hanya segelintir?

Bagi murid yang rela mengikut Yesus dengan segenap hati, Tuhan Yesus menceritakan perumpamaan mutiara yang amat berharga. "Demikian pula hal Kerajaan Syurga itu seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah. Setelah ditemukannya mutiara yang sangat berharga, dia pun pergi menjual seluruh miliknya lalu membeli mutiara itu (Matius 13:45-46). "Kerajaan Allah diibaratkan mutiara berharga yang menyebabkan seseorang murid menyerahkan diri dengan sepenuhnya untuk mengikuti-Nya.

Titik permulaan yang mencetuskan keinginan seseorang untuk menjadi murid-Nya adalah kasih karunia Allah. Kasih karunia yang mahal itu berupa penyelamatan dan penebusan jiwa dari dosa oleh nyawa Anak Allah, Tuhan

Yesus. Penulis Dietrich Bonhoeffer melihat bahawa musuh utama gereja adalah sikap kita yang membalas kasih karunia yang mahal dengan sikap murahan. Apabila kita tidak ada penyesalan atas dosa, tiada pertaubatan atau keinginan untuk dilepaskan daripada dosa maka kita sedang membalas kasih karunia dengan harga murahan. Jenis murid ini menerima Kristus Yesus tanpa kerinduan untuk mengikut-Nya. Kasihnya terhadap Tuhan Yesus, Allah Bapa dan Roh Kudus hanya sejauh di bibir sahaja—tanam tebu di bibir sahaja. Nescaya, itu iman yang berupa hangat-hangat tahi ayam.

Penghargaan yang tertinggi saya ucapkan kepada TRAC kerana atas galakan yang diberikan kepada saya untuk menulis bagi Allah.

1

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

Sewaktu Tuhan Yesus berjalan di dunia, banyak orang ingin mengikuti Dia, dan menjadi murid-Nya. Banyak garam banyak udang, banyak orang banyak ragam. Adapun sesetengah orang “menanam tebu di bibir,” maklumlah lain di bibir, lain di hati. Tidak dapat disangkal lagi, ada pula mempunyai udang di sebalik batu, “Kalau saya mengikuti Dia, saya akan diberikan berkat. Tuhan Yesus akan membawa lebih banyak pelanggan untuk membeli petai saya.” Tuhan Yesus tahu isi hati dan niat mereka yang terselindung. Juga, ada orang mahu mengikuti-Nya kecuali semuanya boleh dilakukan dengan sederhana sahaja—jangan terlalu hangatlah. Terbuktilah mereka ini murid-murid hangat-hangat tahi ayam, kehangatan mereka hanya sedetik sahaja. Sepanjang hidup, semua hanya dilakukan bagi Yesus dalam kesederhanaan.

Bagi Kristus, kalau sesiapa mahu mengikuti Dia, haruslah orang itu menjadi kekasih-Nya. Tiada tawar menawar, Yesus hanya mahu kekasih sepenuh jiwa dan hati.

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

“Jawab Yesus kepadanya, “Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap jiwamu dan dengan segenap budimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu. Itulah hukum yang terutama dan yang pertama” (Matius 22:37-38). Kalau rindu menjadi murid-Nya, tiada bolehlah separuh-paruh hati, atau masih rindu mengejar

Tuhan Yesus mengibaratkan kasih ini bagai seorang pedagang yang menemui mutiara yang amat indah dan sangat berharga. “Demikian pula hal Kerajaan Syurga itu seumpama seorang pedagang yang mencari mutiara yang indah. Setelah ditentukannya mutiara yang sangat berharga, dia pun pergi menjual seluruh miliknya lalu membeli mutiara itu.” (Matius 13:46) Apabila ditemui mutiara itu, dijualnya semua miliknya demi membeli mutiara itu.

Demikian juga, kasih dan kasih karunia Tuhan teramat mahal. Sesiapa yang sudah memperoleh kasih karunia Allah yang mahal tidak akan membalasnya dengan murahan sahaja—secebis diri, setitis simpati kita, sedetik, setitisan manis daripada mulut kita. Jangan memukul kompaing kuat-kuat mengenai kasihmu sedangkan hatimu bercabang-cabang. Kasih karunia ini menuntut nyawa Anak-Nya, Tuhan Yesus.

Kasih Teragung Yang Menawan

Allah itu kasih. Itulah satu-satunya sebabnya kita mengikuti-Nya sehayat hidup kita. “Allah ialah kasih bukan kerana Dia mengasihi melainkan Dia sendiri ialah kasih. Kasih

Jadikan Aku Murid-Mu

bukan hanya salah satu sifat-Nya tetapi keberadaan-Nya.”
(Arthur Pink)

Kasih-Nya setinggi-tingginya langit dan sedalam-dalamnya lautan. Musa dan Yosua tidak pernah gagal mengingatkan umat Tuhan untuk mengikuti dan mengasihi Allah. “Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN itu esa! Kasihilah Tuhan Allahmu dengan segenap hatimu dan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” (Ulangan 6:5). Kita mengasihi Allah dengan segenap hati dan jiwa kita kerana Allah ialah kasih, dan tiada ada yang lain boleh menjadi objek kasih kita. Itulah permulaan riwayat murid Tuhan Yesus yang setia.

Pemazmur menyedari bahawa tiada yang mengasihinya di langit dan syurga kecuali Allah. “Siapa gerangan ada padaku di syurga selain Engkau? Selain Engkau tidak ada yang kuingini di bumi” (Mazmur 73:25). Kita mengikut-Nya kerana tiada yang mengasihi kita seperti Dia. Maka kita rela menyerahkan semua untuk mutiara yang amat berharga, iaitu kerajaan Allah kerana kasih-Nya.

W. Tozer berkata:

“Perintah yang utama dan yang terpenting adalah untuk mengasihi Allah dengan segenap tenaga dan dengan seluruh keberadaan kita. Kalau kita mengasihi Allah seperti yang seharusnya, tentu sahaja kita tidak akan berimpian objek kasih yang lain selain Dia. Mereka yang dimampukan secara rohani untuk mengasihi Allah tanpa sebarang udang di sebalik batu, akan menemukan seribu mata air yang terpancar dari takhta-Nya...”¹

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

Allah yang terlebih dahulu mengasihi kita, “Kita mengasihi, kerana Allah yang terlebih dahulu mengasihi kita,” (1 Yohanes 4:8). Allah terlebih dahulu mengasihi kita; Dia yang mengambil langkah pertama. Dia mengasihi kita sewaktu kita masih belum layak dikasihi. “Akan tetapi Allah menunjukkan kasih-Nya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa” (Roma 5:8).

Kasih Karunia Yang Mahal

Kenapa mutiara ini dianggap amat berharga?

Jelas, tiada cara lain untuk menebus dosa kita kecuali nyawa Kristus yang mahal. Harga kasih karunia yang mahal ini mendorong kita untuk menyerahkan segalanya bagi-Nya. Dalam perumpamaan ini, pedagang itu tidak menganggap menjual seluruhnya itu mahal. Ini disebabkan untuk memperoleh mutiara yang jauh bernilai, dia berikhtiar dan mengorak langkah yang besar. Dia mengundang Raja bertakhta dalam hatinya bahkan rela melepaskan apa-apa yang menghalangi langkahnya untuk menjadi murid-Nya. Dietrich Bonhoeffer, pastor Lutheran, pengikut setia berkata:

“Ia berupa pemerintahan rajawi oleh Kristus, yang demi-Nya kita rela mencungkil mata jika ada apa-apa yang membuat kita tersandung; ia adalah panggilan Yesus Kristus yang menyebabkan Petrus meninggalkan jalannya dan mengikuti Dia...Kasih karunia ini mahal, kerana ia memanggil kita

Jadikan Aku Murid-Mu

untuk mengikut. Kasih karunia ini memberi hidup baru. Kasih karunia yang menghakimi dosa dan membenarkan pendosa. Di atas semua ini, kasih karunia mahal kerana dibayar dengan hidup Anak-Nya: “engkau dibeli dengan satu harga,” dan apa yang dibayar oleh Allah jelas tidak murah. Kasih karunia yang mahal adalah penjelmaan Allah.”²

Kasih karunia yang mahal ini juga datang kepada Rasul Paulus. Apa yang dahulu merupakan keuntungan bagi Paulus, sekarang dianggap rugi kerana Yesus Kristus. Mutiara yang amat berharga dan indah iaitu Tuhan Yesus menyebabkan segala kebanggaannya kini dianggapnya sampah sahaja.

“Sekalipun aku juga ada alasan untuk menaruh percaya pada hal-hal lahiriah. Jika ada orang lain menyangka dapat menaruh percaya pada hal-hal lahiriah, aku lebih lagi: disunat pada hari kelapan, daripada bangsa Israel, daripada suku Benyamin, orang Ibrani asli, tentang pendirian terhadap hukum Taurat aku orang Farisi, tentang kegiatan aku penganiaya jemaah, tentang kebenaran dalam mentaati hukum Taurat aku tidak bercacat. Tetapi apa yang dahulu merupakan keuntungan bagiku, sekarang kuanggap rugi kerana Kristus. Malahan segala sesuatu kuanggap rugi, kerana pengenalan akan Kristus Yesus, Tuhanku, lebih mulia daripada semuanya. Oleh kerana Dialah aku telah melepaskan semuanya itu dan menganggapnya sampah, supaya aku memperoleh Kristus” (Filipi 3:4-8).

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

Jangan-jangan kita berfikir kerana dosa kita sudah dibayar dan ditebus oleh Tuhan Yesus di salib, maka kasih karunia itu murah. Ah, kawatir apa kerana dosa saya sudah dibayar. Kita tidak perlu melakukan apa-apa lagi—harganya bagai durian runtuh!

Sebaliknya A.W. Tozer berdoa,

“Ya Allah, aku telah mengecapi kebaikan-Mu, yang telah memuaskan aku dan membuat aku lebih haus lagi. Aku begitu sedar akan keperluan daku untuk lebih kasih karunia-Mu. Aku malu akan kekurangan kerinduanku, Ya Allah, Allah Tritunggal. Aku ingin mengingini Engkau; Aku rindu dipenuhi dengan kerinduan. Aku haus untuk lebih dihauskan lagi. Tunjukkanlah kemuliaan-Mu, pintaku, agar daku lebih mengenal Engkau. Mulakan satu rahmat dalam diriku, suatu karya kasih dalam diriku. Katakanlah kepada jiwaku, “Bangunlah, kekasihku yang cantik, dan marilah bersama Aku.” Kemudian berilah daku kasih karunia untuk bangun dan mengikuti Engkau dari lembah yang berjerebu, ini di mana aku telah berkeliaran sekian lama.”³

Harga Panggilan

Kerelaan mengambil langkah yang pasti untuk mengikuti Tuhan Yesus betapa penting. Ketika Tuhan Yesus memanggil para murid-Nya, mereka tidak berlengah-lengah tetapi segera menurut. Apabila Yesus berjalan melewati sebuah

Jadikan Aku Murid-Mu

rumah cukai di mana Lewi, anak Alfeus berada, Dia berkata, "Ikutlah Aku!" Maka berdirilah Lewi lalu mengikuti Dia. Lewi tidak bertanya kenapa dia dipanggil. "Kenapa tidak memanggil pembayar cukai?" Tindak balas Lewi yang serta merta menunjukkan bahawa dia sudi dan siap mengikuti Yesus. Dia tidak berlelgang-lenggok atau memainkan tawar menawar dengan Yesus.

"Yesuslah yang memanggil; sebab itulah Lewi segera mengikuti-Nya. Pertemuan ini merupakan kesaksian terhadap kewibawaan Yesus yang mutlak. Lewi tidak mempertanggungjawab kepada siapa-siapa kecuali Yesus. Persiapan yang terlebih dahulu tidak diperlukan. Yang penting hanya ketaatan. Yesus ialah Kristus; Dia mempunyai kewibawaan memanggil dan menuntut ketaatan kepada firman-Nya. Yesus memberi perintah kepada manusia untuk mengikuti-Nya bukan untuk mengikuti satu guru atau satu gaya hidup yang baik, tetapi kepada Kristus, Anak Allah... Kita tidak diminta merenungi ertinya menjadi murid, tetapi hanya memahami bahawa Dia yang memanggil dan kewibawaan-Nya mutlak. Menurut teks (Markus 2:14), tiada jalan lain ke iman dan pemuridan—hanya ketaatan kepada panggilan Yesus."⁴

Lewi meninggalkan meja cukainya dan menyerahkan seluruh dirinya untuk mengikuti Tuhan Yesus tanpa

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

mempertimbangkan baik ke mana mereka akan pergi mahupun gaya hidupnya kelak. "*Pemuridan bererti bergabung dengan Kristus, dan kerana Kristus ialah objek gabungan kita, Dia harus menjadi acuan pemuridan kita.*"⁵

Mereka Gagal Mengikut

Sebermula Yesus berjalan dari kampung ke kampung, adapun orang yang kononnya mahu mengikutinya. Seseengah orang bertutur mulus-mulus tanpa memahami kata-kata sendiri. Ketika Yesus berterus-terang tentang ertinya mengikutinya, maka melangkah seribulah mereka.

"Ketika Yesus dan murid-murid-Nya melanjutkan perjalanan mereka, berkatalah seseorang di tengah-tengah jalan kepada Yesus: "Aku akan mengikut Engkau, ke mana saja Engkau pergi" (Lukas 9:57). Tanpa melapisi percakapan-Nya dengan manis, Tuhan Yesus membentangkan syarat mengikutinya. "Serigala mempunyai liang dan burung mempunyai sarang, tetapi Anak Manusia tidak mempunyai tempat untuk meletakkan kepala-Nya" (Lukas 9:58). Untuk menjadi murid-Nya, dia hanya perlu mengikut Yesus tanpa mengetahui di depannya. Cabaran yang bakal ditempuhinya belum di ketahuinya.

Yesus memanggil seorang lagi untuk mengikutinya tetapi orang itu gagal sebab dia ada syarat sendiri. "Ok Yesus, I ikut you tetapi I ada syarat ok?" "Izinkanlah aku pergi menguburkan ayahku..." Rupa-rupanya orang ini sebenar bukan meminta untuk menguburkan ayahnya. Ayahnya belum

Jadikan Aku Murid-Mu

meninggal dunia! Dia ingin menunggu sehingga ayahnya meninggal dunia supaya dia mendapat warisannya, baru dia mengikuti Tuhan Yesus. Kalau kita berkata, "Tunggulah Yesus sampai aku jadi kaya, siapa tahu kita mungkin menunggu selama-lamanya!"

Mahu jadi murid Tuhan Yesus? Impian ini tetap impian kalau kita ada syarat sendiri. Syarat yang ditentukan seharusnya daripada Yesus bukan kita. Seandainya, kita masih mahu memainkan irama keroncong sendiri dan bukan biola Yesus dengan segera, jangan berdoa, "Jadikanlah Aku Murid-Mu."

Pemuda Kaya

Pemuda yang datang itu seolah-olah sungguh-sungguh ingin menjadi murid Tuhan Yesus (Matius 19:16-22). Pemuda kaya itu mendekati Yesus dengan satu soalan. "Guru, perbuatan baik apakah yang harus kuperbuat untuk memperoleh hidup yang kekal?" (Matius 19:16). Sebenarnya jejaka ini tahu jawabannya. Sewaktu diperhadapkan dengan panggilan untuk mengikuti Anak Allah dengan sepenuh hati, kakinya bergoyah kerana sulit memenuhi syarat Yesus. Pengorbanan kekayaannya terlalu mahal harganya sehingga dia tidak sanggup menuruti panggilan Yesus.

Apa harganya? Yesus berkata, "Jikalau engkau hendak sempurna, pergilah juallah segala milik dan berikanlah itu kepada orang-orang miskin, maka engkau beroleh harta di syurga, kemudian datanglah ke mari dan ikutlah Aku"

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

(Matius 19:21). Ini bukanlah irama keroncong yang ingin didengar pemuda kaya ini. Persoalan harta dan rezeki telah mengikat kakinya. Kita mungkin ada ikatan tertentu yang menghalangi seperti pemuda itu. Sikapnya berbeza dengan Lewi yang segera bangkit dan mengikuti Tuhan Yesus.

Allah Yang Terutama

Tuhan Yesus pernah berkata kepada para murid-Nya, "Jikalau seorang datang kepada-Ku dan dia tidak membenci bapanya, ibunya, isterinya, anak-anaknya, saudara-saudaranya, lelaki atau perempuan, bahkan nyawanya sendiri, dia tidak dapat menjadi murid-Ku" (Lukas 14:26). Tentu, Yesus tidak menyuruh kita membenci mereka tetapi kalau-kalau mereka menjadi batu sandungan untuk melangkah bagi Yesus, berilah keutamaan kepada Yesus.

Abraham menjadi contoh sejati dalam hal ini. Dia ikut perintah Allah untuk meninggalkan kawan-kawannya kerana mereka boleh menjadi batu sandungan kepada panggilannya. Dalam keadaan ini, satu pemisahan menjadi nyata—pilihan antara panggilannya atau tetap merendam diri dalam budaya yang menyembah berhala. Abraham menjadi orang asing dan musafir supaya dia dapat memperoleh perjanjian Allah. Pasti, ketika Abraham menerima panggilannya, sanak saudaranya dan kawan-kawan tidak memahaminya. Abraham pergi dari Ur, kota yang moden dan kaya, tetapi penduduk-penduduknya menyembah kepada dewa bulan yang dipanggil Sin.

Rancangan Allah yang terindah menantikan Abraham

Jadikan Aku Murid-Mu

yang rela mengorak langkah pertama. Abraham rela meninggalkan semua demi mutiara yang terindah, kerajaan Allah.

Cerita Santo Francis Assisi

“Bolehkah kaunasihati anak ini?” teriak saudagar Itali yang kaya itu kepada Uskup.

“Tahukah kau anakku ini dah kehilangan akal nya? Dia sudah menjual semua kuda dan pakaiannya! Dia berkata dia akan melayani tuan yang baru, Yesus Kristus!” lanjutnya dengan nada yang semakin tinggi.

Uskup mendengar dengan tenang dan tidak menjawab apa-apa. Dia tahu saudagar ini ingin anaknya menjadi pahlawan, tetapi Allah sudah memanggil anaknya.

“Tenanglah, mari kita bercakap dengan anakmu itu,” kata uskup itu seakan-akan mengerti perasaan marah ayah yang kaya itu.

Ketiga-tiga insan itu bertemu: ayah yang panas baran, uskup yang tenang, dan Francis yang berpendirian teguh. Dengan kepala yang tertunduk, Francis menyerahkan dompet, hasil jualan kereta dan kuda kepada ayahnya. Kemudian dia menanggalkan bajunya. Kelihatan ayah yang berang tidak dapat mengubah hala tujuan anaknya. Segala impian untuk menjadikan anaknya orang yang hebat berkecaian.

Kata Francis kepada ayahnya, “Saya tidak mahu hidup dalam kemewahan dan saya ingin melayani Allah dalam

Jual Semua Demi Mutiara Terindah

kesederhanaan. Francis sungguh yakin akan perintah Allah dalam Matius 10:9-10, "Janganlah kamu membawa bekal dalam perjalanan, janganlah kamu membawa baju dua helai, kasut atau tongkat, sebab seorang pekerja patut mendapat upahnya. Apabila kamu masuk kota atau desa, carilah di situ seorang yang layak dan tinggallah padanya sampai kamu berangkat."

Francis berkeputusan meninggalkan rumah bapanya. Dia melayani di kalangan orang kusta dan pengemis dalam kota Assisi. Kemudian dia pergi ke desa dan membangun gereja di sana. Francis memakai baju coklat dan bekerja dengan tekun. Dia membahagikan rezeki kepada orang yang memerlukannya. Pada mula-mulanya orang menertawakan Francis tetapi lama kelamaan, beberapa bangsawan menyertainya dalam pelayanan.

Ketika Francis mengembara untuk melayani orang lain, seringkali dia bertemu dengan orang yang tamak. Mereka mahu hidup dalam kemewahan dan menikmati santapan yang sedap. Selain itu, pemimpin-pemimpin gereja pun belum bersedia menolong orang miskin. Khutbah Francis kepada mereka, "Manusia mesti bertaubat dan menolong orang lain."

Pengikut-pengikut Francis Aissisi mengembara berpasangan dalam pelayanan; mereka tidak menyembunyikan diri di biara mewah jauh dari kenyataan dunia. Para pengikut ini dipanggil saudara kerana mereka memperlakukan orang lain seperti saudara. Francis memiliki sifat lemah lembut sehingga bahkan burung pun mahu menjadi teman-temannya.

Jadikan Aku Murid-Mu

Doa Santo Francis Assisi

"Yang Maha Kuasa, kekal, adil, dan Allah yang penuh rahmat, sucikanlah batin kami, cerahkan batin kami dan nyalakannya dengan api Roh Kudus sehingga mampu mengikut jejak langkah Anak-Mu yang dikasihi, Yesus Kristus." (Doa Santo Francis).

Cadangan-Cadangan

1. Renungkan apa yang menjadi halangan kamu untuk mengikuti Tuhan Yesus.
2. Menurut Dietrich Bonhoeffer kasih karunia yang percuma bukanlah kasih karunia murahan sahaja. Apakah yang akan terjadi jikalau kita menganggap kasih karunia sebagai suatu objek murahan sahaja?
3. Abraham ada pilihan—menurut rencana Allah atau tinggal selesa, tetapi dia menuruti Allah. Apakah yang menjadi pilihan anda pada saat ini?

2

Pertaubatan Murni

“Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?” (Amos 3:3) Tentu dua orang tidak dapat menyanyi lagu yang sama jikalau irama mereka berlainan. Irama dan lagu harus selalu bermadu agar jiwa dapat digetarkan. Bagaimana bunyi gendang, begitulah tariannya.

Sebelum seorang murid berjalan dan mengikuti-Nya, dia mesti bersetuju dengan Dia. Dua orang tidak dapat berjalan bersama-sama seandainya mereka tidak bersetuju. Kita bersetuju kita akan mengubah sikap, minda dan jiwa serta bersetuju dengan Dia mengenai apa yang betul dan yang salah di mata-Nya. Bersetujukah kita dengan Dia bahawa kita tidak lagi berdusta? Bersetujukah kita tidak lagi merangkul ilah-ilah duniawi dalam hati?

Rasul Paulus memberi amaran:

“Perbuatan daging telah nyata, iaitu: percabulan, kecemaran, hawa nafsu, penyembahan berhala, sihir, perseteruan, perselisihan, iri hati, amarah, kepentingan diri sendiri, percideraan, roh pemecah, kedengkian, kemabukan, pesta pora dan sebagainya. Terhadap semuanya itu kuperingatkan kamu--seperti

Jadikan Aku Murid-Mu

yang telah kubuat dahulu—bahawa barangsiapa melakukan hal-hal yang demikian, dia tidak akan mendapat bahagian dalam Kerajaan Allah” (Galatia 5:19-21).

Bersetujukah kalau kita mesti meninggalkan gaya hidup berjoget-joget dan bermabukan semalaman? Bersetujukah kita tidak beralasan terus kalau mahu mengikuti Yesus? Bersetujukah kita tidak lagi mencuri wang syarikat dan memasukkannya ke dalam akaun kita sendiri? Bersetujukah kita tidak memalsukan cek syarikat?

Pertaubatan bukanlah pengakuan penyesalan atas dosa sekali sahaja dan kemudian itu, kita hanya asyik memainkan keroncong sendiri. Sikap yang selalu bertaubat dan rendah hati terhadap Allah dan manusia berjalan terus menerus dalam hidup ini. *"Manusia dilahirkan dengan dirinya berpaling daripada Allah. Tatkala dia sungguh-sungguh bertaubat, dia berpusing dan menghadap Allah. Pertaubatan adalah perubahan minda..."* (D.L. Moody). Pertaubatan ini harus sering berlaku agar kita jalan terus menerus menurut perintah-Nya, bukan sahaja pada waktu kita menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat.

Lagu Pertaubatan Daud

"Orang yang salih bersetuju bahawa mereka adalah pendosa; tetapi pendosa selalu berfikir mereka adalah orang salih" (Peter Kreeft).

Pertaubatan Murni

Murid yang bertaubat akan bersetuju dan berasa persis seperti perasaan Allah terhadap dosa dia. Dia amat bersyukur kepada Tuhan Yesus atas penebusan-Nya di salib dan akan mengasihi Dia yang mati bagi dia. Dia bersetuju dengan Tuhan Yesus dan akan hidup seperti Tuhan Yesus. "Sesiapa yang mengatakan bahawa dia ada di dalam Dia, dia wajib hidup sama seperti Kristus telah hidup" (1 Yohanes 2:6).

Raja Daud menyedari hati baginda tidak mudah dikawal dan ditawan sebaliknya ibarat ombak yang mengganas di lautan liar. Seringkali baginda datang kepada Allah dengan tangisan dan meminta Tuhan untuk menyelidiki hati baginda. Doa baginda selalu, "Jadikanlah hatiku tahir, ya Allah, dan perbaharuilah batinku dengan roh yang teguh!" (Mazmur 51:12).

"Di sini (hatinya), suatu daerah yang Daud tidak pernah mampu bertakhta sebagai rajanya--daerah hatinya, yang saya maksudkan hati Daud sendiri. Betapa dia mempunyai kuasa untuk menakluk hati-hati orang lain tetapi dia tidak pernah dapat menawan hati sendiri. Segala arah angin sejak zaman dahulu masing-masing berlumba-lumba menguasai lautan. Masing-masing berjaya, kadangkala lautan dihembus oleh kemarahan, kadangkala terhembus hembusan yang kotor, kadangkala dihembus badai keraguan, kadangkala pula ditiupi oleh simpati kemurahan hati. Pada sebelah pagi, hati tertangkap sinarannya; pada

Jadikan Aku Murid-Mu

sebelah tengah hari, ia bersinar terang, dan pada sebelah petang malap pula. Hati bagai seorang anak, sewaktu disuruh, dia hanya dengar sesaat.”⁶

Raja Daud yang tahu akan kelemahan hatinya selalu datang kepada Allah dengan hati yang remuk. Allah menyambut hati baginda yang remuk dan berkenan kepada baginda. Hati yang bertakhta angkuh dan tidak rela mengakui dosa sendiri pasti tidak akan diterima oleh Tuhan walaupun seseorang itu giat melayani Tuhan. “Korban sembelihan kepada Allah ialah jiwa yang hancur; hati yang patah dan remuk tidak akan Kaupandang hina, ya Allah” (Mazmur 51:19). Hanya hati yang patah dan remuk akan menyedari hakikat rahmat Allah yang besar. “Kasihnilah aku, ya Allah, menurut kasih setia-Mu, hapuskanlah pelanggaranku menurut rahmat-Mu yang besar. Bersihkanlah aku seluruhnya dari kesalahanku, dan tahirkanlah aku dari dosaku!” (Mazmur 51:3-4).

Tanpa pertaubatan yang sungguh-sungguh kita tidak dapat menjadi murid yang mampu membawa orang lain untuk mengenal jalan-Nya. Bagaimanakah seseorang dapat mengajar orang lain sedangkan dia belum bertaubat? Hanya setelah bertaubat, Raja Daud dapat dengan yakin berkata, “Maka aku akan mengajarkan jalan-Mu kepada orang-orang yang melakukan pelanggaran, supaya orang-orang berdosa berbalik kepada-Mu” (Mazmur 51:15).

Lagu Pertaubatan dan Liriknnya

1. Sedarilah Kejahatan Menyakiti Hati Allah

Kehidupan manusia yang mengalunkan kejahatan pada zaman Nuh memang sungguh menyakiti hati Allah sehingga Dia menyesal menciptakan manusia. Sekalipun amaran bahtera yang telah dibina oleh Nuh berada di depan mata mereka, lagu hidup umat manusia tetap jahat dan gelap semata-mata.

“Ketika dilihat Tuhan, bahawa kejahatan manusia besar di bumi dan bahawa segala kecenderungan hatinya selalu membuahkan kejahatan semata-mata, maka menyesallah Tuhan, bahawa Dia telah menjadikan manusia di bumi, dan hal itu memilukan hati-Nya” (Kejadian 6:5-6).

2. Sedari Akan Kekudusan-Nya

Yesaya menyedari akan kenajisan bibirnya tatkala dia berada dalam hadirat Allah yang Maha Kudus: “Dan mereka berseru seorang kepada seorang, katanya: “Kudus, kudus, kuduslah Tuhan semesta alam, seluruh bumi penuh kemuliaan-Nya!” Maka bergoyanglah alas ambang pintu disebabkan suara orang yang berseru itu dan rumah itu pun penuhlah dengan asap. Lalu kataku: “Celakalah aku! aku binasa! Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun matakku telah melihat Sang Raja, Tuhan semesta alam (Yesaya 6:3-5).

Untuk menikmati kekudusan Allah, kita perlu datang

Jadikan Aku Murid-Mu

ke hadirat-Nya dalam kesunyian. *"Orang yang tidak berdoa adalah orang yang asing kepada kesucian hati dan kebersihan hati. Mereka yang tidak berminat berdoa dalam kesunyian. Nyata, mereka juga tidak berminat dengan penyerahan dan kesucian. Kesucian bertumbuh dalam rahsia doa."*
(E. M. Bounds)

"Tetapi hendaklah kamu menjadi kudus di dalam seluruh hidupmu sama seperti Dia yang kudus, yang telah memanggil kamu, sebab ada tertulis: Kuduslah kamu, sebab Aku kudus" (1 Petrus 1:15-16). Datanglah ke hadirat Allah yang kudus, dan maka semua kekotoran akan muncul dalam sinaran-Nya.

3. Berubah Dalam Hati

Bukti pertaubatan tampak dalam hidup Zakues khususnya terbukti dalam sikapnya yang tamak terhadap wang. Wang cukai yang pernah diambil berlebihan telah dikembalikan kepada penduduknya. Zakues telah bertaubat dan mengalami perubahan dalam hatinya. Jelas, kasihnya terhadap wang berubah menjadi kasih terhadap Yesus.

"Tetapi semua orang yang melihat hal itu bersungut-sungut, katanya: "Dia menumpang di rumah orang berdosa." Tetapi Zakeus berdiri dan berkata kepada Tuhan: "Tuhan, setengah dari milikku akan kuberikan kepada orang miskin dan sekiranya ada sesuatu yang kuperas daripada seseorang akan kukembalikan empat kali lipat." Kata Yesus kepadanya: "Hari ini telah terjadi penyelamatan

Pertaubatan Murni

kepada rumah ini, kerana orang ini pun anak Abraham. Sebab Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang (Lukas 19:7-10).”

4. Sedih Atas Dosa

Raja Daud menangisi atas dosanya dan membanjiri ranjang dengan titisan air mata. Dia banyak menyesali dosanya. Ketika nabi Natan datang kepada Daud setelah baginda menghampiri dan menghamilkan Batsyeba, Daud menyesali akan dosanya. Dia menangis dan berseru, “Kasihailah aku, ya Allah, menurut kasih setia-Mu, hapuskanlah pelanggaranku menurut rahmat-Mu yang besar! Bersihkanlah aku seluruhnya dari kesalahanku, dan tahirkanlah aku dari dosaku! Sebab aku sendiri sedar akan pelanggaranku, aku senantiasa bergumul dengan dosaku” (Mazmur 51:3-5).

Apa Yang Harus Kita Buat?

Jika anda seorang peragut beg, jangan ragut lagi. Carilah sumber kewangan dari pekerjaan dan jangan asyik berminat dengan beg orang lain. “Jangan mencuri” (Keluaran 20:15). “Jangan mengingini rumah sesamamu; jangan mengingini isterinya, atau hambanya lelaki, atau hambanya perempuan, atau lembunya atau keldainya, atau apa-apa pun yang dipunyai sesamamu (Keluaran 20:17).”

Kalau anda suka berbohong, berhentilah berbohong. Jangan lagi menjadi pakar pencipta cerita palsu. Ananias dan Safira yang berdusta telah ditegur Petrus dan akhirnya mereka merebah dan mati.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Tetapi Petrus berkata: “Ananias, mengapa hatimu dikuasai Iblis, sehingga engkau mendustai Roh Kudus dan menahan sebahagian daripada hasil penjualan tanah itu? Selama tanah itu tidak dijual, bukankah itu tetap kepunyaanmu, dan setelah dijual, bukankah hasilnya itu tetap dalam kuasamu? Mengapa engkau merencanakan perbuatan itu dalam hatimu? Engkau bukan mendustai manusia, tetapi mendustai Allah” (Kisah Para Rasul 5:3-4).

Pernah anda melihat seseorang wanita dan bermain wayang gambar dalam fikiranmu? Hentikan tabiat itu sebab Yesus pernah berkata, “Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang memandangi perempuan serta menginginkannya, sudah berzina dengan dia di dalam hatinya” (Matius 5:28). Jangan asyik melihat gambar porno dalam majalah.

Pernahkah anda panas baran dan menaruh dendam yang ngeri terhadap yang lain? Kalau anda berang dan berkata kepada orang itu, “Mampuslah kamu di neraka!” atau “Celakalah kau” maka sebenarnya anda sedang membunuhnya. “Setiap orang yang membenci saudaranya, adalah seorang pembunuh manusia. Dan kamu tahu, bahawa tidak ada seorang pembunuh yang tetap memiliki hidup yang kekal di dalam dirinya” (1 John 3:15).

Pernahkah ibu bapa kamu telah mendatangkan kekusaran kepada hatimu dengan bermacam-macam perangai? Adakah dalam keadaan marah anda telah mengutuk mereka. Bertaubatlah kerana Alkitab tidak mengizinkannya. “Sebab Allah berfirman: Hormatilah ayahmu

Pertaubatan Murni

dan ibunya; dan lagi: Siapa yang mengutuki ayahnya atau ibunya pasti dihukum mati” (Matius 15: 4).

Tuhan Yesus pernah berkata, “Jawab Yesus: “Hukum yang terutama ialah: Dengarlah, hai orang Israel, Tuhan Allah kita, Tuhan itu esa. Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap akal budimu dan dengan segenap kekuatanmu” (Markus 12:29-30). Sungguhkah anda mengasihi Allah dengan segenap hati dan jiwa anda? Kalau anda tidak, ini berarti anda sudah melanggar hukum yang pertama dan harus bertaubat!

Murid yang ingin dipenuhi oleh Roh Kudus mesti selalu bertaubat supaya dosanya dihapuskan. “Kerana itu sedarlah dan bertaubatlah, supaya dosamu dihapuskan” (Kisah Para Rasul 3:19). Selain itu, Allah akan mencurahkan segala isi hati-Nya kepada anda dan menyegarkan diri anda. “Berpalinglah kamu kepada teguranku! Sesungguhnya, aku hendak mencurahkan isi hatiku kepadamu dan memberitahukan perkataanku kepadamu” (Amsal 1:23).

Catatan Jonathan Edwards

“Aku menjadi jauh lebih peka akan kejahatan dan keburukan hatiku, justerunya setelah aku sudah bertaubat. Aku sering membayangkan seakan-akan Tuhan memiliki tugas untuk mengira perbuatanku yang salah dan tampaknya akulah yang terburuk di kalangan umat manusia—dari semua yang telah kulakukan, sejak awalnya lagi dalam kehidupanku

Jadikan Aku Murid-Mu

sehingga sekarang, aku seharusnya ditempatkan di tempat yang paling rendah di neraka.

Kejahatan dalam diriku yang telah kurasakan sendiri, sangat buruk sehingga tiada dapat terlukisnya, melampaui jangkauan pemikiran dan imajinasi; ibarat air bah atau gunung yang menjulang di atas kepalaku. Aku tidak tahu cara yang lebih baik untuk menjelaskan bagaimana dosa tampak kepada aku selain longgokan yang tidak terhingga dilonggokkan pada yang tidak terhingga, dan pelipatgandaan dari yang tidak terhingga ke atas yang tidak terhingga. Akhir-akhir ini, sering sekali istilah ini muncul dalam minda dan mulutku, “Yang tak terhingga dengan yang tidak terhingga.” Ketika aku menengok hatiku, dan memandang kejahatanku, aku merasa seperti melihat jurang yang jauhnya tak terhingga melebihi neraka.”⁷

J.C. Ryle, *"Saya meyakini bahawa langkah pertama yang perlu untuk mencapai tahap kekudusan yang lebih tinggi adalah menyedari sepenuhnya akan keberadaan dosa yang luar biasa."*

Pertaubatan Yang Sungguh-Sungguh

John Stott menulis tentang kepentingan meneguhkan disiplin pertaubatan yang terus menerus.

Pertaubatan Murni

“Rahsia pertama kekudusan terletak pada tahap dan ketegasan keputusan kita untuk bertaubat. Jika dosa datang bertubi-tubi melandai kita, ini boleh jadi disebabkan kita tidak pernah bertaubat atau setelah bertaubat kita tidak mempertahankan pertaubatan kita. Ia seakan-akan setelah menyalibkan sifat lama kita pada salib, kita kembali membelainya, dan rindu agar ia dibebaskan, dan dikeluarkan dari salib. Kita perlu belajar untuk membiarkannya di salib. Tatkala ada fikiran cemburu, angkuh, atau jahat, atau tidak suci menyerang minda kita; kita mesti menendangnya keluar. Betapa malangnya seandainya kita asyik memeriksanya serta mempertimbangkan sama ada kita mahu menyerahkan kepadanya. Kita sudah mengisytiharkan perang ke atasnya, maka kita tidak akan tawar menawar dengannya lagi. Kita telah menyelesaikan masalah itu selama-lamanya; kita tidak akan membukanya lagi. Kita telah menyalibkan daging kita, dan kita tidak akan mengeluarkan paku-pakunya.” (John Stott)

Amaran Daripada Rasul Paulus

Orang yang sudah mengenal Dia tetapi tidak bertaubat ibarat orang yang melemparkan kasih karunia-Nya seperti yang dikatakan oleh Rasul Paulus.

"Mahukah engkau menganggap sepi kekayaan kemurahan-Nya, kesabaran-Nya dan kelapangan hati-Nya? Tidakkah engkau tahu, bahawa maksud kemurahan

Jadikan Aku Murid-Mu

Allah ialah menuntun engkau kepada pertaubatan? Tetapi oleh kekerasan hatimu yang tidak mahu bertaubat, engkau menimbun murka atas dirimu sendiri pada hari waktu mana murka dan hukuman Allah yang adil akan dinyatakan. Dia akan membalas setiap orang menurut perbuatannya, iaitu hidup kekal kepada mereka yang dengan tekun berbuat baik, mencari kemuliaan, kehormatan dan ketidakbinasaan, tetapi murka dan geram kepada mereka yang mencari kepentingan sendiri, yang tidak taat kepada kebenaran, melainkan taat kepada kelaliman” (Roma 2:4-8).

Orang yang sudah bertaubat harus meninggalkan perkampungan khinzir. George Bernard Shaw berkata, “Aku sudah belajar sejak dahulu kala jangan bergelut dengan babi. Awak akan bersalut dengan kotoran selain itu babi memang suka akan kekotoran.”

Kita perlu berjalan berhati-hati kerana banyak jerat terletak di perjalanan kita. Tanpa kita sedar, kita akan terjebak dan terperangkap. Mintalah tongkat dan gada Tuhan untuk melindungi kita.

“Betapa bahaya perjalanan musafir

Betapa banyak musuhnya!

Betapa banyak cara untuk berdosa

Tanpa diketahui oleh insan yang hidup fana

Beberapa lubangnya kelihatan tiada berbahaya

Wahal berselindung rawa lumpur

Pertaubatan Murni

*Ada, yang berusaha mengelak kualiti mendidih
Tetapi lompat ke dalamnya” (John Bunyan)*

Jadi, penulis zaman purba, John Owen pernah berkata,
“*Bunuhlah dosamu sebelum dosamu membunuh kamu!*”

Cadangan-Cadangan

1. Saya akan merendahkan hatiku dengan berikut:
 - a. Mengakui keperluanku kepada Tuhan dengan sepe
nuhnya
 - b. Menangis dan berseru agar Allah mengasihani aku
 - c. Minta Allah mengampuni dosa dan kejahatan aku
 - d. Perbaiki jalan saya yang serong

2. Saya akan selalu mengambil tindakan seperti berikut:
 - a. Jelas akan dosaku dan mengakuinya_____
 - b. Berdamai dengan orang yang bersanggit dengan
saya_____
 - c. Selalu meminta Tuhan menyelidiki hatiku_____
 - d. Selalu rendah hati dan peka kepada bisikan Roh
Kudus_____
 - e. Saya akan merenungi Mazmur 51 dan
menerapkannya dalam hidupku_____

3

Meneladani Kristus

Bagaimana acuan begitulah kuihnya. Lazim kita ketahui sifat seorang anak akan mengikut teladan sifat bapanya. Rasul Paulus sungguh mementingkan sifat setiap anak rohani; mereka harus semakin serupa Tuhan Yesus. Maka matlamat tertinggi seorang pengikut pernah dicanangkan oleh Rasul Paulus sebagai, "Ikutlah teladanku, sama seperti aku juga mengikuti teladan Kristus,"(1 Korintus 11:1). Rasul Paulus serta para pengikutnya banyak mengharumi dunia mereka kerana mereka mengikut teladan hidup Tuhan Yesus. Begitu juga, kita bagai bunga yang tengah-tengah bermekar di taman, bau kita merebak ke mana-mana kalau kita semakin serupa Tuhan Yesus.

Menjadi serupa dengan Anak-Nya memanglah kehendak-Nya bagi setiap anak-Nya. "Sebab semua orang yang dipilih-Nya dari semula, mereka juga ditentukan-Nya dari semula untuk menjadi serupa dengan gambar Anak-Nya, supaya Dia, Anak-Nya itu, menjadi yang sulung di antara banyak saudara" (Roma 8:29). Jadi, matlamat tinggi ini juga kehendak-Nya sejak awal-awalnya.

Siapakah Tuhan Yesus kepada anda sehingga anda

Meneladani Kristus

begini menggebu-gebu mengikut teladan-Nya? Adakah Dia terelok dalam kalangan semua manusia? Dapatkah anda berkata Dia tiada tolak banding seperti kata-kata lagu? Dia paling indah daripada selaksa kepada jiwaku? Dia bagai bintang fajar yang terang? Bunga bakung terindah di lembah? Sungguhkah Dia yang membuat kamu sujud menyembah dan merebah diri di hadirat-Nya kerana keindahan sifat-Nya? Kalau hati sudah terkagum dengan-Nya nescaya jiwa akan mengikut teladan-Nya.

Langkah pertama untuk mengikut teladan-Nya ialah mengenakan manusia baru kita dalam Kristus. Hanya dengan mengenakan manusia baru terus menerus baru kita dapat bertumbuh dalam kedewasaan menurut gambar Khalik (Pencipta) kita. Rasul Paulus menulis, "Dan telah mengenakan manusia baru yang diperbaharui terus menerus untuk memperoleh pengetahuan yang benar menurut gambar Khaliknya" (Kolose 3:10).

Murid yang semakin mengikut teladan Tuhan Yesus tidak akan menjadi seperti pelita yang kehabisan minyak. Minyak kita penuh dan kita semakin mencerminkan kemuliaan Allah. "Kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan yang adalah Roh, maka kita sedang diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar"(2 Korintus 3:18). Semakin Mentari Ilahi bersinar dalam hidup, semakin besar terang kemuliaan-Nya dalam kita.

Kita dipanggil untuk mengikut teladan Kristus dalam penjelmaan-Nya, kasih-Nya, penderitaan-Nya, cara

Jadikan Aku Murid-Mu

pengembalaan-Nya, pengampunan-Nya bahkan dalam gaya penginjilan-Nya.

Teladani Kristus Dalam Penjelmaan-Nya

Bagaimana pula kita meneladani penjelmaan-Nya sedangkan hanya ada satu penjelmaan dalam sejarah? Hanya Pencipta iaitu Yesus Tuhan, yang merupakan Yang Ilahi mengambil rupa manusia. Sebagai murid-Nya kita menjelmakan kerendahan hati-Nya; kerelaan mengosongkan diri dan cara melayani seperti hamba.

Yesus Kristus mengosongkan diri dan merendahkan diri adalah sesuatu yang dilakukan atas kerelaan diri. Dia rela merendahkan diri dan mengambil rupa manusia dan tinggal di kalangan manusia bahkan mengambil bentuk hamba. Dia dilahirkan di palung dan mengambil identiti sebagai anak tukang kayu bahkan Dia sendiri juga menjadi tukang kayu. Dia berjalan bersama manusia, melayani mereka, mengajar para murid-Nya dan membentuk mereka dengan rendah hati.

Adakah kita seperti Yesus menjelmakan diri di masyarakat manusia? Kita rela mengosongkan diri untuk memahami dan melayani seorang anak kecil? Bagaimanakah kalau kita mengosongkan diri daripada pra-anggapan kita untuk memahami seorang remaja yang runsing? Relakah kita merendahkan diri untuk memahami keraguan seorang nenek tua? Sudikah kita mengosongkan diri untuk memahami kebudayaan yang lain untuk menjangkau mereka? Atau biarkah perbezaan budaya, umur, latar belakang dan status menjadi tembok halangan kita?

Meneladani Kristus

Juga, dalam perhubungan kita terhadap sesama saudara seiman, kita tidak sepatutnya saling bermegah dengan diri kita masing-masing. Kita rela merendahkan diri kita untuk saling memahami dan memelihara keutuhan persaudaraan kita dalam Kristus. Dalam sikap kita, kita rela menjelmakan Kristus. Jadi kita juga mengikut sikap-Nya ini:

“Hendaklah kamu dalam hidupmu bersama, menaruh fikiran dan perasaan yang terdapat juga dalam Kristus Yesus, yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia. Dan dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati di kayu salib” (Filipi 2:5-8).

Aspek kedua penjelmaan yang harus diteladani oleh murid Yesus adalah ketaatan Yesus kepada Bapa-Nya sampai maut. Tuhan Yesus selalu mencari wajah Bapa-Nya dan bertindak seiring dengan-Nya. Dia rela memikul kayu salib dan menitis darahnya yang terakhir sebab itu rencana Bapa Syurgawi. Walaupun itu bermakna kesengsaraan dan menjadi kutukan demi dosa manusia, ketaatan-Nya tak pernah mundur. Sejauh manakah ketaatan kita kepada Allah Bapa kita?

Jadikan Aku Murid-Mu

“Maka kata Yesus, “Apabila kamu telah meninggikan Anak Manusia, barulah kamu tahu, bahawa Akulah Dia, dan bahawa Aku tidak berbuat apa-apa daripada diri-Ku sendiri, tetapi Aku berbicara tentang hal-hal, sebagaimana diajarkan Bapa kepada-Ku. Dan Dia, yang telah mengutus Aku, Dia menyertai Aku. Dia tidak membiarkan Aku sendiri, sebab Aku senantiasa berbuat apa yang berkenan kepada-Nya (Yohanes 8:28-29).”

Teladani Kasih-Nya

Untuk mengikut teladan kasih-Nya, kita mesti terlebih dahulu mengasihi-Nya. Jadi, apabila Yesus menyuruh kita mengasihi, kita rela walaupun betapa sulitnya. Yesuslah terang kita. Kita tidak mungkin berjalan dalam terang kalau kita masih ada kebencian dalam hati kita ataupun kita masih menaburi benih-benih kebencian.

“Sesiapa yang berkata bahawa dia berada di dalam terang, tetapi dia membenci saudara seimannya, dia berada di dalam kegelapan sampai sekarang. Siapa yang mengasihi saudara seimannya, dia tetap berada di dalam terang, dan di dalam dia tidak ada penyesatan. Tetapi siapa yang membenci saudara seimannya, dia berada di dalam kegelapan dan hidup di dalam kegelapan. Dia tidak tahu ke mana dia pergi, kerana kegelapan itu telah membutakan matanya (1 Yohanes 2:9-11).

Meneladani Kristus

Apakah corak fabrik kehidupan seorang murid yang mengikut teladan Yesus? Ya, hidup murid ini bagai persembahan harum kepada Allah. Kita seperti Yesus kalau kita hidup dalam kasih. Tingkah laku dan sikap seorang murid sejati perlu diwarnai oleh kasih Kristus. "Dan hiduplah di dalam kasih, sebagaimana Kristus Yesus juga telah mengasihi kamu dan telah menyerahkan diri-Nya untuk kita sebagai persembahan dan korban yang harum bagi Allah" (Efesus 5:2). Contohnya suami tidak akan mengasihi isteri hari ini tetapi keesokannya, dia membentak dan merotannya! "Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaah dan telah menyerahkan diri-Nya baginya" (Efesus 5:25).

Francis Assisi begitu lemah lembut dan penuh kasih sayang bahkan dikatakan burung-burung menghinggap di bahunya untuk menjadi teman. Dia melayani manusia dengan penuh kasih seperti Tuhan Yesus menulis sajak berikut:

*Tuhan, jadikanlah kami alat damai sejahtera-Mu,
Di mana ada kebencian, biarlah kami menabur kasih
Di mana ada luka, biarlah kami membawa pengampunan,
Di mana ada perselisihan, biarlah kami membawa damai.
Di mana ada keraguan, biarlah kami membawa pengharapan.
Di mana ada kegelapan, biarlah kami membawa cahaya.
Di mana ada kesedihan, biarlah kami membawa sukacita.*

Teladan Kristus Yang Tahan Menderita

Menjadi pengikut Kristus di Malaysia bererti kita perlu tahan menderita dalam segala hal. Yesus Kristus telah menderita dan memberi kita suatu teladan—bagaimana kita harus bersikap ketika menderita.

“Sebab untuk itulah kamu dipanggil, kerana Kristus pun telah menderita untuk kamu dan telah meninggalkan teladan bagimu, supaya kamu mengikuti jejak-Nya. Dia tidak berbuat dosa, dan tipu tidak ada dalam mulut-Nya. Ketika Dia dicaci maki, Dia tidak membalas dengan mencaci maki; ketika Dia menderita, Dia tidak mengancam, tetapi Dia menyerahkan diri-Nya kepada Dia yang menghakimi dengan adil” (1 Petrus 2:21-23).

Kisah Para Rasul 5:40-42 menceritakan penganiayaan yang dihadapi oleh orang Kristian. Orang Kristian bertambah bilangan mereka dari hari ke hari. Mereka berkumpul untuk bersekutu dan berdoa setiap hari. Injil dan firman Allah disebarkan ke merata tempat. Pemimpin-pemimpin hukum Taurat cemburu dan berusaha menghalangi mereka daripada berkhotbah dalam nama Tuhan Yesus.

Walaupun pengikut-pengikut Yesus dicambuk, mereka menganggap diri mereka dianggap layak menderita bagi Yesus:

Meneladani Kristus

“Mereka memanggil rasul-rasul itu, lalu mencambuk mereka dan melarang mereka mengajar dalam nama Yesus. Sesudah itu mereka dilepaskan. Rasul-rasul itu meninggalkan sidang Mahkamah Agama dengan sukacita, kerana mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Yesus. Setiap hari mereka mengajar di Bait Allah dan di rumah-rumah dan memberitakan Injil tentang Yesus yang adalah Mesias” (Kisah Para Rasul 5:40-42).

Stefanus menurut teladan Kristus ketika dia direjam kerana pemberitaan Injil. Doanya seperti doa Tuhan Yesus di salib— dia memohon agar musuhnya diampuni. “Sementara mereka melemparinya Stefanus berdoa, katanya, “Ya Tuhan Yesus, terimalah rohku.” Sambil berlutut dia berseru dengan suara nyaring, “Tuhan, janganlah tanggungkan dosa ini kepada mereka!” Sesudah berkata demikian, dia pun meninggal” (Kisah Para Rasul 7:59-60).

Pengikut Rasul Yohanes, Polikarp tegas berdiri dan tidak bergoyah ketika didesak untuk menyangkal iman dan untuk menyembah Raja Rom, atau kehilangan nyawanya.

Cerita Polikarp

Bayangkan, keadaan orang Kristian di Rom semasa gereja awal. Gelanggang merupakan tempat yang terkenal di kota Smyrna kerana banyak pertandingan berlansung di sana. “Bawalah orang Kristian di gelanggang ini agar mereka

Jadikan Aku Murid-Mu

bergelut dengan singa-singa. Kalau mereka tidak mahu menyembah raja Rom biarlah mereka menjadi santapan singa!” Ketika trompet dibunyikan dan singa-singa dilepaskan ke dalam gelanggang, orang Kristian yang ketakutan akan berteriak, “Saya berjanji akan menyembah raja.” Orang ini terselamat dari mulut singa.

Lantas penonton- penonton berteriak, “Keluarkan Polikarp, Uskup yang terkenal itu!” Polikarp memang uskup Smyrna yang sangat dibanggakan oleh penduduk di sini. Pemerintah Rom berkata kepada Polikarp, “Fikirkan umurmu Polikarp, sebutlah daulat Kaisar, kutuklah Kristus, dan engkau akan dilepaskan.” Polikarp menyahut, “86 tahun saya sudah melayani Tuhan dan Dia tidak melakukan kesalahan terhadap saya. Bagaimana mungkin saya mengutuk Raja yang menyelamatkan aku!” Pegawai-pegawai Rom mengikat Polikarp pada sula dan menyalakan api. Polikarp menengadah dan berdoa, “Aku memuliakan nama-Mu kerana Engkau menganggap aku layak menderita pada saat ini dan memberi saya kesempatan untuk mati bagi-Mu. Untuk ini, dan semua perkara, saya memuji Engkau.”

Teladani Penginjilan-Nya

Frank Laubach berangkat ke pulau Mindanao, Filipina dengan suatu visi untuk membawa ribuan orang Moro kepada Tuhan Yesus. Setelah beberapa edaran waktu, Frank Laubach kecewa sebab orang Moro banyak bermusuhan dengannya. Masamalah muka mereka ketika Frank membuka mulutnya, muka dan mereka sama sekali tidak mesra. Suatu petang,

Meneladani Kristus

Frank pergi berjalan-jalan. Angin sepoi-sepoi dan sinaran sang suria yang menembusi celah-celah daun menyebabkan Frank berasa dekat dengan Tuhan Yesus. Namun, jiwa Frank berat, lalu dia sujud menyembah Yesus. "Ya Tuhan Yesus, orang Moro begitu..." wajahnya menengadahkan kepada rahmat-Nya. Dalam keluh kesah, dia ingin beroleh satu jawapan daripada Tuhan Yesus. Dalam keheningan saat ini, Tuhan Yesus bersabda kepadanya, "Anakku, Engkau tidak mampu menjangkau mereka sebab engkau berasa diri kamu lebih pintar daripada mereka. Engkau tidak sungguh-sungguh mengasihi mereka!"

Sewaktu Tuhan Yesus melayani di dunia ini, Dia benar-benar terlibat dalam kehidupan orang yang di dunia ini. Dia mengasihi mereka, mengambil berat akan keperluan mereka, dan memahami aliran minda mereka. Tuhan Yesus tidak mengelakkan manusia yang tersingkir kerana takut taraf-Nya akan diturunkan. Dalam fasal Yohanes 4:1-42, Tuhan Yesus bertemu dengan perempuan Samaria yang sering terpinggir oleh manusia, dan dipandang hina. Wanita Samaria itu berkahwin lima kali dan lelaki yang kelima ini bukanlah suaminya. Tuhan Yesus rela bertemu dengan wanita ini di bawah keterikan mentari, apalagi orang Yahudi dan orang Samaria tidak mempunyai perhubungan yang baik (Yohanes 4:9).

Tuhan Yesus memulakan percakapan dengan wanita ini dengan suatu permintaan (Yohanes 4:7b). Tuhan Yesus kemudian menjelaskan pemberian air hidup dan identiti orang yang memberinya. Air hidup dalam agama Yahudi jelas mempunyai pengertian penyelamatan (Yesaya 12:3),

Jadikan Aku Murid-Mu

dan pengudusan (Imamat 14:5-6). Percakapan dengan perempuan Samaria kemudian menjurus kepada isu-isu penting seperti penyembahan yang benar dan Mesias. Tuhan Yesus menunjukkan bahawa Dia benar-benar ingin menolong mereka, dan tidak menganggap diri-Nya lebih pandai.

Tuhan Yesus mengambil berat akan orang yang tersingkir oleh masyarakat. Dalam Yohanes 5:5-6, Dia bercakap dengan orang lumpuh yang terlantar dekat kolam itu selama tiga puluh lapan tahun. Tuhan Yesus menyembuh orang ini pada hari Sabat. Orang Farisi mempermasalah hal ini kerana bagi mereka peraturan lebih penting daripada manusia. Yesus kemudian berkata kepada orang lumpuh, "Kemudian Yesus bertemu dengan dia dalam Bait Allah lalu berkata kepadanya, "Ingat, engkau telah sembuh; jangan berbuat dosa lagi, supaya jangan terjadi yang lebih buruk lagi padamu (Yohanes 5:14)."

Pelayanan kita tidak boleh dilakukan tanpa memahami minda, kebudayaan, latar belakang dan keperluan orang yang kita layani. Adakah kita berusaha seperti Tuhan Yesus? Bagaimanakah Don Richardson dan isterinya dapat membawa orang Irian Jaya kepada Tuhan Yesus?

Don Richardson dan Karol Richardson melayani orang Sawi dengan berkesan kerana dia memahami pokok fikiran mereka. Orang Sawi di Irian Jaya merupakan suku yang makan daging manusia dan menggunakan tengkorak mereka sebagai bantal! Kalau mereka mahu menjalin perhubungan yang baik dengan suku lain, seorang bayi yang dipanggil "anak perdamaian"

Meneladani Kristus

akan dikorbankan. Hari ini Wumi menangis dan berjalan terhuyung-hayang kerana suaminya, Kaiyo baru memberi anak mereka sebagai “anak perdamaian” yang disebut “taron tim.” Musuh mereka Mahaen juga akan memberi “taron tim” mereka. Kini, kedua-dua pihak berkumpul tanpa bersenjata.

Kedua-dua bayi didandan dengan cantik, tangan dan kaki diikat dengan pita. Mahaen dan Kaiyo bertemu; mereka bersenyum buat pertama kalinya kerana mereka masing-masing ada anak perdamaian pada tangan mereka. Anggota-anggota kedua-dua suku ini bertukaran hadiah dan menari tarian perdamaian yang rancak. Puncak upacara itu adalah mereka akan meletakkan tangan pada bayi-bayi perdamaian itu lalu membunuh mereka dalam nama perdamaian.

Don Richardson pada suatu hari yang indah menceritakan tentang anak perdamaian yang tidak memerlukan pengorbanan anak mereka. Don berkata, “Nenek Moyang kamu bukanlah yang pertama mengetahui perdamaian. Alkitab memberitahu bahawa perdamaian antara manusia dan Allah dapat diselesaikan melalui seorang Anak, Yesus. Tetapi masalahnya adalah Allah tidak dapat mencari manusia yang sempurna di kalangan manusia sebagai anak perdamaian antara Allah dan manusia...”

Teladan-Nya Dalam Penggembalaan

Dalam Yesus Kristus kita melihat seorang Gembala yang lemah lembut dan penuh belas kasihan. Sebagai seorang Gembala, Dia memelihara domba-domba-Nya dengan penuh perhatian. Dia boleh diibaratkan Gembala yang akan memikul domba yang terluka pada bahu-Nya tatkala domba-Nya tercedera. Sebagai Gembala yang penuh kasih, Dia selalu mengajar mereka dengan teliti. Sebagai Gembala, Dia rela melindungi domba-domba-Nya bahkan menitik darah-Nya sampai titisan terakhir. Tuhan Yesus tidak akan meninggalkan domba-domba-Nya ketika serigala mengancam:

“Akulah gembala yang baik. Gembala yang baik memberikan nyawanya bagi domba-dombanya; sedangkan seorang upahan yang bukan gembala, dan yang bukan pemilik domba-domba itu sendiri, ketika melihat serigala datang, meninggalkan domba-domba itu lalu lari, sehingga serigala itu menerkam dan mencerai-beraikan domba-domba itu. Dia lari kerana dia seorang upahan dan tidak memperhatikan domba-domba itu” (Yohanes 10:11-14).

Yesaya bernubuat, “Seperti seorang gembala Dia menggembalakan kawan ternak-Nya dan menghimpunkannya dengan tangan-Nya” (Yesaya 40:11). Sebagai murid yang melayani manusia, kita mengikut teladan hati Yesus sebagai gembala. Adakah kita sungguh-sungguh akan memelihara dan melindungi domba-domba? Sungguhkah kita menjadi gembala atau pemimpin bukan kerana nama atau wang seperti Tuhan Yesus.

Teladani Kematian-Nya

“Yang kukehendaki ialah mengenal Dia dan kuasa kebangkitan-Nya dan persekutuan dalam penderitaan-Nya, di mana aku menjadi serupa dengan Dia dalam kematian-Nya” (Filipi 3:10). Rasul Paulus tahu bahawa menjadi murid-Nya juga bererti bersekutu dalam penderitaan-Nya bahkan kematian-Nya. Buat Paulus, hidupnya bukanlah bagi dirinya sendiri. Paulus berlainan dengan orang Kristian lain yang menduga persekutuan dengan Kristus, bererti curahan berkat materi dan keinginan peribadi selalu dimakbulkan oleh Yesus.

“Tetapi aku sekali-kali tidak mahu bermegah, selain dalam salib Tuhan kita Yesus Kristus, sebab olehnya dunia telah disalibkan bagiku dan aku bagi dunia” (Galatia 6:14). Mereka yang sungguh-sungguh bersekutu dengan Kristus akan mati kepada dunia dan daging mereka setiap hari. Satu-satu hal yang para murid Yesus megahkan ialah salib dan Dia yang disalibkan. Ini akan mengubah cara kita berfikir, bercakap bahkan cara kita berkhotbah.

Rasul-rasul gereja awal tidak takut memberitakan Injil kerana mereka mengikut teladan Tuhan Yesus dalam kematian. Mereka memahami apa yang diajari oleh Tuhan Yesus ketika menghadapi gelombang maut kerana Injil.

“Dan janganlah kamu takut kepada mereka yang dapat membunuh tubuh, tetapi yang tidak berkuasa membunuh jiwa; takutlah terutama kepada Dia yang berkuasa membinasakan baik jiwa mahupun tubuh di dalam neraka. Setiap orang yang mengaku Aku di depan manusia, Aku juga akan mengakuinya di

Jadikan Aku Murid-Mu

depan Bapa-Ku yang di syurga. Tetapi barangsiapa menyangkal Aku di depan manusia, Aku juga akan menyangkalnya di depan Bapa-Ku yang di syurga” (Matius 10:28, 32-33).

Insan di dunia berkabung ketika 21 pemuda Kristian di Libya dibunuh dengan kejam kerana iman mereka. Seorang doktor muda mengarang syair untuk menghibur dunia ini.

Dua baris di tepi laut

Dua baris manusia yang berjalan di pantai laut,
Pada hari air mata dunia membanjiri serata.
Satu barisan pembunuh yang berfikir mereka berbuat
benar,
Satu yang lain, anak-anak terang yang benar.
Satu menggenggam pisau yang terangkat tinggi,
Yang satu lagi dengan tangan kosong, tidak terlindung
dan terikat.
Satu dengan celah lurus untuk menyembunyikan mata
berbinar yang tak hidup,
Yang satu lagi dengan mata hidup yang dilayang ke langit.
Satu baris tegap, pengusung maut,
Yang satu bersujud, siap menyambut nafas syurga.
Satu baris menghambur ancaman keji dan kejam,
Yang satu menyebarkan damai Allah dan tenang-Nya.
Satu pertanyaan... siapa yang takut siapa?

Meneladani Kristus

Baris dalam baju oren, yang sedang melihat syurga?
Atau baris hitam, dengan pikiran jahat dan retak? -
Persatuan Alkitab Mesir

Demikian juga iman gereja awal, mereka sering menghadapi kekejaman yang tak terhingga seperti dikerat, dilemparkan ke arena gelanggang bersama singa, dibakar hidup-hidup di sulat dan sebagainya.

“Mereka dilempari, digergaji, dibunuh dengan pedang; mereka mengembara dengan berpakaian kulit domba dan kulit kambing sambil menderita kekurangan, kesesakan dan seksaan. Dunia ini tidak layak bagi mereka. Mereka mengembara di gurun dan di pergunungan, dalam gua-gua dan celah-celah gunung (Ibrani 11:37-38).

Teladani Dia Dalam Kemuliaan-Nya

“Jika kita menyerupai gambaran-Nya dalam penjelmaan dan penyaliban, kita juga akan mendapat bahagian dalam kemuliaan kebangkitan-Nya. “Sama seperti kita telah memakai rupa dari yang alamiah, demikian pula kita akan memakai rupa dari yang syurgawi” (1 Korintus. 15:49). Dietrich Bonhoeffer menjelaskan kita semakin serupa dengan Kristus dalam kematian dan juga kemuliaan-Nya.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Kita akan menjadi sama seperti Dia, sebab kita akan melihat Dia dalam keadaan-Nya yang sebenarnya” (1 Yohanes 3:2). Tatkala kita merenungi akan gambaran Kristus yang dipermuliakan, kita akan dibentuk sepertinya, sama seperti kita merenungi gambaran Kristus yang disalibkan, kita menjadi serupa dengan kematian-Nya. Kita akan ditarik ke dalam gambaran-Nya dan menurut bentuk-Nya, dan menjadi gambaran bagi-Nya. Gambaran kemuliaan-Nya akan bersinar bahkan dalam hidup ini, seperti kita bersekutu dengan alam kesengsaraan dan salib-Nya. Hidup kita akan meningkat dari pengetahuan ke pengetahuan, dari kemuliaan ke kemuliaan, sehingga kita semakin menyerupai gambaran Anak Allah. “Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan yang adalah Roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar” (2 Korintus 3:18).”⁸

Lihat doa dan ucapan syukur Paulus dirakamkan dalam ayat-ayat berikut. Semakin Roh Kudus mencelikkan terang mata hati kita, semakin kita memahami kekayaan kemuliaan-Nya.

“Aku pun tidak berhenti mengucap syukur kerana kamu. Dan aku selalu mengingat kamu dalam doaku, dan meminta kepada Allah Tuhan kita Yesus Kristus,

Meneladani Kristus

iaitu Bapa yang mulia itu, supaya Dia memberikan kepadamu Roh hikmat dan wahyu untuk mengenal Dia dengan benar. Dan supaya Dia menjadikan mata hatimu terang, agar kamu mengerti pengharapan apakah yang terkandung dalam panggilan-Nya: betapa kayanya kemuliaan bahagian yang ditentukan-Nya bagi orang-orang kudus” (Efesus 1:16-18).

Syair

“Sekalipun Dia kaya, betapa kaya,
namun demi kita Dia menjadi miskin papa!
Bahkan jubah-Nya dirobek
Ketika Dia digantung di salib yang aib
Semua yang ada pada-Nya diberi-Nya kepadaku
Supaya aku kaya selama-lamanya” (E.H. Swinstead)

Cadangan-Cadangan

1. Baca salah satu Injil dan berusaha menghayati kehidupan dan teladan Tuhan Yesus.
2. Dari sudut apakah dalam hidupmu, kamu masih sungguh jauh daripada mengikut teladan Tuhan Yesus?
3. Adakah kawan-kawanmu dan kenalanmu dapat mengecam bahawa kamu amat mengikut teladan Yesus?

4

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

Tentu, Allah tidak ingin kita menjadi seperti pokok kerdil yang berdaun kering. Dia ingin kita bertumbuh seperti pokok yang sehat dan berbuah lebat. "Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah, dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya ia lebih banyak berbuah" (Yohanes 15:2-3). Sehingga hidupmu layak di hadapan-Nya serta berkenan kepada-Nya dalam segala hal, dan kamu memberi buah dalam segala pekerjaan yang baik dan bertumbuh dalam pengetahuan yang benar tentang Allah" (Kolose 1:10).

Pasti, Allah tidak ingin kita tidak berdaya seperti anak lembu yang tidak berdaya keluar dari kandang, melainkan seperti anak lembu ceria yang dapat berjingkrak-jingkrak dan maju ke depan. "Tetapi kamu yang takut akan nama-Ku, bagimu akan terbit syurga kebenaran dengan kesembuhan pada sayapnya. Kamu akan keluar dan berjingkrak-jingkrak seperti anak lembu lepas kandang" (Maleakhi 4;20). Adakah kita masih terlantar tidak berdaya di kandang ataupun berjingkrak-jingkrak keluar?

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

Nescaya, Allah tidak mahu hidup kita semakin lama semakin longlai seperti kangkong? Yang diingini Allah adalah semangat dan kekuatan--semakin berjalan semakin kuat, bukan semakin longlai seperti sayur layu. Biarpun rambut kita beruban tetapi semangat kita tidak pernah patah. "Mereka berjalan makin lama makin kuat, hendak menghadap Allah di Sion" (Mazmur 84:8).

Suatu Perlumbaan

Bagaimanakah seorang murid bertumbuh dalam kehidupan rohaninya? Kehidupan murid bagai dalam satu perlumbaan dan kita sedang berlari-lari ke garis akhir. Arthur Pink dalam buku "Spiritual Growth" berkata:

"Sewaktu kita menjadi murid Kristus, kita masuk ke sekolah: jangan tetap di tadika tetapi maju di bawah bimbingan-Nya. "Baiklah orang bijak mendapat dan menambah ilmu" (Amsal 1:5) dan berusaha menggunakan apa yang dipelajarinya. Seorang yang percaya belumlah tiba di syurga: dia berada dalam perjalanan, sedang mengembara ke sana, berlari dari pembinaan. Oleh sebab itu kehidupan Kristian boleh diibaratkan sebagai suatu perlumbaan, "Saudara-saudara, aku sendiri tidak menganggap bahawa aku telah menangkapnya, tetapi inilah yang kulakukan: Aku melupakan apa yang telah di belakangku dan mengarahkan diri kepada apa yang di hadapanku, dan berlari-lari kepada tujuan

Jadikan Aku Murid-Mu

untuk memperoleh hadiah, yaitu panggilan syurgawi daripada Allah dalam Kristus Yesus” (Filipi 3:13-14).

Untuk bertumbuh, seorang murid perlulah berkemahuan kuat untuk berlari-lari ke depan. Dia akan memberi seluruh dedikasi dan perhatiannya untuk memupuk persahabatan dengan Allah, dan tidak bersikap acuh tak acuh terhadap kerajaan Allah. Dia memupuk disiplin merenungi firman Allah, saat doa bersama Allah, saat menyelidiki firman Allah dan belajar melayani dan menginjili orang. Dia maju dan semakin baik dalam kehidupan rohani dan pelayanannya.

Rindu Akan Firman Allah

“Dan jadilah sama seperti bayi yang baru lahir, yang selalu ingin akan susu yang murni dan yang rohani, supaya olehnya kamu bertumbuh dan beroleh penyelamatan”

(1 Petrus 2:2). Firman Allah laksana susu, madu, roti, air hidup atau manna bagi jiwa kita. Maka rinduilah firman Allah dengan segenap hati dan berkemahuan kuat untuk memelihara dan menerapkannya dalam hati.

“Dengan apakah seorang muda mempertahankan kelakuannya bersih? Dengan menjaganya sesuai dengan firman-Mu. Dengan segenap hatiku aku mencari Engkau, janganlah biarkan aku menyimpang dari perintah-perintah-Mu. Dalam hatiku aku menyimpan janji-Mu, supaya aku jangan berdosa terhadap Engkau.” (Mazmur 119:9-11)

Memahami, merenungi dan menerapkan firman Allah akan mengubah hidup kita melalui pembaharuan minda kita.

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

“Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaruan budimu, sehingga kamu dapat membezakan mana kehendak Allah: Apa yang baik, yang berkenan kepada-Nya dan sempurna” (Rom 2:2). Untuk mengetahui kehendak Allah yang sempurna, kita memerlukan firman Allah.

Rasul Paulus mengajak kita untuk menerapkannya dalam fikiran kita sehingga perubahan menjadi nyata. “Jadi, akhirnya, Saudara-saudara, semua yang benar, semua yang mulia, semua yang adil, semua yang suci, semua yang manis, semua yang sedap didengar, semua yang disebut kebajikan dan patut dipuji, fikirkanlah semuanya itu. Apa yang telah kamu pelajari dan apa yang telah kamu terima, dan apa yang telah kamu dengar dan apa yang telah kamu lihat padaku, lakukanlah itu. Dengan demikian, Allah sumber damai sejahtera akan menyertai kamu” (Filipi 4:8-9).

“Yesus, seperti yang kamu ingat, memperingati kita bahawa bukanlah sekedar kebenaran tetapi pengetahuan akan kebenaranlah yang membebaskan kita (Yohanes 8:32). Pemahaman ini memberi kita penumpuan pada pengetahuan akan kebenaran. Kita semua berpengalaman membaca sesuatu berulang kali sehingga tiba-tiba kita memahami apa ertinya. Pengalaman “eureka” (saya sudah menemuinya!) mengangkut kita ke tahap pertumbuhan yang lebih tinggi. Ia membimbing kita kepada suatu wawasan dan kepekaan. Ia memberi kita dasar untuk mengerti akan kenyataan.”⁹

Jadikan Aku Murid-Mu

Merenungi akan mengubah kebenaran menjadi suatu kenyataan batiniah yang hidup dan bukan kata-kata yang tiada kaitan dengan jiwa kita.

“Sekalipun pemahaman memberi definisi tentang apa yang kita sedang pelajari, merenungi memberi definisi tentang kepentingan hal yang kita sedang pelajari. Merenungi, mengingat kembali, peristiwa hidup kita, akan membimbing kita kepada kenyataan batiniah peristiwa-peristiwa itu. Renungan membawa kita untuk melihat semua dari sudut pandangan Tuhan. Dalam renungan kita bukan hanya memahami kandungan subjek tetapi juga tentang diri sendiri. Yesus selalu bersabda tentang telinga yang tidak dengar dan mata yang tidak lihat. Apabila kita merenungi apa yang kita pelajari maka kita akan mendengar dan melihat dengan cara yang baru.”¹⁰

Ibadah

Beribadah dan mengalami hadirat Allah yang hidup secara peribadi itu sumber untuk pertumbuhan. A.W. Tozer berkata tentang orang salih:

“Sekira anda mendekati lelaki dan wanita zaman dahulu, anda akan segera merasa kehangatan kerinduan mereka akan Allah. Mereka menangisi untuk-Nya, mereka berdoa, mereka bergelut dan mencari-Nya siang malam, setiap musim, dan apabila mereka menemui-Nya, betapa manisnya penemuan

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

itu setelah begitu lama mereka mencari-Nya... Musa memohon agar Allah menunjukkan jalan-Nya sekiranya dia sudah beroleh anugerah-Nya di pandangan-Nya, supaya dia lebih mengenali Dia dan beroleh lagi anugerah-Nya. Dia mendesak agar Allah menunjukkan kemuliaan-Nya. Allah berkenan dengan semangat Musa yang menggebu-gebu, dan hari yang berikutnya menyuruh Musa naik ke gunung dan dalam peristiwa yang seram membuat kemuliaan-Nya melewati Musa.”¹¹

Jiwa Raja Daud selalu mengalir rasa rindu yang dalam akan Allah. Lagu-lagu dalam Kitab Mazmur menggambarkan jiwanya yang sungguh-sungguh mencari dan merindui Allah. “Hanya dekat Allah saja aku tenang, daripada-Nyalah keselamatanku. Hanya Dialah gunung batuku dan keselamatanku, kota bentengku, aku tidak akan goyah” (Mazmur 62:1-2). “Aku hendak menyanyikan kasih setia dan hukum, aku hendak bermazmur bagi-Mu, ya TUHAN” (Mazmur 101:1-2).

Sumber Tingkah Laku Kita

Kalau Allah dalam setiap sudut hidup kita, nescaya hidup berlainan sekali kerana kita sudah mendengar daripada Dia. Ibadah boleh mendatangkan transformasi dalam kehidupan kita kalau kita beribadah dalam setiap sudut hidup kita. Kerajaan Allah berada dalam setiap sudut hidup kita biarpun pekerjaan kita atau perhubungan sosial kita.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Ibadah harus menyelubungi setiap corak hidup kita. Kita harus hidup dengan cara mendengar dengan tenang secara batiniah kepada Allah terus menerus supaya Allah menjadi sumber tingkah laku dan kata-kata kita.”¹²

Dia tidak lelah bertanya apa yang dikehendaki Allah setiap hari dan akan menyenangkan hati yang Maha Besar.

Francis Fenelon menulis, “Berbahagialah mereka yang menyangkal diri dan membawa diri dalam tangan Pencipta terus menerus, siap melakukan apa yang diingini-Nya, yang tidak pernah lelah berkata seratus kali sehari, “Tuhan, apakah yang Engkau ingin aku lakukan?”¹³

Ketenangan Di Hadirat-Nya

Ajarlah jiwa kita untuk selalu memuji Tuhan Yesus, Allah Bapa dan Roh Kudus. Biarlah batin kita tahu apa erti berdiam dan bertenang di hadirat Allah, di tengah-tengah hiruk-pikuk hidup ini. Jiwa yang tahu bertenang di hadirat Allah akan bertumbuh dan bermekar seperti bunga segar yang disirami hujan. “Tetapi Tuhan ada di dalam bait-Nya yang kudus. Berdiam dirilah di hadirat-Nya, ya segenap bumi! (Habakuk 2:20).”

Santo Ammonas berkata:

“Wahai yang kukasihi. Aku telah menunjukkan kepada kamu kuasa berdiam, bagaimana ia menyembuh secara

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

menyeluruh dan betapa berkenan kepada Allah yang tinggal di dalamnya, dan oleh sebab saat diam ini, rahsia Allah dinyatakan kepada kita.”¹⁴

Mencari Perhentian-Nya

Madame Guyon seorang penulis mistik yang terkenal berkata:

“Apabila seorang Kristian menjadi tenang dan damai dalam doa, seringkali dia jatuh di dalam suatu jenis tidur yang seakan-akan mistis: atau dengan perkataan lain, kekuatan jiwanya sepenuhnya berada dalam keadaan perhentian. Di sinilah anda diperkenalkan kepada pengalaman yang mendalam lagi. Orang Kristian yang seperti ini mulai menjangkau suatu pengalaman perhentian yang sepenuhnya di hadirat Tuhan. Fikiran berada di dalam perhentian; seluruh keberadaan telah tiba pada ketenangan yang hening dan sejahtera di hadirat Tuhan.”¹⁵

Doa

Doa kita mesti bernyala-nyala dan bersemangat sehingga boleh menyalakan kalbu kalau kita mahu bertumbuh.

“Doa yang tiada semangat tanpa hati dalamnya, hanya suatu kekosongan, bejana yang tidak berguna. Hati, jiwa, dan hidup kita mesti sungguh-sungguh berdoa. Syurga mesti merasa kuasa tangisan kita kepada Tuhan. Paulus adalah teladan terselar, seorang manusia yang memiliki semangat doa yang berkobar-

Jadikan Aku Murid-Mu

kobar. Permohonannya membakar kalbu, berpusat pada objek yang diinginkan, dan Tuhan yang dapat memenuhinya. Doa mesti panas bagai cili api.

Kedinginan akan menghindari doa, dan doa tidak boleh mendiami musim sejuk. Suasana dingin akan membekukan permohonan, dan mengeringkan mata air permohonan. Hanya doa yang boleh menaikkan doa. Kehangatan jiwa menciptakan suasana yang berkesan untuk doa. Dengan percikan api, doa naik ke syurga... Api ada kepanasan yang menyala-nyala dan membakar. Syurga tidak ada pasaran bagi ais! Tuhan mahu hamba yang memiliki hati yang panas dan hangat.

Roh Kudus datang bagai api, untuk tinggal di dalam kita. Kita perlu dibaptis dengan Roh Kudus dan api... Kesungguhan merupakan kehangatan jiwa... Tuhan memberi amaran tentang doa yang lemah. Kita dinasihati untuk selalu berdoa dan tidak pengsan. Ini bererti kita mempunyai cukup semangat untuk memberi kita kemampuan bertahan jangka waktu doa yang panjang untuk merayu dan memohon.”¹⁶

Doa akan menolong kita dibentuk menurut gambaran Tuhan. Jiwa kita dibawa dekat-Nya oleh sayap doa. Kita dapat berjalan dengan dekat bersama dengan Tuhan dan mengalami sentuhan-Nya dalam jiwa kita serta mengalami curahan limpahan rahmat dan kasih-Nya. Tersungkur

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

dan berdoalah merupakan syarat pertumbuhan George Whitefield, pengkhotbah Inggeris. Dia dikenali sebagai tokoh pembangunan rohani yang dikenali sebagai "Great Awakening." Tidak lelahlah dia berdoa berjam-jam. "Aku telah meluangkan seluruh minggu dan hari, merebah di lantai dan berdoa baik secara sunyi mahupun secara lantang."

Doa merupakan sarana pembentukan rohani yang paling asas. Bagaimanakah manusia boleh peka terhadap Allah dan manusia kalau bukan melalui doa?

"Pembentukan rohani bukan langkah-langkah atau tahap-tahap untuk menuju kesempurnaan melainkan gerakan daripada minda ke hati melalui doa, dalam pelbagai bentuk, untuk menyatukan kita dengan Allah, dengan sesama, dan dengan diri kita yang sejati."¹⁷

Puan L.B. Cowman yang terlantar di katil, tahu ertinya bernafaskan doa. Ilham yang diperoleh melalui doa telah disalurkan dalam buku renungan yang terlaris "Stream in the Desert." Dia berkata:

"Lumrah dikatakan karya yang hebat baik dalam sastra mahupun sains tidak pernah dihasilkan oleh orang yang tidak suka kesunyian. Prinsip asas-asas iman ialah tiada pertumbuhan yang pesat dalam kekudusan akan dicapai oleh seseorang yang tidak seringkali mengesampingkan waktu, dan meluangkan satu jangka waktu yang panjang bersama dengan Allah secara bersendirian."¹⁸

Berdoa Dan Membaca Alkitab

Abraham Lincoln, bekas presiden Amerika pernah berkata, "Saya banyak kali kerana keyakinan yang amat besar bahawa tiada yang dapat kuandalkan; keyakinan bahawa mereka yang di sekelilingku tidak cukup--untuk menolong atau mahir--bagi hari itu."

Presiden Lincoln sering berdoa. Seorang lelaki telah datang berjumpa Lincoln pada pukul lima. Dia datang lima minit lebih awal. Dia terdengar suatu suara di bilik sebelah dan bertanya penjaga. "Siapa di bilik itu?" Adakah Presiden mempunyai tetamu?" Penjaga itu bersenyum seraya menjawab, "Dia sedang membaca Alkitab dan berdoa." "Adakah itu kebiasaannya?" tanya orang itu. "Ya, setiap pagi dia akan membaca Alkitab dan berdoa dari pukul empat ke pukul lima." Presiden Lincoln tidak dapat melalui satu hari dalam hidupnya tanpa membaca Alkitab dan berdoa walaupun dia banyak urusan sebagai Presiden Amerika Syarikat.

Doa Dan Alkitab

Pembacaan Alkitab boleh ditukarkan kepada doa untuk menerapkan dan menyimpan firman hidup dalam hati kita. Madame Guyon (1648), penulis mistik yang terkenal menasihati, "Membaca Alkitab tidak dapat diukur dengan seberapa banyak halaman yang kaubaca tetapi cara engkau membacanya. Seandainya engkau membacanya dengan begitu cepat, manfaatnya sangat sedikit. Kamu harus bagai lelabah yang mengunjungi bunga dan menghirup madu

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

bunga. Engkau harus seperti lelabah yang menemubsi bunga itu sampai yang paling dalam. Engkau sungguh-sungguh menghisap nektarnya.”

Setelah kamu betul-betul menghisap madu, kamu akan berdoa, dan menghayati kemanisan nektar itu. Doakan firman Tuhan hingga meresap ke dalam hati dan jiwa engkau. Kekayaan dan kemanisan firman Tuhan akan mengalir daripada kolam hidup engkau. Jadi, berdoa dan membaca firman Tuhan boleh digabungkan menjadi pengalaman indah bagi kehidupan doa dan renunganmu.

Doa Memberi Ketenangan

Mari, mari, “Dia memanggilmu, Wahai jiwa yang tertindas dan lelah,
Marilah ke naungan rehat gurunku;
Mari berjalan bersama aku jauh dari hiruk pikuk yang mencarik jiwa,
Dan damai akan bernafas bagai muzik dalam dadamu.”

Bergelut Dalam Doa

Tuhan Yesus memberi kita contoh dan teladan bergelut dalam doa sehingga
Dia memenangi misi dalam kehidupan-Nya.

*Malam angin menghembus sepoi-sepoi
Di taman Gethsemane
Di bawah cabang pokok zaitun*

Jadikan Aku Murid-Mu

*Sesujuk tubuh ilahi sedang bergelut dalam doa
Di sebalik tembok-tembok terlena satu kota
Di bawah pohon zaitun terlena murid-murid-Nya
Saat ini Yesus bergelut sendiri dalam tangisan
Tiada insan yang tahu saat ini Pencipta dan Mesias menangis
Direbah-Nya susuk tubuh yang bergoncang-goncang
Mata yang melayang kepada Bapa-Nya yang berbelas kasihan
Dia bangun sebagai Pemenang sekalipun jalan di depan
berduri
Sanubari-Nya siap menghadap Kalvari dan saat yang ngeri*

Doa sungguh penting pada saat Tuhan Yesus mencapai misi yang tertinggi dalam pelayanan-Nya iaitu penebusan dosa umat manusia. Misi-Nya di salib ini tidak dapat digenapi-Nya tanpa berjam-jam mencurahkan isi hati-Nya dan tangisan yang memilukan hati Allah Bapa. Doa telah menguatkan batin Yesus untuk menghadap Kalvari.

Mencari Yesus

Untuk bertumbuh dalam Yesus, seorang murid perlu tinggal di dalam-Nya:

“Tinggallah di dalam Aku dan Aku di dalam kamu. Sama seperti ranting tidak dapat berbuah daripada dirinya sendiri, kalau dia tidak tinggal pada pokok anggur, demikian juga kamu tidak berbuah, jikalau kamu tidak tinggal di dalam Aku. Akulah pokok anggur dan kamulah ranting-rantingnya. Barangsiapa

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia, dia berbuah banyak, sebab di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa” (Yohanes 15:4-6)

Selaku murid Yesus, kita diminta tinggal di dalam-Nya terus menerus baik waktu kita senang mahupun waktu kita teruja. Waktu hidup kita bagai camar yang duduk di gelombang-gelombang tenang ataupun waktu bagai rajawali menerpa badai kita tetap tinggal dalam Dia:

“Tidak kira bagaimana keadaan kita, kita boleh yakin kita sedang tinggal dalam Dia seperti berada dalam persekutuan doa. Kita tidak mengubah atau mengatur keadaan kita sendiri. Tuhan Yesus tidak pernah memilih keadaan-Nya. Dia akur kepada segala yang diberikan oleh Bapa-Nya. Dia tetap bersama dengan Bapa-Nya, di mana sahaja tubuh-Nya berada. Fikirkan waktu senang Tuhan Yesus kita--selama tiga puluh tahun, Dia tidak berbuat apa-apa. Kalau kita hanya ada Allah pada saat-saat teruja, maka kita tidak ada ketenangan hidup, “hidup yang tersembunyi bersama dengan Kristus di dalam Allah” (Kolose 3:3).¹⁹

Kita tinggal dalam Tuhan Yesus bukan kerana paksaan atau terpaksa berbuat demikian. Dengan sukacita, kita tinggal dalam-Nya kerana kita mengasihi-Nya. Kita seakrab sahabat yang intim dengan Yesus bukan hamba:

“Aku tidak menyebut kamu lagi hamba, sebab hamba tidak tahu apa yang diperbuat oleh tuannya, tetapi Aku menyebut kamu sahabat, kerana Aku telah

Jadikan Aku Murid-Mu

memberitahukan kepada kamu segala sesuatu yang telah Kudengar dari Bapa-Ku. Bukan kamu yang memilih Aku, tetapi Akulah yang memilih kamu. Aku telah menetapkan kamu, supaya kamu pergi dan menghasilkan buah dan buahmu itu tetap, supaya apa yang kamu minta kepada Bapa dalam nama-Ku, diberikan-Nya kepadamu” (Yohanes 15:15-17).

DOA DAN SYAIR GEORGE MATHESON.

Kasih yang tidak melepaskan aku
Kurebahkan jiwaku yang lelah pada-Mu
Kukembalikan hidup yang kumiliki
Agar dalam lautan yang mendalam
Ia mengalir, lebih kaya dan melimpah

O Terang yang mengiringiku sepanjang jalan
Kuserahkan nyalaku yang berkelip-kelip
Hatiku diperbaharui sinaran pinjaman-Mu
Agar dalam Suria-Mu
Kusinar semakin terang dan cerah...

Cadangan-Cadangan

1. Baca firman Allah--pilih satu kaedah.
2. Meditasi satu ayat dan menerapkannya dalam hidup seharianmu.

Berjingkrak-jingkrak Dan Bertumbuh

3. Baca Alkitab kepada keluargamu dan berdoa bersama.
4. Baca Alkitab sewaktu bangun pagi dan sebelum meletakkan mata.
5. Baca satu bab Alkitab dan sengaja ceritakannya kepada satu orang dengan ikhlas, semangat berkobar-kobar dan penuh perasaan untuk menyentuh hati seseorang bagi Allah.
6. Baca Mazmur, doa melalui firman ini, baca perlahan-lahan dan memuji Tuhan.

Berdoa

1. Sewaktu anda ke kota, pasar, sekolah-- berdoalah bagi kota anda, sekolah anda dan orang-orang yang selalu berurusan dengan anda.
2. Berdoa sewaktu anda memandu, memasak, menguruskan taman bunga anda.
3. Pergi ke suatu tempat yang tenang dan tempat yang anda suka dan berdoa.
4. Jika diminta untuk berdoa di depan orang ramai, janganlah menolak, berdoa dengan lantang dan yang mengharukan kawan.

5

Bersendirian Dengan Allah

“Jika jiwa orang percaya dalam keadaan yang sihat, dia akan sering mengambil waktu untuk datang ke hadirat Tuhan dengan tujuan agar dapat bersekutu dengan-Nya.” (A.W. Pink)
Murid Yesus harus belajar pergi tempat yang sunyi dan bersendirian dengan Allah Bapa, Roh Kudus dan Anak.

Santo Benedict percaya bahawa kesunyian sebagai gaya kehidupan sangat kita perlukan. Dia berkata hanya apabila hati manusia bertenang baru dia dapat mendengar suara kecil itu. Selain itu, dia berkata kalau seseorang bercakap sewaktu dia sepatutnya berdiam, sikap ini akan mengalihkan perhatiannya daripada Allah serta membawanya ke perjalanan yang mengarah tumpuan kepada diri sendiri.

Berkat Terbesar

Banyak Kristian sibuk mencari berkat Allah; mereka mahu berkat kejayaan dalam hidup. Fikirkan kata-kata John Stevenson, hamba Tuhan yang tinggal pada 1800 tentang berkat.

“Yang terbesar daripada semua berkat yang rohani dan abadi, ialah kehadiran Allah. Hasrat kita yang

Bersendirian Dengan Allah

terbesar juga seharusnya kehadiran Allah. Hanya kehadiran-Nya akan memuaskan kerinduan yang terdalam. Tatkala jiwa kita berada dalam keadaan kelam bahkan ketika kita rasa seakan-akan Tuhan berpaling wajah-Nya, kita tetap menghormati Pencipta atau lebih menyenangkan hati-Nya seperti terhadap ibu bapa kita. Kerinduan terhadap-Nya tetap terutama. Kita menjadi gelisah ketika wajah Tuhan menjauh. Seandainya, kita tidak mendambakkan kehadiran Tuhan, kita tidak memiliki perasaan yang selayak seorang anak, dan hal ini menunjukkan kita hanya ada sedikit kasih terhadap Bapa Syurgawi.”²⁰

Kita bersendirian dengan Allah kerana kita ingin memelihara berlian atau Kristal dalam batin kita iaitu perhubungan kita dengan Allah.

Theresa Avila berkata:

“Aku mula membayangkan jiwa kita bagai istana yang dibina daripada satu berlian atau kristal yang amat bernih. Istana ini mempunyai banyak bilik seperti di syurga ada banyak rumah. Istana ini laksana jiwa kita namun kita lebih suka bermain di luar istana dan bukan dalaman istana.”

Rindu Akan Allah

Tanyalah diri--adakah nyanyian seperti rusa yang merindukan sungai yang berair, demikianlah jiwaku merindukan Engkau, ya Allah. Jiwaku haus kepada Allah, kepada Allah yang hidup”

Jadikan Aku Murid-Mu

(Mazmur 42:2-3)—sekarang lagu kamu untuk berpadu dengan keroncong gereja? Bapa gereja Augustinus berkata, “Engkau telah menciptakan kami untuk Engkau sendiri, dan hati kami resah sehingga menemui ketenangan dalam Engkau.” Jauh di lubuk hati ada suatu ruang yang tidak dapat diisi oleh siapa siapa atau apa apa pun kecuali Tuhan Allah.

Tanpa kita sedari, tahap kesihatan kerohanian kita mungkin parah. Kita sedang menjaring angin atau meneguk di kolam keruh tanpa mengetahui bahawa itu tidak dapat memenuhi kegersangan jiwa kita. Siapa tahu, kita sibuk menimbun bagi diri kita dengan pelbagai maklumat tanpa menyedari akan kegersangan jiwa kita.

Lagu Daud dalam Mazmur 143:6-7 bergema:

“Aku menadahkan tanganku kepada-Mu, jiwaku haus kepada-Mu seperti tanah yang tandus. S e l a. Jawablah aku dengan segera, ya Tuhan, sudah habis semangatku! Jangan sembunyikan wajah-Mu terhadap aku, sehingga aku seperti mereka yang turun ke liang kubur.” Raja Daud sering menghaus akan Tuhan dan mencari wajah-Nya. Lagu-lagunya sewaktu bersama Tuhan memberkati jiwa pencari-pencari Tuhan yang haus-Nya sepanjang zaman. Bacalah Mazmur untuk mengintip ke dalam kehidupan rohani Daud.

Mencari Allah Bapa

Sebagai murid Tuhan Yesus, kita harus perhatikan bahawa seringkali Dia bersendirian. Dia memberi kita teladan cemerlang mengenai kepentingan bersendirian dengan Allah

Bersendirian Dengan Allah

Bapa-Nya. Pagi-pagi subuh Tuhan Yesus sudah bangun pagi dan pergi ke suatu tempat untuk bersendirian dengan Allah Bapa. "Pagi-pagi benar, waktu hari masih gelap, Dia bangun dan pergi ke luar. Dia pergi ke tempat yang sunyi dan berdoa di sana" (Markus 1:35).

Setelah sibuk menyembuhkan seorang kusta, Tuhan Yesus menyingkir ke tempat sunyi untuk berdoa. "Akan tetapi Dia mengundurkan diri ke tempat-tempat yang sunyi dan berdoa" (Lukas 5:16). Setelah mendengar cerita tentang kematian Yohanes Pembaptis, Yesus Kristus menyingkir diri dan berdoa. "Setelah Yesus mendengar berita itu menyingkirlah Dia dari situ, dan hendak mengasingkan diri dengan perahu ke tempat yang sunyi" (Matius 14:13).

Tuhan Yesus pergi ke gunung bersama dengan ketiga-tiga murid-Nya untuk berdoa:

"Enam hari kemudian Yesus membawa Petrus, Yakobus dan Yohanes saudaranya, dan bersama-sama dengan mereka Dia naik ke sebuah gunung yang tinggi. Di situ mereka sendiri sahaja. Lalu Yesus berubah rupa di depan mata mereka; wajah-Nya bercahaya seperti matahari dan pakaian-Nya menjadi putih bersinar seperti terang (Matius 17:1-2)."

Sebelum melaksanakan misi-Nya yang terpenting iaitu kematian di salib demi dosa manusia, Dia bersendirian dan mencurahkan isi hati dan kepiluan-Nya kepada Allah Bapa. "Kemudian Yesus dan para pengikut-Nya pergi ke suatu tempat yang bernama Getsemani. Lalu Dia berkata kepada

Jadikan Aku Murid-Mu

para pengikut-Nya, "Duduklah di sini, sementara Aku pergi ke sana untuk berdoa" (Matius 26:36). Dia tidak menurut kehendak sendiri tetapi mencari wajah Allah Bapa dalam kesunyian taman.

Adakah anda rindu bersama dengan Tuhan Yesus dalam kesunyian dan berdoa? Dalam kesunyian doa kita akan mendengar bisikan dan petunjuk Allah untuk kita. Kita akan mengalami penyembuhan dan penyegaran yang kita perlukan untuk kehidupan rohani kita. "Tuhan, pada waktu pagi Engkau mendengar seruanku, pada waktu pagi aku mengatur persembahan bagi-Mu, dan aku menunggu-nunggu" (Mazmur 5:4).

Tenang jiwaku tenang
Di hadirat-Mu yang aman
Tenang ombak tenang
Diam suara diam
Dengar telinga dengar
Suara ilahi membisik
Di kesunyian saat ini

Rahsia Daripada Allah Sendiri

Banyak rahsia akan disingkapkan kepada anak-anaknya yang rela bersekutu dengan Allah. Di keheningan malam di luar khemah, Allah berbisik kepada Abram tentang rencana-Nya yang indah. "Lalu Tuhan membawa Abram ke luar serta berfirman: "Cuba lihat ke langit, hitunglah bintang-bintang, jika engkau dapat menghitungnya." Maka firman-Nya

Bersendirian Dengan Allah

kepadanya: “Demikianlah banyaknya nanti keturunanmu.” lalu percayalah Abram kepada Tuhan, maka Tuhan memperhitungkan hal itu kepadanya sebagai kebenaran” (Kejadian 15:5-6).

Raja Daud yang banyak bersekutu dengan Allah dalam setiap peristiwa hidup-Nya telah menulis banyak Mazmur. Penghiburannya tak lekang zaman lepas zaman. Salah satu Mazmur yang disukai ramai dikarang ketika baginda masih seorang budak gembala yang sering berbaring tenang di padang yang berumput hijau bersama dengan Penciptanya. “Tuhan adalah gembalaku, takkan kekurangan aku. Dia membaringkan aku di padang yang berumput hijau, Dia membimbing aku ke air yang tenang” (Mazmur 23:1-2).

Edaran Cakrawala

Waktu bersendirian betapa penting kerana kita belajar meletakkan Mentari di takhta hati kita, dan menyerahkan jiwa anda. F.B. Meyer menasihati:

“Tempatkan Mentari di pusat takhta hatimu dan semua edaran cakrawala akan mengikut arah-Nya. Letakkan Yesus di takhta hidup anda, dan semua perkara akan beredar dengan harmoni dan damai. Cari dulu kerajaan Allah dan semuanya akan menjadi milik anda. Penyerahan adalah syarat untuk keadaan yang diberkati. Terang akan menyinari perjalananmu yang sudah tidak bersinar banyak hari. “Bagimu akan ada matahari yang tidak pernah terbenam dan bulan yang tidak surut...” (Yesaya 60:20).

Jadikan Aku Murid-Mu

Dalam ketenangan bersama dengan Allah seorang murid akan mencari kedamaian dan keharmonian jiwa. Saat seperti ini akan mengarahkan kompas hidup kita. Sewaktu Yakub mengalami banyak kesesakan dan konflik dengan abangnya, dia pun berlari dan bersendirian. Di sanalah Allah bertemu dengan Dia dan memberi dia penghiburan dan perjanjian. Di sana jugalah Yakub memakai sebuah batu sebagai alas kepala. Dia berbaring di sana dengan hati yang terluka dan takut. Dia pun bermimpi, di bumi sana ada didirikan sebuah tangga yang hujungnya sampai ke langit, dan malaikat-malaikat naik turun di tangga itu. Allah bersabda kepada Yakub:

”Akulah Tuhan, Allah Abraham, nenekmu, dan Allah Ishak; tanah tempat engkau berbaring ini akan Kuberikan kepadamu dan kepada keturunanmu. Keturunanmu akan menjadi seperti debu tanah banyaknya, dan engkau akan mengembang ke sebelah timur, barat, utara dan selatan, dan olehmu serta keturunanmu semua kaum di muka bumi akan mendapat berkat. Sesungguhnya Aku menyertai engkau dan Aku akan melindungi engkau, ke mana pun engkau pergi, dan Aku akan membawa engkau kembali ke negeri ini, sebab Aku tidak akan meninggalkan engkau, melainkan tetap melakukan apa yang Kujanjikan kepadamu (Kejadian 28:13-15).”

Tangan kompas Ilahi mengarahkan Yakub untuk maju ke depan dalam hidupnya sewaktu dia bergelut dengan

Bersendirian Dengan Allah

isu dalam hidupnya. Saat ini begitu indah; Allah memberi perjanjian-Nya dan jaminan penyertaan-Nya.

Namun, kadangkala dalam perjalanan hidup kita mungkin merasa kesendirian dan kehadiran Allah seperti menghilang sahaja. Tetapi, dengan hanya berbekalkan iman dan kesetiaan bersendirian mencari wajah Allah, kita akan melangkah dan tetap bertumbuh dalam iman dan kerohanian kita. Dalam buku “Pilgrim Progress” (Perjalanan Seorang Musafir) kisah alegori klasik mengenai perjalanan hidup rohani manusia. Watak utamanya, Si Kristian, mengembara di suatu tempat yang gelap dan ngeri, yang disebut Lembah Bayang-Bayang Maut. Di tempat ini Si Kristian mengalami pengujian yang amat luarbiasa dan rasa kesendirian, yang sebelum ini belum pernah dialaminya. Suara Allah seakan-akan lesap bahkan dia tidak dapat mengecam suara sendiri kerana musuh rohani membisikkan segala macam penghujatan. “Kadangkala dia berfikir ingin kembali; lalu dia berfikir dia sudah separuh jalan melalui lembah itu; dan bahawa ancaman bahaya mungkin lebih besar jika dia patah balik; jadi dia mengambil keputusan untuk terus melangkah.”²¹

Cari Allah Dalam Perut Ikan

Dengan penuh semangat, kita mengajar kanak-kanak mengenai nabi yang tidak menuruti kehendak Tuhan, nabi Yunus. Nampaknya, seakan-akan Yunus begitu membenci

Jadikan Aku Murid-Mu

orang Niniveh sehingga tidak mahu mereka diselamatkan oleh Tuhan.

Tatkala saya membaca Yunus bab 2, saya menyelami jiwa Yunus dengan lebih baik; betapa akrab nabi ini dengan Allah. Ketika di dasar laut yang terdalam dan dalam perut ikan, dia takut kehilangan bersama Allah di Bait-Nya. "Dan aku berkata: telah terusir aku dari hadapan mata-Mu. Mungkinkah aku memandangi lagi bait-Mu yang kudus?" (Yunus 2:4). Sewaktu dia dililit rumput rampai dan hidungnya tersumbat lindir ikan, dia tetap teringat akan Allah. "Ketika jiwaku letih lesu di dalam aku, teringatlah aku kepada Tuhan, dan sampailah doaku kepada-Mu, ke dalam bait-Mu yang kudus" (Yunus 2:6).

Di Setiap Selekoh Hidup Kehadiran-Nya

Seorang penulis Eugenia Price berkata, "Kekecaian hati Hana mendorong dia untuk tinggal dekat Tuhan biarpun dia menghadapi tragedi apapun khususnya apabila dia menjadi janda. Dia tahu tidak ada yang dapat menyembuhkan luka-luka hatinya selain bersama Tuhan." Hana dalam Lukas 2 ini hidup gembira bersama suaminya selama tujuh tahun tetapi terpaksa menghadapi kenyataan bahawa Dia sudah pergi ke rumah Allah Bapa. Wanita ini panjang umur dan hidup sehingga lapan puluh empat tahun lamanya.

"Ada pula seorang nabi wanita yang sudah tua sekali. Namanya Hana, anak Fanuel, daripada suku Asyer. Sesudah tujuh tahun kahwin, Hana menjadi janda,

Bersendirian Dengan Allah

dan sekarang berumur lapan puluh empat tahun. Tidak pernah dia meninggalkan Rumah Tuhan. Siang malam dia berbakti di situ kepada Allah dengan berdoa dan berpuasa” (Lukas 2:36-37).

Keakrabannya dengan Tuhan Yesus memampukan wanita ini mengajar tentang penebusan dan Mesias yang dinantikan umat Tuhan selama ini. Dia menjadi penghibur dan mengangkat pengharapan umat Israel untuk menantikan hari mulia itu iaitu Mesias yang akan dilahirkan. Jiwanya sehati dengan Allah dan tidak pernah sesaat pun hidup dalam kemurungan. Dia sering mengajar di Bait Allah dan memberi pengharapan kepada umat Tuhan.

Kolam Suci

Murid-murid yang setia berada dalam mata air Allah yang diselubungi oleh berkat ilahi setiap musim. Bagi mereka yang meninggalkan sumber air murni dan suci, dan mencari air buatan sendiri akhirnya sengsara. Pemazmur menggambarannya sebagai, “Aku sudah menyerupai burung undan di padang gurun, sudah menjadi seperti burung pongkok pada reruntuhan” (Mazmur 102:7).

Menggali dan mencari galian kolam sendiri tidak menyenangkan Tuhan bahkan dianggap-Nya sebagai suatu kejahatan. Umat Tuhan pada zaman Yeremia tidak mencari air daripada Tuhan tetapi membuat kolam sendiri. “Sebab dua kali umat-Ku berbuat jahat: mereka meninggalkan Aku, sumber air yang hidup, untuk menggali kolam bagi mereka

Jadikan Aku Murid-Mu

sendiri, yakni kolam yang bocor, yang tidak dapat menahan air (Yeremia 2:12-13).” Kalau kita minum air yang tercemar pasti segala kejahatan akan mengalir daripada kita. Pastikan anak-anak kita tidak minum dari kolam salah atau disajikan dengan santapan yang kelak berubah menjadi racun!

Kita harus selalu bersyukur kepada Allah atas kolam yang diberikan kepada kita sehingga kita boleh minum puas. Jangan mencari kolam yang disediakan oleh khemah-khemah berlainan kerana kamu akan kegersangan bahkan akan mengundang kemalapan dalam jiwa. Seorang penulis John Henry Jowett perhatikan, “Kita mempunyai keistimewaan yang sangat tinggi kerana kita minum dari sumber sungai yang sama, yang dapat melegakan dahaga oleh Allah, yang pernah diminum Ibrahim, Yakub, Ishak, dan Daud serta Rasul Paulus.”

Saat Mendengar

Brother Lawrence, seorang biarawan, yang juga pemasak di biara tidak hanya disukai kerana masakannya yang sedap tetapi juga nasihatnya kerana dia sungguh akrab dengan Tuhan Yesus. Dia selalu bersekutu dengan Bapa Syurgawi walaupun sungguh sibuk di dapur. Brother Lawrence mengesyor doa sebagai berikut, “Doa seperti saya syorkan kepada awak ialah berfikir akan Allah siang malam dalam setiap urusan anda, dan dalam hal yang lain. Dia selalu dekat dengan anda, jangan tinggalkan dia. Awak tidak sopan jika anda membiarkan sahabat syurgawi yang mengunjungi awak bersendirian!”

Bersendirian Dengan Allah

Ketika ditanya bagaimana dia boleh berdoa sedangkan dapurnya cukup bising. "Saudara, awak mesti memahami bahawa saat berurusan atau memasak tidak berlainan dengan saat berdoa. Memanglah dapur ini sibuk lagi bising... kadangkala si anu ini memanggil dan kadangkala si anu itu berteriak, tetapi saya tetap memiliki ketenangan seperti saat saya berlutut dan berdoa di hadirat-Nya dengan penuh doa." "Oh tentunya, kalau tidak ada kerja lagi, saya merebah di lantai dan menyembah-Nya."

Sikap Bermeditasi

Raja Daud betapa mementingkan meditasi dan tiada pernah mengizinkan kelopak matanya lelap tanpa mencicipi kehadiran Allah melalui meditasi, "Sesungguhnya aku tidak akan masuk ke dalam khemah kediamanku, tidak akan berbaring di ranjang petiduranku, sesungguhnya aku tidak akan membiarkan mataku tidur atau membiarkan kelopak mataku terlelap, sampai aku mendapat tempat untuk Tuhan, kediaman untuk Yang Mahakuat dari Yakub (Mazmur 132:5-6)."

Bagaimanakah kalau anda mencicipi firman Tuhan sebelum menutup kelopak mata ataupun sewaktu membuka kelopak mata.

Berdiam Di Hadirat Allah

Berdiam di hadirat Allah

Kau akan tahu

Ketenangan yang suci

Keheningan yang dikurniai-Nya

Jadikan Aku Murid-Mu

*Bagi yang menunggu kepada-Nya
Mereka akan membawa
Kehadiran-Nya
Kehidupan-Nya
Dan terang-Nya
Bahkan ke malam yang amat gelap
Kehidupan kau di dunia
Akan memancarkan kasih-Nya
Bergema pujian-Nya yang mulia
Dan Dia akan berkarya dengan bebas
Tujuan-Nya yang tinggi dan suci melalui kau
Pertama di atas kamu ada tangan kuasa-Nya
Sehingga dalam kasih-Nya sanga ditahirkan
Dan kau akan menjadi bejana bagi-Nya
Yang begitu lemah dan kosong
Namun oleh kerana sentuhan-Nya
Dicurahkan-Nya ke dalam kekosonganmu
Hidup dan kasih-Nya
Kini bersemarak hingga selama-lamanya
Kuasa Allah akan bergerak
Dia akan berkarya dalam diri kau
Bertdiri tenang dan lihat
Kemenangan yang dicapai-Nya bagi kau
Begitu tenang namun tidak dapat disangkal
--Freda Hanbury*

Cadangan-Cadangan

- Hantarkan doa ringkas atau catatan minda yang mengakui kehadiran Allah dalam hidupmu. Ini dapat dilakukan ketika bangun tidur, duduk untuk santapan, berjalan, memandu, menunggu, mendengar dan lain-lain.

Bersendirian Dengan Allah

- Gunakan doa ringkas yang anda corakkan atau daripada Alkitab: Tuhan Yesus Kristus, kasihanilah aku, aku seorang pendosa” atau doa singkat yang lain, “Aku mengasihi Engkau”; “Aku bersyukur atas segala hal,” “Dengan anugerah-Mu,” “Terima kasih Yesus,” “Aku mahu bersukacita dalam-Mu,” “Soraklah O jiwaku,” “Bangkitlah jiwaku, pujilah yang Maha Kasih!”
- Berdoa sambil bekerja. Sewaktu kita sedang masak, sedengkan telinga kepada suara Allah. Mintalah Roh Kudus menghembusi ilham kepada kerjamu.
- Beritahu Allah bahawa dalam segala sesuatu, anda hanya mahu menyenangkan Allah dan bukan untuk menawan hati manusia.
- Katakanlah kepada Tuhan Yesus bahawa anda mahu bersandar kepada-Nya untuk segala aspek kehidupan.
- Awasi pencubaan anda sewaktu ia muncul (nafsu daging, nafsu mata, dan keangkuhan hidup). Ubahkan saat-saat ini menjadi kesempatan untuk melayangkan pandangan kepada Yesus dan mengundang kehadiran ilahi dalam hidupmu melalui doa.
- Sewaktu berjalan memandang kepada keindahan ciptaan-Nya dan memuji Pencipta Langit dan Bumi.
- Hargailah orang di sekelilingmu, berdoa untuk mereka dan bersyukur kerana mereka anugerah daripada Tuhan.
- Cuba ceritakan nikmat kamu daripada Alkitab kepada keluarga anda, kawan anda dan belajar menggunakan percakapan sehari-harian untuk mengarahkan orang ke pada anugerah Allah.
- Cari waktu untuk merebah di hadirat-Nya dan minum dari kolam air yang hidup daripada-Nya.

6

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

Sekian banyak tahun kita berjalan sendiri sebelum kita mengenal Allah Bapa, Tuhan Yesus, dan Roh Kudus. Sebermula hidup dalam Roh Kudus, kita mesti tahu menari seirama dengan Roh Kudus. Kita mungkin mengenangi lagu getaran jiwa oleh P.Ramlee. Bagi murid Tuhan Yesus, Roh Kudus adalah getaran jiwa kita, tanpa-Nya kita tiada daya dan hampa. "Getaran jiwa...melanda hatiku, tersusun nada irama dan lagu...andai dipisah irama dan nada...lemah dan tiada berjiwa, hampa (P.Ramlee)." Rasul Paulus berkata kalau kita hidup dalam Roh, kita juga selangkah dan seirama dengan Roh Kudus. "Jikalau kita hidup oleh Roh, baiklah hidup kita juga dipimpin oleh Roh" (Galatia 5:26).

Apakah bukti kita sedang berjalan dalam Roh? Murid yang berjalan dalam Roh mengalunkan irama bahawa dia semakin seperti Kristus.

"Sebaliknya, inilah hasilnya jika orang dipimpin oleh Roh Allah: Mereka saling mengasihi, bersukacita, hidup rukun, sabar, berbudi, baik hati, setia, rendah

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

hati, dan dapat mengawal diri. Tidak ada hukum yang melarang perkara-perkara seperti itu. Demikianlah, orang yang menjadi milik Kristus Yesus sudah mematikan tabiat manusia dengan segala nafsu dan keinginannya. Roh Allah telah memberikan hidup baru kepada kita; oleh itu Dia juga harus menguasai hidup kita. Kita tidak boleh menjadi sombong atau saling menyakiti hati, ataupun iri hati terhadap satu sama lain”(Galatia 5:22-26).

Kita tidak mungkin mengalunkan irama keharuman Kristus kalau kita menggunakan tenaga sendiri dan tetap hidup dengan memusatkan kekuatan pada diri kita sendiri. *“Betapa orang Kristian suam-suam hidup sedemikian duniawi dan cuai sehingga betapa sulit membezakan mereka dengan mereka yang belum bertaubat.”* (A.W. Tozer) Siapa tahu mereka bagai buaya menolak bangkai—orang jahat akan berbuat kejahatan bila-bila ada kesempatan.

Biarpun seseorang boleh meraih segunung pengetahuan teologi atau teori tentang misi dunia, kalau dia tidak berjalan seiring dengan Roh Kudus, itu semua kehampaan belaka. Kita akan kehilangan aspek kehidupan yang paling teruja bahkan paling manis dalam hidup kita, jika kita mengabaikan Sahabat yang ingin berjalan bersama kita dan memberi kita kuasa. Memang pun kekuatan baik diri sendiri mahupun gereja mungkin melemah tetapi Roh Kudus akan membimbing kita dari kekuatan ke kekuatan.

Jadikan Aku Murid-Mu

Siapakah Roh Kudus dan apakah peranannya dalam kehidupan seorang murid?

Roh Kudus ialah peribadi ketiga dalam Tritunggal, Dia Tuhan, dan Pemberi hidup dan patut disembah serta dimuliakan bersama Allah Bapa dan Anak-Nya, Yesus Kristus. Roh Kudus ialah Peribadi yang hidup dan penuh kasih sayang bukan hanya kuasa untuk menghancurkan benteng-benteng iblis. Janganlah kita hanya membayangkan Roh Kudus sebagai jana kuasa besar TNB atau air terjun Niagara! Tuhan Yesus memanggil Roh Kudus sebagai "Paraclete" yang bererti dipanggil untuk bersama (one call alongside).

"Aku akan minta kepada Bapa, dan Dia akan memberikan kepadamu seorang Penolong yang lain, supaya Dia menyertai kamu selama-lamanya" (Yohanes 14:16). Dia sahabat abadi yang selalu menolong kita sewaktu kita tidak memahami firman Tuhan, atau jalan yang kita tempuhi.

Kita mudah melupakan apa yang kita pelajari tetapi Roh Kudus akan mengingatkan kita. "Tetapi Penolong, iaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajarkan segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu akan semua yang telah Kukatakan kepadamu" (Yohanes 14:26).

"Jikalau Penolong yang akan Kuutus daripada Bapa datang, iaitu Roh Kebenaran yang keluar daripada Bapa, Dia akan bersaksi tentang Aku" (Yohanes 15:26). Jangan kamu sekali-kali salah mentafsir Roh Kudus sebagai "nabi" terakhir. Roh Kudus ini bersaksi tentang Tuhan Yesus!

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

“Namun benar yang Kukatakan ini kepadamu: Lebih berguna bagi kamu, jika Aku pergi. Sebab jikalau Aku tidak pergi, Penolong itu tidak akan datang kepadamu, tetapi jikalau Aku pergi, Aku akan mengutus Dia kepadamu. Kalau Dia datang, Dia akan menginsafkan dunia akan dosa, kebenaran dan penghakiman” (Yohanes 16:7). Yang akan datang itu Roh Kudus bukan nabi yang lain.

“Paracletos” dalam Bahasa Yunani bererti Penolong, Penghibur, Penasihat, Pemohon, Pembela, Pendukung, Yang menguatkan kita, Yang mencerahkan dan meyakinkan kita tentang kebenaran.

1. Peribadi dalam Tritunggal--“Kerana itu, pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai akhir zaman (Matius 28:19).”
2. Pemberi Karunia-Karunia Roh Kudus--“Ada berbagai-bagai karunia, tetapi satu Roh. Ada berbagai-bagai pelayanan, tetapi satu Tuhan. Ada pula berbagai-bagai perbuatan ajaib, tetapi Allah yang sama juga yang mengerjakan semuanya dalam semua orang” (1 Korintus 12:4-6).
3. Dia Diutus Oleh Bapa Dan Anak-- “Jikalau Penolong yang akan Kuutus daripada Bapa datang, iaitu Roh

Jadikan Aku Murid-Mu

Kebenaran yang keluar daripada Bapa, Dia akan bersaksi tentang Aku”(Yohanes 15:26).

4. Agen Pencipta--Roh Kudus adalah agen pertama dalam ciptaan dan Dia menjadikan segala teratur dan indah (Kejadian 1:2).
5. Roh Kudus mengilhami penulisan Alkitab iaitu manusia yang dipenuhi dan digerakkan-Nya-- “Seluruh Kitab Suci diilhamkan Allah dan bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran” (2 Timotius 3:16).

Roh Kudus Dan Kita

1. Roh Kudus bersaksi bahawa kita adalah anak Allah. “Roh itu sendiri bersaksi bersama-sama dengan roh kita bahawa kita adalah anak-anak Allah” (Roma 8:16).
2. Roh Kudus memberi kita hidup baru dan mengerjakan pembaharuan dalam diri kita. “Pada waktu itu Dia telah menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik yang telah kita lakukan, tetapi kerana rahmat-Nya oleh permandian kelahiran kembali dan oleh pembaharuan yang dikerjakan oleh Roh Kudus” (Titus 3:5).
3. Roh Kudus mengesahkan bahawa kita milik Kristus maka kita tidak lagi hidup dalam daging. “Tetapi kamu

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

tidak hidup dalam daging, melainkan dalam Roh, jika memang Roh Allah tinggal di dalam kamu. Tetapi jika orang tidak memiliki Roh Kristus, ia bukan milik Kristus” (Roma 8:9).

4. Kita mesti sedar bahawa tubuh kita adalah bait Allah, dan Roh Kudus tinggal dalamnya. “Tidak tahukah kamu bahawa kamu sekalian adalah bait Allah dan bahawa Roh Allah diam di dalam kamu?” (1 Korintus 3:16).
5. Roh Kudus menolong murid Kristus melahirkan buah-buah yang berkenan kepada Allah Bapa dan Yesus Kristus. “Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal itu” (Gal 5:22-23).
6. Roh Kudus menolong kita sehingga kita semakin serupa dengan Yesus Kristus. “Kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan yang adalah Roh, maka kita sedang diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam ke muliaan yang semakin besar” (2 Korintus 3:18).
7. Roh Kudus menolong kita memahami kehendak Bapa Syurgawi dan segala yang tersembunyi. “Kerana kepada kita Allah telah menyatakannya oleh Roh, sebab Roh menyelidiki segala sesuatu, bahkan hal-

Jadikan Aku Murid-Mu

hal yang tersembunyi dalam diri Allah. Siapa gerangan di antara manusia yang tahu, apa yang terdapat di dalam diri manusia selain roh manusia sendiri yang ada di dalam dia? Demikian pulalah tidak ada orang yang tahu, apa yang terdapat di dalam diri Allah selain Roh Allah. Kita tidak menerima roh dunia, tetapi roh yang berasal dari Allah, supaya kita tahu, apa yang dikaruniakan Allah kepada kita” (1 Korintus 2:10-12).

8. Roh Kudus memberi kita kuasa untuk pelayanan firman-Nya dan segala yang diperlukan sewaktu kita berada dalam pelayanan. “Tetapi Saulus - yang juga disebut Paulus - dikuasai oleh Roh Allah, dan menatap ahli sihir itu. Lalu Paulus berkata, “Kamu anak Iblis! Kamu musuh segala apa yang baik. Kamu penuh dengan tipu muslihat. Kamu berdusta mengenai ajaran tentang Tuhan!” (Kisah Para Rasul 13:9-10).

Karunia-Karunia Roh Kudus

Beraneka jenis karunia Roh Kudus telah dikurniai kepada tubuh Kristus supaya kita dapat melayani Allah dengan pelbagai cara sehingga seluruh tubuh dewasa dan bertumbuh dalam iman. Roh Kudus telah memberi karunia-karunia kepada jemaah; tiada sesiapa pun boleh mengatakan dia memiliki semua karunia Roh Kudus, dan yang lain kemiskinan karunia.

1. Semua karunia Roh Kudus diberikan oleh Roh Kudus

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

yang sama demi kebaikan jemaah. Ada pelbagai karunia, tetapi satu Roh. Maka pelayanan karunia Roh tidak mendatangkan perpecahan kepada jemaah melainkan kesatuan dalam hati dan jiwa. Murid tidak boleh angkuh kerana berfikir karunia mereka lebih cemerlang daripada orang lain.

“Kepada tiap-tiap orang dikaruniakan penyataan Roh untuk kepentingan bersama. Sebab kepada yang seorang, Roh memberikan karunia untuk berkata-kata dengan hikmat, dan kepada yang lain Roh yang sama memberikan karunia berkata-kata dengan pengetahuan. Kepada yang seorang, Roh yang sama memberikan iman, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk menyembuhkan. Kepada yang seorang, Roh memberikan kuasa untuk mengadakan mukjizat, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk bernubuat, dan kepada yang lain lagi Dia memberikan karunia untuk membedakan bermacam-macam roh. Kepada yang seorang, Dia memberikan karunia untuk berkata-kata dengan bahasa lidah, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk menafsirkan bahasa lidah itu. Tetapi semuanya ini dikerjakan oleh Roh yang satu dan yang sama, yang memberikan karunia kepada tiap-tiap orang secara khusus, seperti yang dikehendaki-Nya” (1 Korintus 1:7-11).

2. Murid Tuhan Yesus harus melayani dengan penuh kerajinan dan keikhlasan:

Jadikan Aku Murid-Mu

“Jika karunia untuk melayani, baiklah kita melayani; jika karunia untuk mengajar, baiklah kita mengajar; jika karunia untuk menasihati, baiklah kita menasihati. Sesiapa yang membagi-bagikan sesuatu, hendaklah dia melakukannya dengan hati yang ikhlas; sesiapa yang memberi pimpinan, hendaklah dia melakukannya dengan rajin; sesiapa yang menunjukkan belas kasihan, hendaklah dia melakukannya dengan sukacita” (Roma 12:7-8).

“Dialah yang “memberikan karunia kepada manusia”. Beberapa orang dilantik-Nya menjadi rasul, yang lain menjadi nabi, yang lain lagi menjadi pembawa Berita Baik, dan yang lain pula menjadi guru dan pemelihara jemaah. Hal itu dilakukan-Nya supaya umat Allah dapat melakukan pelayanan yang sepatutnya dilakukan oleh pengikut Kristus, sehingga tubuh Kristus dikuatkan” (Efesus 4:11-12).

3. Karunia Roh Kudus yang tidak digunakan dalam pelayanan perlu dihidupkan untuk memuliakan Allah. Rasul Paulus menasihati Timotius agar jangan abaikan karunia Roh Kudus.

“Itulah sebabnya aku mengingatkan engkau supaya sentiasa menggunakan pemberian yang dikurniakan oleh Allah kepadamu pada waktu aku meletakkan tanganku pada kepalamu. Roh yang diberikan oleh Allah kepada kita tidak menjadikan kita penakut,

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

sebaliknya Roh Allah melengkapi kita dengan kuasa, kasih, dan kekuatan untuk mengawal diri”

(2 Timotius 1:6-7).

4. Setiap orang yang percaya menerima Roh Kudus namun karunia-karunia Roh Kudus diberikan menurut kehendak Allah.

“Kepada tiap-tiap orang dikaruniakan pernyataan Roh untuk kepentingan bersama. Sebab kepada yang seorang, Roh memberikan karunia untuk berkata-kata dengan hikmat, dan kepada yang lain Roh yang sama memberikan karunia berkata-kata dengan pengetahuan. Kepada yang seorang, Roh yang sama memberikan iman, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk menyembuhkan. Kepada yang seorang, Roh memberikan kuasa untuk mengadakan mukjizat, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk bernubuat, dan kepada yang lain lagi Dia memberikan karunia untuk membezakan bermacam-macam roh. Kepada yang seorang, Dia memberikan karunia untuk berkata-kata dengan bahasa lidah, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk menafsirkan bahasa lidah itu. Tetapi semuanya ini dikerjakan oleh Roh yang satu dan yang sama, yang memberikan karunia kepada tiap-tiap orang secara khusus, seperti yang dikehendaki-Nya” (1 Korintus 12:7-11).

Jadikan Aku Murid-Mu

5. Ada orang menegaskan bahawa buah-buah Roh Kudus lebih penting daripada karunia Roh Kudus. Kita harus memahami kedua-duanya adalah dua aspek dalam kehidupan rohani dan pelayanan seseorang Kristian. Kristian yang selalu dipenuhi Roh Kudus dan secara sedar hidup menyerupai Yesus akan menghasilkan buah-buah Roh Kudus. Buah-buah Roh Kudus lahir daripada batin yang diserahkan kepada Kristus untuk dibentuk (Galatia 5:22-26).

Karunia-karunia Roh Kudus pula dikurniai untuk pelayanan dan untuk menyempurnakan tubuh Kristus. Walaupun seorang murid mungkin sungguh hebat dalam karunia Roh Kudus, namun tanpa kasih dan buah-buah Roh Kudus, semuanya hampa sahaja. Orang yang banyak karunia tetapi tidak ada buah-buah Roh Kudus akan sering menyalahgunakan karunia-karunia Roh Kudus demi mengharumkan nama sendiri.

Karunia-Karunia Roh Kudus

Ramai murid Kristus tidak tahu karunia-karunia Roh Kudus apakah yang di berikan kepada mereka, maka mereka tidak banyak kemenangan dalam pelayanan.

Senarai Karunia-Karunia Roh Kudus

1. Bernubuat

Kemampuan untuk menerima sesuatu daripada Allah

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

mengenai sesuatu yang akan terjadi. Ia mungkin sesuatu peristiwa yang akan terjadi pada masa depan ataupun suatu hiburan bagi seseorang, suatu amaran tentang apa yang akan terjadi. Namun nubuat-nubuat ini tidak boleh disamakan dengan nubuat dalam Alkitab atau kanon.

“Tetapi sesiapa yang bernubuat, dia berkata-kata kepada manusia, dia membangun, menasihati dan menghibur. Sesiapa yang berkata-kata dengan bahasa roh, dia membangun dirinya sendiri, tetapi sesiapa yang bernubuat, dia membangun Jemaat. Aku suka, supaya kamu semua berkata-kata dengan bahasa roh, tetapi lebih daripada itu, supaya kamu bernubuat. Sebab orang yang bernubuat lebih berharga daripada orang yang berkata-kata dengan bahasa roh, kecuali kalau orang itu juga menafsirkannya, sehingga Jemaat dapat dibangun” (1 Korintus 14:3-5).

Karunia ini bertujuan untuk menyatukan dan mendewasakan Jemaah bukan untuk memecahkannya.

“Dan Dialah yang memberikan baik rasul-rasul mahupun nabi-nabi, baik pemberita-pemberita Injil mahupun gembala-gembala dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang-orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus, sampai kita semua telah mencapai kesatuan iman dan pengetahuan yang benar tentang Anak Allah, kedewasaan penuh, dan tingkat pertumbuhan yang sesuai dengan kepenuhan Kristus (Efesus 4: 11-14).

Jadikan Aku Murid-Mu

Gereja perlu mengujinya dan memastikan nubuat yang disampaikan berdasarkan Alkitab. Rasul Paulus bernubuat untuk menguatkan iman Timotius dan memberinya bimbingan. "Tugas ini kuberikan kepadamu, Timotius anakku, sesuai dengan apa yang telah dinubuatkan tentang dirimu, supaya dikuatkan oleh nubuat itu engkau memperjuangkan perjuangan yang baik dengan iman dan hati nurani yang murni" (1 Timotius 1:18).

2. **Karunia Menyembuhkan**

"Dan Allah telah menetapkan beberapa orang dalam Jemaah: pertama sebagai rasul, kedua sebagai nabi, ketiga sebagai pengajar. Selanjutnya mereka yang mendapat karunia untuk mengadakan mukjizat, untuk menyembuhkan, untuk melayani, untuk memimpin, dan untuk berkata-kata dalam bahasa roh" (1 Korintus 12:9).

Penyembuhnya bukanlah murid tetapi Allah yang memakai dia sebagai bejana atau saluran menyembuhkan. Segala kemuliaan harus diberikan kepada Allah dan bukan penyembuhnya. Jangan hanya mementingkan keadaan jasmani tetapi juga memastikan orang yang disembuh mengenal Yesus dan disembuhkan secara emosi, dibebaskan dari kebelengguan, dilepaskan dari perasaan dendam dan ingatan pahit.

3. **Membezakan Roh**

Murid ini mempunyai kemampuan untuk membezakan antara Roh kebenaran dan roh jahat. Roh-roh palsu yang menyebarkan ajaran palsu, mungkin tampak

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

sebagai malaikat terang, mengoyangkan iman jemaah, menimbulkan perkelahian dan berdusta kepada jemaah.

“Kepada yang seorang Roh memberikan kuasa untuk mengadakan mujizat, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk bernubuat, dan kepada yang lain lagi Dia memberikan karunia untuk membezakan bermacam-macam roh. Kepada yang seorang Dia memberikan karunia untuk berkata-kata dengan bahasa roh, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk mentafsirkan bahasa roh itu” (1 Korintus 12:10).

4. **Bahasa Roh**

Karunia untuk menerima dan menyebut Bahasa roh yang tidak pernah diajar. Bahasa roh yang tidak diinterpretasi maknanya lebih baik digunakan untuk doa peribadi. Kalau digunakan dalam ibadah umum, maka interpretasi sungguh penting kalau ingin menguatkan iman jemaah.

“Jadi bagaimana sekarang, saudara-saudara? Bilamana kamu berkumpul, hendaklah tiap-tiap orang mempersembahkan sesuatu: yang seorang mazmur, yang lain pengajaran, atau pernyataan Allah, atau karunia bahasa roh, atau karunia untuk mentafsirkan bahasa roh, tetapi semuanya itu harus dipergunakan untuk membangun. Jika ada yang berkata-kata dengan bahasa roh, biarlah dua atau sebanyak-banyaknya tiga orang, seorang demi seorang, dan harus ada seorang lain untuk mentafsirkannya.

Jadikan Aku Murid-Mu

Jika tidak ada orang yang dapat mentafsirkannya, hendaklah mereka berdiam diri dalam pertemuan Jemaah dan hanya boleh berkata-kata kepada dirinya sendiri dan kepada Allah” (1 Korintus 14:26-28).

5. **Melayani**

“Jika karunia untuk melayani, baiklah kita melayani; jika karunia untuk mengajar, baiklah kita mengajar” (Roma 12:7). Murid yang berkarunia melayani dikurniakan dengan karunia untuk mengambil berat akan keperluan orang lain dengan beraneka cara.

Kalau mereka boleh memasak, mereka akan melayani orang lain dengan sedapan-sedapannya seperti Nomsom (daging yang disimpan di botol sehingga asam), ular sawah yang dipanggang, sup berudu (sup anak katak yang baru menetas), atau Hinava. Hinava adalah makanan kesukaan Pastor Lam Kee Hing, makanan ini seperti sushi Jepun, tetapi sebenarnya makanan istimewa orang Dusun. Di gereja saya, Jenny Fong adalah jaguh pemasak yang sering menyatukan kami dalam persekutuan Bahasa Malaysia di Hokkien Methodist. Kalau ada perhimpunan, murid-murid seperti ini giat melayani orang lain dan membuat jemaah selesa dan gembira.

6. **Mengajar**

Karunia ini ialah kebolehan untuk menyampaikan firman Tuhan dengan bernas dan contoh-contoh yang jelas. Murid ini mengajar dengan penuh semangat dan arif menolong jemaah menerapkan firman dalam kehidupan mereka.

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

“Dialah yang memberikan baik rasul-rasul mahupun nabi-nabi, baik pemberita-pemberita Injil mahupun gembala-gembala dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang-orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus” (Efesus 4:11-12).

Murid-murid yang diajari tidak akan berdengkur atau merasa dia sedang mengumandang “Dondang sayang” yang membuat kelopak mata berat. Pengajarannya menolong mereka bertumbuh lagi dalam iman.

7. **Menasihati**

Orang yang menasihati akan menolong orang lain untuk menerapkan firman dalam hidup mereka sewaktu diperhadapkan dengan cabaran atau kesusahan hidup. Dengan karunia ini, anggota jemaah banyak diberikan bimbingan dan galakan untuk bertumbuh dan bukan membunuh diri.

“Jika karunia untuk menasihati, baiklah kita menasihati. Sesiapa yang membagi-bagikan sesuatu, hendaklah dia melakukannya dengan hati yang ikhlas; sesiapa yang memberi pimpinan, hendaklah dia melakukannya dengan rajin; sesiapa yang menunjukkan kemurahan (belas kasihan), hendaklah dia melakukannya dengan sukacita” (Roma 12:8).

Jadikan Aku Murid-Mu

8. **Memberi**

Murid ini berkemampuan memberi dengan murah hati dan gembira sekalipun tidak semestinya dia kaya raya. Pemberiannya mungkin merupakan beras, susu, sabun ataupun makanan bagi orang yang dijangkau dalam misi. Dia mungkin memberi dengan murah hati kepada asrama yang dibangunkan untuk anak-anak yang tinggal jauh dari sekolah (Roma 12:8).

9. **Belas Kasihan (Roma 12:8)**

Murid ini sabar dan mampu menunjukkan belas kasihan kepada mereka yang menderita baik secara batiniah mahupun minda. Mereka mampu berjalan bersama anggota jemaah seperti memberi doa serta galakan dalam iman. Anggota jemaah boleh menangis di bahunya (Roma 12:8).

10. **Iman**

Tanpa iman, visi akan tetap visi kerana tidak ada orang yang berani melangkah dan melakukan sesuatu baik yang besar mahupun sederhana bagi Allah. Orang yang dikurniakan dengan karunia iman akan melangkah dan menukarkan pelan menjadi kenyataan.

Visi ke Myanmar dan Nepal terlaksana indah kerana anggota tertentu ada iman dan visi untuk mengerahkan baik anggota gereja mahupun denominasi mereka!
"Kepada yang seorang, Roh yang sama memberikan iman, dan kepada yang lain Dia memberikan karunia untuk menyembuhkan" (1 Korintus 12:8).

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

11. **Kerasulan**

“Allah telah menetapkan beberapa orang dalam jemaah: pertama sebagai rasul, kedua sebagai nabi, ketiga sebagai pengajar. Selanjutnya mereka yang mendapat karunia untuk mengadakan mukjizat, untuk menyembuhkan, untuk melayani, untuk memimpin, dan untuk berkata-kata dalam berbagai-bagai jenis bahasa lidah” (1 Korintus 12:28).

Murid yang mempunyai karunia seperti ini mampu memulakan gereja baru dan mengetuai gereja-gereja baharu. Kewibawaan dan autoritinya biasanya tampak jelas dalam karunia yang diberikan kepadanya.

12. **Penginjilan**

“Dialah yang memberikan baik rasul-rasul mahupun nabi-nabi, baik pemberita-pemberita Injil mahupun gembala-gembala dan pengajar-pengajar, untuk memperlengkapi orang-orang kudus bagi pekerjaan pelayanan, bagi pembangunan tubuh Kristus” (Efesus 4:11).

Murid ini berkemampuan untuk menjelaskan berita Injil dengan jelas dan membimbing orang kepada Tuhan Yesus. Dia mungkin menjangkau orang yang berbangsa lain dengan Injil. Namun, ini tidak bererti orang yang tidak ada karunia ini tidak perlu memberitakan Injil.

13. **Pengembalaan**

Murid yang dikurniakan dengan karunia ini boleh membimbing, memberi makanan rohani kepada

Jadikan Aku Murid-Mu

anggota Jemaah, memelihara dan melindungi domba-domba (jemaahnya) di bawah jagaannya. Petrus telah dipercayakan tugas menggembalakan jemaah Allah. "Yesus berkata kepadanya untuk kali kedua, "Simon, anak Yohanes, adakah engkau mengasihi Aku?" Dia berkata kepada-Nya, "Ya, Tuhan; Engkau tahu bahawa aku mengasihi Engkau." Yesus berkata kepadanya, "Gembalakanlah domba-domba-Ku" (Yohanes 21:16).

Orang yang memiliki karunia ini menjaga domba dengan kasih Tuhan Yesus dan bukan demi keuntungan sendiri. Mereka tidak akan mencederakan anggota jemaah tetapi membalut luka mereka. Mereka akan membimbing domba untuk mencari makanan rohani, dan melindungi jemaah daripada musuh.

Apakah Karunia-Karunia Roh Kudus Saya?

1. Alangkah rugilah kalau kita tidak mengetahui karunia-karunia Roh Kudus kita, dan tidak pernah menggunakannya dalam pelayanan. Allah kita yang murah hati telah mengurniakan pelbagai karunia kepada para anak-Nya dan memang kehendak-Nya kalau kita memakainya. Berdoalah dan mintalah Roh Kudus untuk menyatakannya. "Terpujilah Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus yang dalam Kristus telah mengaruniakan kepada kita segala berkat rohani di dalam syurga" (Efesus 1:2).

Seiring Seirama Dengan Roh Kudus

2. Bersyukurlah atas karunia yang diberikan oleh Allah bagi engkau. Jangan rasa cemburu terhadap karunia orang lain kerana semua karunia dikurniakan akan demi mendewasakan gereja. "Kerana Allahlah yang mengerjakan di dalam kamu baik kemahuan mahupun pekerjaan menurut kerelaan-Nya" (Filipi 2:13). "Tetapi kepada tiap-tiap orang dikurniakan pernyataan Roh untuk kepentingan bersama" (1 Korintus 12:7).
3. Keberanian diperlukan untuk menggunakan karunia-karunia Roh Kudus. Adapun sesetengah orang yang seharusnya melakukan yang lebih besar bagi Allah tetapi telah menyembunyikan karunia-karunia Rohnya. "Jangan lalai dalam mempergunakan karunia yang ada padamu, yang telah diberikan kepadamu oleh nubuat dan dengan penumpangan tangan sidang penatua" (1 Timotius 4:14).
4. Sewaktu engkau semakin melayani dengan karunia-karunia Roh Kudus, jemaah akan mengakui karunia-karunia Roh dalam engkau kerana Jemaah semakin mendewasa bersama engkau. Mereka semakin diberkatinya kerana gereja memerlukan semua aspek karuniamu.

Jadikan Aku Murid-Mu

Lagu dan Doa

*Tuhan ingin kudapat memancarkan
Kasih-Mu indah penuh kemuliaan
Budi bahasaku, dihaluskan Roh-Mu
Hingga memancarkan keindahan-Mu*

Cadangan-Cadangan

1. Lukas 11:13- Adakah anda peka akan kehadiran Roh Kudus dalam kehidupan anda? Kalau tidak, luangkan waktu mengundang kehadiran-Nya.
2. Bersama dengan Roh Kudus, carilah karunia-karunia Roh Kudus yang Tuhan kurniakan kepada anda (Romans 12:6-8 and 1 Korintus 12:8-11).
3. Renungan buah-buah Roh Kudus (Galatia 5:22-23). Buah apa yang anda perlukan untuk menjadi berkat kepada orang lain?
4. Buah apa yang sudah nyata sehingga anda menyatakannya selalu dalam hidupmu.
5. Berdoa dalam Roh dan peka akan kehadiran Roh Kudus dalam doamu dan minta bantuan-Nya.

Renungan

1. Dari segi apakah Roh Kudus telah mengubah hidupmu?

7

Identiti dan Perananku

Kawanku Lovelle Yoon telah melukis dan menulis buku pertamanya yang berjudul, "Eegie the Earthworm." Dia rindu kanak-kanak memupuk identiti yang sihat tentang diri mereka sendiri. Untuk hal ini, dia menggambarkan seekor ulat comel yang merasa sungguh kecil dengan keberadaannya berbanding dengan kecantikan rama-rama yang beraneka warna dan yang berterbangan bebas di bawah sinaran mentari. Ulat itu mengasihani diri dan sering berasa dirinya tidak berguna. Pada suatu hari seorang datuk menjelaskan kepada cucunya bahawa dia mempunyai kawan-kawan kecil yang banyak menolong dia sewaktu dia menanam pokok bunga. Kawan kecil yang luarbiasa ini adalah ulat-ulat yang sering membajak tanah. Eegie berada di bawah tanah dan sedang mendengar dengan begitu gembira. Mentari kesedaran menyinari jiwanya. Eegie sedar peranannya sungguh penting. Pengetahuan akan hal ini telah mengubah seluruh hidup ulat ini.

Seringkali kita membiarkan acuan dunia ini membentuk identiti kita sehingga kita menjadi si ulat kecil yang tidak bernilai. Ukuran siapa diri kita selalu ditimbangkan

Jadikan Aku Murid-Mu

dengan neraca dunia. Janganlah kita menari mengikut irama dunia ini yang mementingkan yang lahiriah seperti kekayaan dan benda-benda yang kita miliki.

Bagaimana kalau kita memakai kacamata Allah agar kita memperoleh pandangan identiti yang sebenarnya? Siapakah diriku di hadirat-Nya? Untuk bermekar dan memeluk identiti yang diberikan oleh Allah, kita perlu merujuk Alkitab. Kita ingin mengenal siapa diri kita daripada nafas Allah sendiri. Jangan biarkan orang lain menghancurkan semangat anda dengan pelbagai cercaan yang tidak berguna.

- **Saya Anak-Nya**

Tidak kisahlah kalau kita bukan anak Sultan atau Panglima, tetapi kenyataannya ialah kita anak Raja atas segala raja. "Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Allah, iaitu mereka yang percaya dalam nama-Nya" (Yohanes 1:12).

- **Anak Dan Ahli Waris-Nya**

Tidak kisah kita bukan pewaris kebun getah atau rumah besar. Jangan keluh kesah atas penderitaan yang datang bertubi-tubi daripada musuh kerana kalau kita bersekutu dalam penderitaan-Nya, kita akan dimuliakan juga.

"Nah, kalau kita adalah anak-anak-Nya, maka kita pun adalah ahli waris-Nya yang akan menerima berkat-berkat yang disediakan Allah untuk anak-anak-Nya. Kita akan menerima bersama-sama dengan Kristus apa yang sudah disediakan Allah bagi-Nya;

Identiti dan Perananku

sebab kalau kita menderita bersama Kristus, kita akan dimuliakan juga bersama Dia” (Roma 8:17).

- **Saya Kawan Yesus**

Betapa indahny menerima segala rahsia daripada Tuhan Yesus yang menganggap kita kawan. Itu bukan rahsia-rahsia biasa-biasa tetapi segala daripada Allah Bapa. “Aku tidak menyebut kamu lagi hamba, sebab hamba tidak tahu, apa yang diperbuat oleh tuannya, tetapi Aku menyebut kamu sahabat, kerana Aku telah memberitahukan kepada kamu segala sesuatu yang telah Kudengar dari Bapa-Ku” (Yohanes 15:15).

- **Saya Rakyat Syurgawi Kini Dan Kelak**

Memang tubuh kita tidak selalu sama muda. Edaran waktu akan membawa tubuh yang uzur dan kadangkala sakit. Lutut bergoyah dan tangan bergementar, tetapi wahai saudara dan saudari ingatlah akan kerakyatan syurgawi kita.

“Tetapi kita adalah warga negara syurga. Dari situlah juga Raja Penyelamat kita, Tuhan Yesus Kristus, akan datang. Dialah yang kita nanti-nantikan dengan rindu. Tubuh kita yang lemah dan dapat hancur ini, akan diubah oleh Kristus menjadi seperti tubuh-Nya sendiri yang mulia. Dia dapat melakukan itu kerana Dia memiliki kuasa untuk menaklukkan segala sesuatu” (Filipi 3:20-21).

Jadikan Aku Murid-Mu

- **Yesuslah Pokok Dan Aku Cabangnya**

Jangan lupa kita adalah cabang pohon anggur, Yesus, maka kita mesti peka kalau ranting-ranting kita dibersihkan supaya kita bertumbuh dan berbuah. Kata Yesus lagi, "Aku pohon anggur yang sejati, dan Bapa-Ku adalah tukang kebunnya. Akulah pohon anggur, dan kalian cabang-cabangnya. Orang yang tetap bersatu dengan Aku dan Aku dengan dia, akan berbuah banyak; sebab tanpa Aku, kalian tak dapat berbuat apa-apa. Cabang-cabang pohon anggur" (Yohanes 15: 1,5).

- **Saya Orang Kudus**

Walaupun kita berenang dalam kolam yang tercemar, kita mesti selalu ingat bahawa kita adalah orang kudus yang dikuduskan Allah. "...kepada saudara-saudara yang kudus dan yang percaya dalam Kristus di Kolose. Kasih karunia dan damai sejahtera daripada Allah, Bapa kita, menyertai kamu" (Kolose 1:2).

- **Saya Ciptaan Baru Dalam Kristus**

Kita akan menanggalkan segala yang lama dan berjalan dengan Kristus. "Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, dia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang" (2 Korintus 5:17).

Keadaan Baharuku

- **Saya Ditebus Oleh Darah-Nya**

Darah semua domba yang tidak cela dalam padang pun tidak dapat menebuskan dosa. Kini, Domba Allah telah

Identiti dan Perananku

menebus aku dengan darah-Nya sendiri dari dosa. “Sebab di dalam Dia dan oleh darah-Nya kita beroleh penebusan, iaitu pengampunan dosa, menurut kekayaan kasih karunia-Nya” (Efesus 1:7).

- **Saya Diselamatkan Oleh Kasih Karunia-Nya**

Segala kerja amal, wang bahkan seksaaan tubuh pun tidak dapat menyelamatkan kita dari dosa kecuali rahmat dan kasih karunia Allah. “Tetapi Allah yang kaya dengan rahmat, oleh kerana kasih-Nya yang besar, yang dilimpahkan-Nya kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama dengan Kristus, sekalipun kita telah mati oleh kesalahan-kesalahan kita— oleh kasih karunia kamu diselamatkan” (Efesus 2:4-5).

- **Saya Dekat Bersama Allah Oleh Sebab Darah Kristus**

Saya bukan lagi musuh Kristus Yesus dan kini saya bersatu dengan-Nya. “Tetapi sekarang, kerana kalian sudah bersatu dengan Kristus Yesus, kalian yang dahulu jauh, telah didekatkan oleh kematian Kristus” (Efesus 2:13).

- **Saya Sudah Mempunyai Pengharapan Yang Hidup**

Kita tidak lagi takut akan masa depan kerana Dia Hidup dan pengharapanku cerah. “Terpujilah Allah dan Bapa Tuhan kita Yesus Kristus, yang kerana rahmat-Nya yang besar telah melahirkan kita kembali oleh kebangkitan Yesus Kristus dari antara orang mati, kepada suatu hidup yang penuh pengharapan” (1 Petrus 1:3).

Jadikan Aku Murid-Mu

- **Saya Bersama Gembalaku Dan Tidak Sesat Lagi**

Saya bukan lagi anjing kurap yang berjalan sesat di Jalan Kuching tetapi saya domba dan Yesus Gembalaku. "Sebab dahulu kamu sesat seperti domba, tetapi sekarang kamu telah kembali kepada gembala dan pemelihara jiwamu" (1 Petrus 2:25).

- **Saya Dipilih Dan Dikasihi Allah Selalu**

Anda sungguh istimewa kerana dipilih Allah untuk menjadi anak dan sahabat-Nya. "Dan kami tahu, hai saudara-saudara yang dikasihi Allah, bahwa Dia telah memilih kamu" (1 Tesalonika 1:4).

- **Saya Dikurniakan Damai Allah**

Di dunia yang bergelora dan penuh dengan kekejaman zaman ini, hati dan fikiran kita dipelihara oleh kedamaian dalam hadirat-Nya. "Damai sejahtera Allah, yang melampaui segala akal, akan memelihara hati dan fikiranmu dalam Kristus Yesus" (Filipi 4:7).

- **Saya Mengambil Bahagian Dalam Kudrat Ilahi-Nya**

Saya tidak lagi mengambil bahagian dalam kegelapan sebaliknya saya menerima kudrat ilahi dan hidup suci untuk memuliakan nama-Nya. "Dengan jalan itu Dia telah menganugerahkan kepada kita janji-janji yang berharga dan yang sangat besar, supaya olehnya kamu boleh mengambil bahagian dalam kudrat ilahi, dan luput dari hawa nafsu duniawi yang membinasakan dunia" (2 Petrus 1:4).

Identiti dan Perananku

- **Saya Tidak Khuatir Kerana Tuhan Mencukupi Keperluanku**

“Allahku akan memenuhi segala keperluanmu menurut kekayaan dan kemuliaan-Nya dalam Kristus Yesus”
(Filipi 4:19).

Apakah Yang Perlu Saya Lakukan?

- **Arahkan Fikiran Kepada Allah**

“Fikirkanlah hal-hal yang di atas, bukan yang di bumi”
(Kolose 3:2).

- **Fikirkan Yang Mulia dan Manis**

“Jadi, akhirnya, Saudara-saudara, semua yang benar, semua yang mulia, semua yang adil, semua yang suci, semua yang manis, semua yang sedap didengar, semua yang disebut kebajikan dan patut dipuji, fikirkanlah semuanya itu”
(Filipi 4:8).

- **Berjalan Sebagai Anak Terang**

“Memang dahulu kamu adalah kegelapan, tetapi sekarang kamu adalah terang di dalam Tuhan. Sebab itu hiduplah sebagai anak-anak terang, kerana terang hanya berbuahkan kebaikan dan keadilan dan kebenaran” (Efesus 5:8).

- **Saya Perlu Membiarkan Terangku Bersinar**

“Kamu adalah terang dunia. Kota yang terletak di atas gunung tidak mungkin tersembunyi. Lagi pula orang tidak

Jadikan Aku Murid-Mu

menyalakan pelita lalu meletakkannya di bawah tempayan, melainkan di atas kaki pelita sehingga menerangi semua orang di dalam rumah itu” (Matius 5:14-15).

- **Saya Tidak Akan Berjalan Menurut Daging**

“Maksudku ialah: Hiduplah oleh Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging. Sebab keinginan daging berlawanan dengan keinginan Roh dan keinginan Roh berlawanan dengan keinginan daging -- kerana kedua-duanya bertentangan -- sehingga kamu setiap kali tidak melakukan apa yang kamu kehendaki. Akan tetapi, jikalau kamu memberi dirimu dipimpin oleh Roh, maka kamu tidak hidup di bawah hukum Taurat. Perbuatan daging telah nyata, iaitu: percabulan, kecemaran, hawa nafsu, penyembahan berhala, sihir, perseteruan, perselisihan, iri hati, kemarahan, kepentingan diri sendiri, perkecokan, perpecahan, kedengkian, bermabuk-mabukan, pesta pora dan sebagainya. Terhadap semuanya itu kuperingatkan kamu -- seperti yang telah kulakukan dahulu -- bahawa sesiapa saja yang melakukan hal-hal demikian tidak akan mendapat bahagian dalam Kerajaan Allah” (Galatia 5:16-21).

- **Saya Rindu Menjadi Bejana-Nya Yang Terbaik**

“Usahakanlah supaya engkau layak di hadapan Allah sebagai seorang pekerja yang tidak usah malu, yang berterus terang memberitakan perkataan kebenaran itu (2 Timotius 2:15).”

Identiti dan Perananku

- **Saya Diamanahkan Injil**

“Yesus mendekati mereka dan berkata, “Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di syurga dan di bumi. Kerana itu, pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus” (Matius 28:18-19).

- **Masa Depan Saya**

“Apabila Kristus, yang adalah hidup kita, tampak kelak, kamu pun akan tampak bersama dengan Dia dalam kemuliaan” (Kolose 3:4).

Cadangan-Cadangan

1. Renungan lima daripada identiti itu setiap minggu; buatlah catatan untuk dikaitkan dengan kehidupan anda sendiri.
2. Ceritakan dan beritahukan seorang Kristian tentang identiti ini.
3. Tukarkan ayat-ayat Alkitab mengenai identiti ini menjadi doa peribadimu.

8

Serangan Di Tiga Gerbang

Dalam buku cerita Don Quixote, insan yang lucu dari La Mancha di Spanyol ini membayangkan dirinya kesateria. Don Quixote pun menggosok pedang, dan ketopong, siap-siap ikat pinggangnya, berbaju zirah untuk khidmatnya. Untuk ketopong, dia memakai basin! Kudanya, Rosinate sangat tua dan kurus tetapi Don Quixote berfikir kudanya paling kuat. Apabila dia melihat kincir angin, kepahlawanannya bermula sebab dia menduganya sebagai raksasa. Perjalanan orang Kristian bukan seperti Don Quixote kerana kita menghadapi perang rohani yang nyata. Maka 'helmet' atau ketopong kita tidak boleh basin sahaja. Perang kita hebat dan memerlukan perlengkapan yang baik. E.M. Bounds, penulis buku doa berkata,

“Sering kita berkata kehidupan seorang Kristian bagai suatu perang, suatu pertempuran, suatu perlawanan seumur hidup. Suatu perang terhadap musuh-musuh yang tiada kelihatan, yang selalu peka, dan sering berusaha memerangkap, menipu, dan membinasakan jiwa-jiwa manusia. Hidup yang dipanggil oleh Kitab Suci bukanlah jenis berkelah,

Serangan Di Tiga Gerbang

atau beria-ria bercuti, ia bukan jenis sambil lewa, bukan perjalanan yang seronok. Ia melibatkan usaha, pergelutan, perlawanan; ia menutut sepenuh tenaga roh untuk mengagalkan musuh dan untuk muncul, lebih daripada pemenang. Jalannya tidak bertaburan baik ros prim kuning, mahupun ros yang harum. Dari mulanya sampai akhir, ia perang. Dari saat kita keluarkan keris dari sarungnya, sehingga kita memasang kelana kuda, seorang pahlawan Kristian perlu tahan menderita sebagai askar yang baik.”²²

Tiga Gerbang Serangan

Seorang anak Tuhan akan sering mengalami serangan dari tiga gerbang. Gerbang pertama ialah dunia, yang kedua, iblis dan yang ketiga, daging.

“Dan kamu sudah mati kerana pelanggaran-pelanggaran dan dosa-dosamu. Kamu hidup di dalamnya, kerana kamu mengikuti jalan dunia ini, kerana kamu mentaati penguasa kerajaan angkasa, iaitu roh yang sekarang sedang bekerja di antara orang-orang derhaka. Sebenarnya dahulu kami semua juga terhitung di antara mereka, ketika kami hidup di dalam hawa nafsu daging dan menuruti kehendak daging dan fikiran kami yang jahat. Pada dasarnya kami adalah orang-orang yang harus dimurkai, sama seperti mereka yang lain” (Efesus 2:1-3).

Jadikan Aku Murid-Mu

Cara kita berjalan dan berfikir tidak harus dibentuk oleh nilai-nilai dan corak pemikiran dunia. Sebagai warga syurgawi kita selalu ditarik oleh dua pihak: kerajaan Allah atau kerajaan dunia. Corak dunia yang menyeret kita kepada kekayaan, kekuasaan, dan keangkuhan kebendaan. Seringkali gagasan fikiran ini bercanggahan dengan hidup dalam kesederhanaan bagi Tuhan Yesus. "Sebab semua yang ada di dalam dunia, iaitu keinginan daging dan keinginan mata serta keangkuhan hidup, bukanlah berasal daripada Bapa, melainkan dari dunia" (1 Yohanes 2:16).

Minda kita memang lapangan perang bagi yang rohani dan yang berupa kebendaan, kedua-dua mengingini kesetiaan dan cinta kasih kita. Hanya doa, pembacaan firman Allah serta semangat berkoar-kobar untuk menerapkan firman-Nya dapat memperbaharui cara kita berfikir. "Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membezakan manakah kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna" (Roma 12:2).

Jangan Bertolak Ansur Dengan Iblis

Kita tidak boleh bertolak ansur dan masih memegang kepada unsur-unsur kepercayaan lama kita kalau kita ingin mengasihi Allah kita. Kita tidak boleh menyimpan azimat kerana takut akan kuasa gelap sebab azimat itu sendiri sudah mempunyai kuasa gelap. Batu, kayu dan patung-patung yang pernah engkau sembah pada suatu ketika mesti dicampakkan atau dibakar. Kita tidak lagi takluk kepada roh-roh seperti takut

Serangan Di Tiga Gerbang

akan pokok besar sebab percaya ia berpuaka.

Apabila seorang Dusun mempercayai Tuhan Yesus, dia tidak lagi menjadikan tempayan dan batu besar sebagai alat penyembahan. Mereka tidak menjadikannya sebagai tempat permintaan tolong ketika tertimpa bencana. Semua tempayan dan batu besar akan dihancurkan dan tidak lagi berkompromi dalam ibadah berhala. Batu besar misteri di Mamang di ceruk hutan, tidak menawan mereka kerana Tuan dan Tuhan mereka hanya Tuhan Yesus. Tidak lagi mereka menganut kepercayaan bahawa oleh sebab suatu ketika burung murai pernah menyanyi di batu itu, maka di situ ada orang halus.

Apabila suku Lundayeh percaya kepada Tuhan Yesus, mereka tidak lagi dibelenggu oleh ketakutan. Pada zaman dahulu, kalau isteri mengandung, suami tidak boleh memakuk dinding atau mengikat sesuatu. Mereka tidak lagi takut akan hantu yang bernama 'Wak Kelawak.' Pada suatu ketika apabila seorang perempuan sedang melahirkan anak dan terdengar bunyi keruak, keruak, dan terbang ke atas rumah, iaitu dipercayai hantu yang tiada berkepala, semua anak mesti dibangun dan disuruh mengetuk sesuatu supaya dapat menghalau hantu itu.

Kalau kita pernah ikut dalam Gawai Antu, Gawai Burung, Gawai Batu, Gawai Tanju, Gawai Mangkung Tiang, Gawai Antu Pala dan Gawai Manang, putuslah segala perhubungan dengan penyembahan ini. Janganlah melibatkan diri dalam penyembahan hantu atau memukul tiang-tiang untuk memanggil roh. Putuskan juga penglibatan minum tuak yang sering digunakan dalam pemujaan ini.

Roh-roh jahat selalu mengingini disembah tetapi hanya

Jadikan Aku Murid-Mu

Allah Bapa, Tuhan Yesus dan Roh Kudus (Tritunggal) layak disembah. Sejak dahulu, iblis berkata:

“Aku hendak naik mengatasi ketinggian awan-awan, hendak menyamai Yang Maha Tinggi!” (Yesaya 14:14). Roh-roh jahat kadangkala ini dinamai sebagai malaikat terang kerana dia berusaha memalsukan kebenaran sehingga kita diperbodoh olehnya. “Hal itu tidak usah menghairankan, sebab Iblis pun menyamar sebagai malaikat Terang” (2 Korintus 11:13-15).

Setelah mempercayai kepada Tuhan Yesus, suatu suku tahu bahawa dahulu fikiran mereka pernah diperdayakan oleh malaikat terang. Mereka tidak lagi percaya ada dewa yang mengawasi tasik mereka dan menghindari penceroboh. Mereka menganut pantang larang memakai baju merah kerana itu tidak disukai penunggu tasik ini. Pernah suatu ketika wanita mengandung takut keluar senja kerana takut disampuk oleh makhluk. Tuhan Yesus kini Gunung Batu dan Benteng hidup mereka.

Iblis boleh menggoda orang untuk ilmu sihir, ilmu nujum atau menelaah, permainan kuasa ghaib, ilmu wasitah iaitu berhubung dengan roh si mati. Kalau kita pernah terlibat dalam semua ini, tibalah masanya untuk mencampakkan semua ini. “Janganlah mereka mempersembahkan lagi korban mereka kepada jin-jin, sebab menyembah jin-jin itu adalah zina. Itulah yang harus menjadi ketetapan untuk selamanya bagi mereka turun-temurun” (Imamat 17:7).

Serangan Di Tiga Gerbang

Untuk kembali menyembah penunggu, dewa-dewa, atau menggunakan bomoh atau sihir adalah suatu kekejian bagi Allah. Seorang murid Tuhan Yesus tidak lagi berkompromi dengan semuanya ini. Kita perlu hidup tidak bercela kepada Tuhan Yesus dan tidak kembali meminta nasihat daripada petenung.

“Apabila engkau sudah masuk ke negeri yang diberikan kepadamu oleh TUHAN, Allahmu, maka janganlah engkau belajar berlaku sesuai dengan kekejian yang dilakukan bangsa-bangsa itu. Antaramu janganlah didapati seorang pun yang mempersembahkan anaknya lelaki atau anaknya perempuan sebagai korban dalam api, ataupun seorang yang menjadi petenung, seorang peramal, seorang penelaah, seorang penyihir, seorang pemantera, ataupun seorang yang bertanya kepada arwah atau kepada roh peramal atau yang meminta petunjuk kepada orang-orang mati. Sebab setiap orang yang melakukan hal-hal ini adalah kekejian bagi TUHAN, dan oleh kerana kekejian-kekejian inilah TUHAN, Allahmu, menghalau mereka dari hadapanmu. Haruslah engkau hidup dengan tidak bercela di hadapan TUHAN, Allahmu”
(Ulangan 18:9-13).

Iblis Melawan Kerajaan Allah

Iblis juga menggunakan kerajaan dunia untuk melawan Kerajaan Allah dan menghalangi penyebaran firman-Nya.

Jadikan Aku Murid-Mu

Jabatan Agama Islam Selangor telah merampas sebanyak 351 naskah Bible versi Bahasa Melayu dan Bahasa Iban yang mengandungi kata Allah dalam satu serbuan di kedai Persatuan Bible Malaysia pada 2 petang, pada Khamis 2 Januari, 2014.

Tugas iblis adalah memang mengaum dan menakutkan umat Kristian. Penguasa dunia berusaha untuk menghalangi ibadah orang Kristian. Kita pernah juga dikuasai penguasa dunia ini sebelum kita mengenal Tuhan Yesus. "Kamu hidup di dalamnya, kerana kamu mengikuti jalan dunia ini, kamu mentaati penguasa kerajaan angkasa, iaitu roh yang sekarang sedang bekerja di kalangan orang-orang derhaka" (Efesus 2:2).

Iblis Menggalakkan Ajaran Sesat

Iblis menabur kekeliruan di kalangan orang percaya dengan ajaran-ajaran palsu dan menceraikan beraikan anggota gereja.

"Tetapi Roh dengan tegas mengatakan bahawa di waktu-waktu kemudian, ada orang yang akan murtad lalu mengikuti roh-roh penyesat dan ajaran setan-setan oleh tipu daya pendusta-pendusta yang hati nuraninya memakai cap mereka. Mereka itu melarang orang untuk berkahwin, melarang orang makan makanan yang diciptakan Allah supaya dengan pengucapan syukur dimakan oleh orang yang percaya dan yang telah mengenal kebenaran."

(1 Timotius 4:1-3)

Iblis Menyerang Melalui Daging

Apakah pekerjaan daging?

“Perbuatan daging telah nyata, iaitu: percabulan, kecemaran, hawa nafsu, penyembahan berhala, sihir, perseteruan, perselisihan, iri hati, amarah, kepentingan diri sendiri, percideraan, roh pemecah, kedengkian, kemabukan, pesta pora dan sebagainya. Terhadap semuanya itu kuperingatkan kamu -- seperti yang telah kubuat dahulu -- bahawa barangsiapa melakukan hal-hal yang demikian, dia tidak akan mendapat bahagian dalam Kerajaan Allah” (Gal 5:19-21).

Paulus memulakan senarainya dengan dosa moral seperti percabulan, kecemaran dan hawa nafsu. Lalu senarainya menyentuh tentang dosa agama dan penglibatan dalam kuasa ghaib. Pekerjaan daging juga tampak dalam perhubungan yang antaranya kedengkian, memementingkan diri, amarah, kemabukan dan berpesta pora. Perang terhadap tubuh dan daging kita akan terus sepanjang kehidupan di dunia ini.

Kemenangan kita atas daging bermula apabila kita menyedari bahawa kita sudah dipindahkan dari kerajaan gelap kepada kerajaan terang. “Dia telah melepaskan kita dari kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam Kerajaan Anak-Nya yang terkasih” (Kolose 1:13). Identiti baharu kita adalah dalam Dia, kita dikuburkan bersama Dia dan dibangkitkan bersama-Nya (Roma 6:3-4).

Jadikan Aku Murid-Mu

Kita sedar bahawa kita bukan lagi hamba dosa sebab Kristus yang mati bagi kita juga melepaskan kita dari dosa. “Kerana kita tahu bahawa manusia lama kita telah turut disalibkan, supaya tubuh dosa kita hilang kuasanya, agar jangan kita menghambakan diri lagi kepada dosa. Sebab sesiapa yang telah mati, dia telah bebas dari dosa” (Roma 6:6-7). Jangan biarkan dosa bertandang lagi.

Belajar berjalan dalam Roh Allah:

“Maksudku ialah: Hiduplah oleh Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging. Sebab keinginan daging berlawanan dengan keinginan Roh dan keinginan Roh berlawanan dengan keinginan daging -- kerana kedua-duanya bertentangan -- sehingga kamu setiap kali tidak melakukan apa yang kamu kehendaki. Akan tetapi, jikalau kamu memberi dirimu dipimpin oleh Roh, maka kamu tidak hidup di bawah hukum Taurat. (Galatia 5:16-18).

Contoh Samson Dan Daniel Menangani Daging

Samson dan Daniel memberi contoh kepada kita untuk menghadapi pencubaan; satu terkandas dan yang satu lagi menang dengan penuh kemuliaan. Kedua-duanya tinggal di suatu negara yang penguasanya dikuasai roh jahat yang bertentangan dengan Kerajaan Allah, dan masyarakat yang tidak menjunjung Allah.

Semangat dan daging Samson menjadi longlai apabila

Serangan Di Tiga Gerbang

dia dibujuk oleh wanita cantik. Dia tidak menghirau sama ada wanita itu seiman dengannya. Pokoknya, dia tidak dapat menahan dirinya. Kekuatannya hilang apabila sumber kekuatannya dibongkar oleh musuhnya melalui wanita yang cantik dan yang pandai menggoda. Akhirnya, dia diikat, dibutakan, diseret ke dalam penjara dan terpaksa mengisar dengan roda berat. Musuh kita mempunyai jerat menarik dan akan mengiur anda untuk berkahwin dan menukar agama. Adakah anda akan terjun menurut kekerasan emosi anda?

Daniel menumpukan matanya pada Allah dan mengarahkan fikiran pada urusan rohani. Kehidupan rohaninya tidak terganggu oleh musuhnya malahan dia berdoa tiga kali sehari. Dia juga mengawal nafsu makan dan tidak mudah tergoda apabila musuhnya menyajikan sedap-sedapan di depan matanya. Dia tidak melayani perutnya tetapi tetap mengamal cara pemakanan yang memuliakan Tuhan. Mulut singa yang membaham pun tidak membuat dia akur. Status, layanan istimewa dan semua kegemilangan istana tidak mengiur Daniel. Allah melepaskan Daniel dari mulut singa bahkan mengurniaknya dengan hikmat dan status.

Baca 1 Korintus 6:9-10, Galatia 5:19-21; Efesus 4:25-31; Kolose 3:5; dan mengenal pasti jenis dosa yang sering anda lakukan atau masih bertandang dalam dirimu. Berdoa, mengakuinya, mencabutnya supaya anda boleh menikmati persekutuan akrab bersama Allah. Minta pertolongan Roh Kudus untuk berjalan dalam Roh Kudus, dan bukan dalam daging. "Maksudku adalah hiduplah oleh Roh, maka kamu tidak akan menuruti keinginan daging" (Gal.5:16).

Kenakan Perlengkapan Senjata Allah

“Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya. Kenakanlah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat bertahan melawan tipu muslihat Iblis; kerana perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara. Sebab itu ambillah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat mengadakan perlawanan pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri, sesudah kamu menyelesaikan segala sesuatu” (Efesus 6:10-13).

SENJATA PERANG

Musuh-musuh rohani kita tidak dapat dilihat dengan mata rohani kita, tetapi roh-roh memang wujud. Walaupun iblis bukan Maha Tahu seperti Tritunggal, ia sudah arif dengan gerak geri kita, dan boleh menduga jenis perangkap yang sesuai untuk kita. Iblis tidak perlu memakai gong atau trompet untuk meniup kehadirannya, atau mengibar bendera untuk melambangkan kemenangannya. Ia hanya menunggu saat dan kesempatan yang tepat untuk menghendapmu.

“Sebab itu ambillah seluruh perlengkapan senjata Allah, supaya kamu dapat mengadakan perlawanan pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri, sesudah kamu menyelesaikan segala sesuatu. Jadi

Serangan Di Tiga Gerbang

berdirilah tegap, berikatpinggangan kebenaran dan berbijazirkan keadilan, kakimu berkasutkan kerelaan untuk memberitakan Injil damai sejahtera; dalam segala keadaan pergunakanlah perisai iman, sebab dengan perisai itu kamu akan dapat memadamkan semua panah api dari si jahat, dan terimalah ketopong keselamatan dan pedang Roh, yaitu firman Allah, dalam segala doa dan permohonan” (Efesus 6: 13-18).

Seorang murid Yesus berada dalam medan perang mesti dilengkapi dengan senjata kerana dia perlu menghadapi serangan yang tidak dapat ditangkis dengan kekuatan sendiri. Doa adalah satu cara untuk mengenakan senjata perlengkapan. Perang rohani memerlukan senjata rohani untuk mengatasi musuh kita. Sekalipun musuh yang sedang kita lawan itu seorang manusia ataupun kerajaan, kita mesti melihat roh-roh penguasa di sebaliknya. *"Kerana perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara"* (Efess 6:12).

Ikatan pinggang seorang askar Rom sungguh penting kerana itu berguna untuk menggantungkan pedang dan mengikat jaketnya. Ikatan pinggang kebenaran iaitu pemahaman tentang siapa Tuhan Yesus Kristus, serta perhubungan kita dengan-Nya, dan juga firman-Nya penting untuk menangkis Iblis. Kita memiliki kuasa kebangkitan untuk memenangi perang rohani sebab Tuhan Yesus sudah bangkit dan mengalahkan iblis.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan Dia dan mengurniakan kepada-Nya nama di atas segala nama, supaya dalam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi dan yang ada di bawah bumi, dan segala lidah mengaku: “Yesus Kristus adalah Tuhan,” bagi kemuliaan Allah, Bapa!” (Filipi 2:9-11).

Kita juga berikatpinggangan firman-Nya, “Aku menulis kepada kamu, hai anak-anak, kerana kamu mengenal Bapa. Aku menulis kepada kamu, hai bapa-bapa, kerana kamu mengenal Dia, yang ada dari mulanya. Aku menulis kepada kamu, hai orang-orang muda, kerana kamu kuat dan firman Allah diam di dalam kamu dan kamu telah mengalahkan yang jahat. (1 John 1:14).”

Kita berbajuzirahkan kebenaran yang telah diberikan kepada kita sejak kita percaya. Hidup kita berjaya bukan kerana kebaikan diri kita tetapi kebaikan Tuhan Yesus yang semakin hari semakin membentuk kita menyerupai-Nya. “Tetapi kita, yang adalah orang-orang siang, baiklah kita sadar, berbajuzirahkan iman dan kasih, dan berketopongkan pengharapan keselamatan” (1 Tesalonika 5:8).

Berkasutkan Injil menggambarkan murid Tuhan Yesus juga berjuang membawa Injil kepada orang. Tapak kasut askar Rom penuh dengan gerigi logam. Ini memampukan askar masuk ke tempat sulit. Seorang murid siap untuk pergi memberitakan Injil dan membawa berita perdamaian antara manusia dan Allah melalui Tuhan Yesus. Rasul Paulus selalu berkasutkan Injil. “Aku berhutang baik kepada orang Yunani,

Serangan Di Tiga Gerbang

mahupun kepada orang bukan Yunani, baik kepada orang terpelajar, mahupun kepada orang tidak terpelajar. Itulah sebabnya aku ingin untuk memberitakan Injil kepada kamu juga yang diam di Roma” (Roma 5:14-15).

Tidak Perlu Takut Akan Iblis

Sebagai murid kita menang atas iblis; kita tidak perlu takut akan pepatung yang dibuat daripada darung atau buaya. Kita menang atas iblis yang bengis. “Yesus memanggil kedua belas murid-Nya dan memberi kuasa kepada mereka untuk mengusir roh-roh jahat dan untuk melenyapkan segala penyakit dan segala kelemahan” (Matius 10:1). Murid yang dipenuhi oleh Roh Kudus mempunyai kewibawaan dan kuasa atas roh-roh jahat. Usah takut, usirlah iblis dalam nama Tuhan Yesus yang Maha Kuasa kerana iblis sudah dikalahkan oleh karya Yesus di salib, dan juga kuasa kebangkitan-Nya:

“dan betapa hebat kuasa-Nya bagi kita yang percaya, sesuai dengan kekuatan kuasa-Nya, kerjakan-Nya di dalam Kristus dengan membangkitkan Dia dari antara orang mati dan mendudukkan Dia di sebelah kanan-Nya di syurga, jauh lebih tinggi daripada segala pemerintah dan penguasa dan kekuasaan dan kerajaan dan tiap-tiap nama yang dapat disebut, bukan hanya di dunia ini saja, melainkan juga di dunia yang akan datang” (Efesus 1:19-21).

Bagaimana Melepaskan Diri Dari Kuasa Iblis

1. Seseorang tidak dapat membebaskan diri daripada kuasa iblis hanya dengan menunjukkan salib. Pertama, kita mesti dibebaskan daripada kuasa dosa dan kegelapan dengan menerima kuasa penebusan dosa daripada Tuhan Yesus. Mintalah pengampunan dosa daripada Tuhan Yesus dan mengundang Roh Kudus untuk mendiami dirimu. "Sebab di dalam Dia dan oleh darah-Nya kita beroleh penebusan, iaitu pengampunan dosa, menurut kekayaan kasih karunia-Nya" (Efesus 1:7).
2. Bertaubatlah dengan sungguh-sungguh daripada semua dosa, menyangkal semua penyembahan berhala, membuang semua azimat, dan meninggalkan semua penyembahan sihir. Kalau seseorang tidak rela bertaubat maka dia masih tinggal dalam pemberontakan terhadap Allah. "Kerana itu tunduklah kepada Allah, dan lawanlah Iblis, maka ia akan lari daripadamu! Mendekatlah kepada Allah, dan Dia akan mendekat kepadamu. Tahirkanlah tanganmu, hai kamu orang-orang berdosa! dan sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati!" (Yakobus 4:7-9). Jangan simpan azimat dan pada waktu sama menyembah Yesus, itu namanya mendua hati. "...dan janganlah beri kesempatan kepada Iblis" (Efesus 4:27).

Serangan Di Tiga Gerbang

3. Akui dengan khusus mengenai dosa yang tertentu, atau penglibatan dalam kuasa gelap ataupun kuasa ghaib dengan menyangkal dengan bibir dan memutuskan perhubungan itu dalam nama Tuhan Yesus Kristus. "Bakarlah tugu-tugu, ilah-ilah, dan yang mengundang kehadiran si jahat supaya anda tidak diserang kerana memilikinya. "Banyak juga antara mereka, yang pernah melakukan sihir, mengumpulkan kitab-kitab mereka lalu membakarnya di hadapan semua orang. Nilai kitab-kitab itu dianggap lima puluh ribu wang perak" (Kisah Para Rasul 19:19).
4. Hati kita sering menjadi lapangan permainan iblis dan juga tempat baginya membina kubu tawanan. Kemarahan yang berlebihan dan terus menerus, perasaan dendam terus menerus, kepahitan yang dibiarkan berakar, rasa cemburu yang terus menerus, tidak sudi mengampuni dan membiarkan jarum terpatih tetap tertancap dalam hati, menjadi tanah subur bagi iblis untuk memulakan permainan dalam hidup kita. Ampunilah semua orang yang pernah melukai hatimu (Matius 6:14-15).
5. Selalu peka, dengan kuasa Kristus; lawanlah iblis kalau ia datang dengan tipu muslihat dan suara bohongnya. "Sedarlah dan berjaga-jagalah! Lawanmu, si Iblis, berjalan keliling sama seperti singa yang mengaum-aum dan mencari orang yang dapat ditelannya. Lawanlah dia dengan iman yang teguh, sebab kamu tahu, bahwa semua saudaramu di seluruh dunia

Jadikan Aku Murid-Mu

menanggung penderitaan yang sama” (1 Petrus 5:8-9).
Beberapa singa buas mungkin di lepaskan di kampungmu
untuk mengaratkan pendapatmu tentang “Siapa Yesus.”

Doa Martin Luther

Walau dunia dipenuhi iblis
Yang siap menggugat kita
Kita tidak akan takut
Tuhan menentukan kebenaran-Nya
Dia menang dalam diri kita
Betapa seram putera kegelapan
Kita tidak takut akan dia
Kita bertahan walau ia mengamuk
Kehancurannya pasti
Hanya satu firman kecil akan menggugatnya
(Lagu oleh Martin Luther)

Cadangan-Cadangan

1. Serangan sering terjadi di tiga gerbang: dunia, daging dan iblis. Coba mengenal pasti kelemahan anda yang mungkin menyebabkan anda tersandung melalui tiga gerbang.
2. Betapa seringkah anda menggunakan senjata Allah untuk peperangan rohani?

9

Iman Yang Mencabar

Iman murid-murid yang palsu muncul bagai asap yang berwarna-warni dan lenyap begitu cepat bagai bunga mercun yang bersemerak sementara. Kalau kita cuba mencari cerita iman mereka dan kesaksian hidup mereka maka tiada dalam catatan pahlawan-pahlawan iman. Kegemilangannya cuma sekelip mata walaupun pada mula-mulanya menyerupai iman hebat.

Sebaliknya, iman para pahlawan adalah intisari rahsia cerita kehidupan mereka. Saksi-saksi iman mereka yang mewarni Alkitab membuktikan bahawa iman adalah asas segala sesuatu. Iman bukanlah wap atau asap yang timbul dan lesap. Iman murid-murid jelas adalah kesaksian kukuh tentang bagaimana mereka berjalan bersama Allah. Titik permulaan cerita mereka bermula dengan iman mereka kepada Allah. "Iman adalah dasar daripada segala yang kita harapkan dan bukti daripada segala sesuatu yang kita tidak lihat" (Ibrani 11:1).

Bab Ibrani 11 dituliskan sebagai kesaksian iman nenek moyang kita bukan sekedar untuk mengagumi kita ataupun sebagai satu lagenda sahaja. Kehidupan insan-insan itu dan iman mereka bertujuan menggalakkan para murid Kristus

Jadikan Aku Murid-Mu

hidup dengan iman sedemikian. “Kerana kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita meninggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintangi kita, dan berlumba dengan tekun dalam perlumbaan yang diwajibkan bagi kita” (Ibrani 12:1).

Iman Titik Permulaan Seorang Murid

Imanlah yang mencetuskan saat kesedaran dalam diri Musa sehingga dia menyedari bahawa panggilan hidupnya bukanlah selama-lamanya putera di istana Firaun. Saat yang mengganggu ini mendatangkan kesedaran bahawa dia salah seorang anak perjanjian Abraham. Kesedaran inilah saat permulaan yang sungguh berkuasa dan akan menentukan langkah-langkah yang akan diambilnya. “Kerana iman maka Musa setelah dewasa, menolak disebut anak puteri Firaun” (Ibrani 11:24) Iman ini menyebabkan Musa tidak lagi sama seperti yang dahulu--seorang putera yang hidup senang lenang di istana.

“Iman yang benar tidak hanya melakukan sesuatu bagi kita, tetapi iman melakukan sesuatu terhadap kita. Iman memang seperti yang dikatakan oleh Lutheran sejati, ‘Iman itu sesuatu yang mengganggu. Anda diganggukan sehingga iman kamu menemukan objeknya dalam Yesus Kristus dan damai sejahtera. Tetapi mula-mulanya ia sungguh mengganggu sekalipun ia sungguh mulia dan menyelamatkan.’”²³

Melangkah Keluar Dari Perahu

Anda berkata anda beriman besar? Namun, bilakah anda akan melangkah keluar dari perahumu untuk mengikuti Tuhan Yesus. Musa melangkah keluar dari istananya di Mesir untuk hala tuju imannya.

“Kerana dia lebih suka menderita sengsara bersama dengan umat Allah daripada untuk sementara menikmati kesenangan dari dosa. Dia menganggap penghinaan kerana Kristus sebagai kekayaan yang lebih besar daripada semua harta Mesir, sebab pandangannya diarahkan kepada upah”
(Ibrani 11:25).

Setiap murid harus mempunyai suatu kerinduan besar untuk mengikuti Dia tanpa ragu-ragu. Ketaatan untuk mengikut Dia tidak berubah-ubah dalam seluruh hidup Musa. Bonhoeffer pernah berkata, “*Hanya mereka yang taat akan percaya dan hanya mereka yang percaya akan taat. Iman hanya nyata apabila ada ketaatan.*” Seorang murid harus berani seperti Musa yang taat dan melangkah keluar istana.

Dietrich Bonhoeffer berkata:

“Ketika Tuhan memanggil kita, Dia memanggil kita untuk mati, mati kepada segala keinginan yang menghalangi perjalanan kita untuk mengikut Yesus. Iman kita hidup dan bukti iman yang hidup ialah kita sedang mengikuti-Nya. “Ketika Yesus berkata, “Ikutlah Aku” Dia memberi definisi untuk iman.

Jadikan Aku Murid-Mu

Iman mempunyai maksud yang jauh lebih mendalam dan bukan hanya percaya bahawa Yesus adalah Kristus: bukti iman ialah mengikuti Dia.”²⁴

Yang Ditinggalkan Bagi Allah

Musa meninggalkan istana dan segala kesempatan serta kehormatannya sebagai putera. Tanpa berlembang-lembang, dia meninggalkan kekayaan dan bukan kekayaan meninggalkan dia. Begitu juga, Rasul Paulus meninggalkan latar belakangnya sebagai Farisi yang tersohor dan terhormat demi Injil.

Musa memilih untuk menderita penghinaan bersama umat Tuhan. Kalau dilihat dari kaca mata dunia dan orang di istana, pilihan ini bendul dibandingkan dengan kemewahan dan kekayaan di istana. Tanpa disedari dunia, Musa sedang memilih rencana Allah yang terindah kerana melalui kepemimpinan Musa, bangsa Israel akan keluar untuk menjadi bangsa pilihan, dan mengikat perjanjian dengan Allah.

Bagi Musa penghinaan kerana Kristus jauh lebih besar harganya daripada semua harta di istana. Iman Musa menyenangkan Allah. “Dia menganggap penghinaan kerana Kristus bagi kekayaan yang lebih besar daripada semua harta Mesir, sebab pandangannya dia arahkan kepada upah” (Ibrani 11:26).

Musa kerana imannya telah melalui suatu titik kesedaran yang membentuk dirinya secara luarbiasa. Kalau iman tidak mengganggu hatinya, cerita ajaib tidak pernah akan terjadi dalam kehidupan Musa.

Iman Yang Mencabar

A.W.Tozer penulis klasik berkata:

“Saya yakin dia mulai membenci dunia dan Mesir dan istana yang penuh dengan gurauan murahan dan kepura-puraan yang dangkal, perjanjian yang penuh penipuan, dan dia mungkin berkata, “Saya tahu ada lebih banyak pengharapan dalam Allah dan Allah Abraham, daripada dalam istana Firaun. Dia tiba pada suatu hari dalam kalendar di mana dia berkata, “Hari ini saya tidak berpura-pura tidak lagi berppura-pura, saya tidak akan berpura-pura menjadi seseorang yang saya bukan sedemikian. Hari saya akan mengucapkan selamat tinggal kepada istana Firaun.”²⁵

Rasul Paulus juga seperti Musa; dia menganggap penghinaan bagi Kristus jauh lebih besar daripada penderitaan sementara. Sekalipun dicambuk, menderita dalam penjara, dan menghadapi saat hukuman mati, rasul Paulus mengesahkan bahwa inilah pilihan yang jauh lebih baik bagi dirinya. “Sebab aku yakin bahawa penderitaan zaman sekarang ini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita” (Roma 8:18). “Sebab penderitaan ringan yang sekarang ini, mengerjakan bagi kami kemuliaan yang melebihi segala-galanya, jauh lebih daripada penderitaan kami” (2 Korintus 4:17).

Marilah kita melihat prinsip-prinsip iman yang menjadikan pahlawan-pahlawan yang menerobos dengan luarbiasa bagi Allah.

Prinsip-Prinsip Iman

- a. 'Tuhan sudah bersabda' menjadi titik tolak iman Musa dalam misinya untuk mengeluarkan umat Israel daripada Firaun dan membentuk satu bangsa bagi Allah. Bagi Musa, Allah bersabda di semak yang menyala-nyala itu.

“Musa berkata: “Baiklah aku menyimpang ke sana untuk memeriksa penglihatan yang hebat itu. Mengapakah tidak terbakar semak duri itu?” Ketika dilihat Tuhan, bahwa Musa menyimpang untuk memeriksanya, berserulah Allah dari tengah-tengah semak duri itu kepadanya: “Musa, Musa!” dan Dia menjawab: “Ya, Allah.” Lalu Dia berfirman: “Janganlah datang dekat-dekat: tanggalkanlah kasutmu dari kakimu, sebab tempat, di mana engkau berdiri itu, adalah tanah yang kudus.” Lagi Dia berfirman: “Akulah Allah ayahmu, Allah Abraham, Allah Ishak dan Allah Yakub.” Lalu Musa menutupi mukanya, sebab dia takut memandang Allah (Keluaran 3:3-6).

- b. Musa melihat Allah sebagai yang terutama bahkan Firaun tidak boleh bertanding dengan keutamaan Allah. Keagungan Allah jauh melebihi segala kemuliaan istana Firaun.

“Kerana iman maka Musa, setelah dewasa, menolak disebut anak puteri Firaun, kerana dia lebih suka menderita sengsara dengan umat Allah daripada untuk sementara menikmati kesenangan dari dosa.

Iman Yang Mencabar

Dia menganggap penghinaan kerana Kristus sebagai kekayaan yang lebih besar daripada semua harta Mesir, sebab pandangannya dia arahkan kepada upah” (Ibrani 11:24-26).

- c. Segala yang mustahil akan menjadi tidak mustahil kalau itu kehendak Allah—itulah keyakinan iman. Nuh berdasarkan imannya kepada Allah telah membina sebuah bahtera bagi Allah dan menjadi berkenan kepada Allah.

“Kerana iman, maka Nuh -- dengan petunjuk Allah tentang sesuatu yang belum kelihatan -- dengan taat mempersiapkan bahtera untuk menyelamatkan keluarganya; dan kerana iman itu dia menghukum dunia, dan dia ditentukan untuk menerima kebenaran, sesuai dengan imannya” (Ibrani 11:7).

- d. Iman yang murni dan teguh mengalir daripada persekutuan yang akrab bersama Allah. Suatu kehidupan rohani yang berkenan kepada Allah.

“Kerana iman Henokh terangkat, supaya dia tidak mengalami kematian, dan dia tidak ditemukan, kerana Allah telah mengangkatnya. Sebab sebelum dia terangkat, dia memperoleh kesaksian, bahawa dia berkenan kepada Allah (Ibrani 11:5).

- e. Iman yang ikhlas akan mempersembahkan yang terbaik bagi Allah dan tidak memberi sembarangan.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Kerana iman Habel telah mempersembahkan kepada Allah korban yang lebih baik daripada korban Kain. Dengan jalan itu dia memperoleh kesaksian kepadanya, bahawa dia benar, kerana Allah berkenan akan persembahannya itu dan kerana iman dia masih berbicara, sesudah dia mati” (Ibrani 11:4).

- f. Iman akan menurut rencana Allah sekalipun kita tidak mempunyai asas atau tidak dapat melihat yang dirancangan Allah buat sementara.

“Kerana iman Abraham taat, ketika dia dipanggil untuk berangkat ke negeri yang akan diterimanya menjadi milik pusakanya, lalu dia berangkat dengan tidak mengetahui tempat yang dia tujui. * Kerana iman dia diam di tanah yang dijanjikan itu seolah-olah di suatu tanah asing dan di situ dia tinggal di khemah dengan Ishak dan Yakub, yang turut menjadi ahli waris janji yang satu itu. Sebab dia menanti-nantikan kota yang mempunyai dasar, yang direncanakan dan dibangun oleh Allah” (Ibrani 11:9-10).

- g. Imanlah yang memberi kita kekuatan dan kemampuan untuk melakukan segala yang dikehendaki oleh Allah.

“Kerana iman dia juga dan Sara beroleh kekuatan untuk menurunkan anak cucu, walaupun usianya sudah lewat, kerana dia menganggap Dia, yang memberikan janji itu setia. Itulah sebabnya, maka dari satu orang, malahan orang yang telah mati

Iman Yang Mencabar

pucuk, terpancar keturunan besar, seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut, yang tidak terhitung banyaknya” (Ibrani 11: 12).

- (i) Justeru dalam keadaan yang paling gelap iman pahlawan-pahlawan menyinari suasana yang paling gelap. Tidak dapat kita bayangkan, iman mereka bersinar kepada raja kafir dan seluruh istana apabila mereka berjalan-jalan tanpa dibakar dalam relau perapian yang sangat hangat. Lalu Nebukadnezar mendekati pintu perapian yang bernyala-nyala itu; berkatalah dia, “Sadrakh, Mesakh dan Abednego, hamba-hamba Allah yang Maha Tinggi, keluarlah dan datanglah ke mari!” Lalu keluarlah Sadrakh, Mesakh dan Abednego dari api itu” (Daniel 3:26). Iman Daniel menjadi kesaksian yang besar di dalam gua singa.

Iman Yang Mencabar

“Kerana kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlumba dengan tekun dalam perlumbaan yang diwajibkan bagi kita. Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan, yang dengan mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah” (Ibrani 11:1-2).

Jadikan Aku Murid-Mu

Kita semua sedang berlumba dalam hidup. Gambaran Ibrani di atas datang daripada perlumbaan Yunani yang juga seperti persaingan Olimpik zaman moden. Untuk menang dalam pertandingan, kita mesti berlari dengan sabar. Selain itu, kita mesti berhati-hati kerana ada liku-liku dan rintangan yang berusaha menyeleweng kita daripada mencapai perlumbaan kita. Apa-apa pun yang menghambat kita untuk berlari dengan cemerlang mesti dikesampingkan. Pakaian seorang pelumba mesti ringkas kerana pakaian ini boleh menangkap angin dan menyebabkan pelarian kita terhambat.

Hambatan barangkali boleh datang dalam bentuk kesenangan penghiburan duniawi yang mengaburi nikmat Allah. Kebiasaan atau tabiat yang meruntuhkan kehidupan rohani seperti berjoget sampai pagi, atau berborak-borak sambil makan babi guling sepanjang malam dan kemabukan. Barangkali, kita juga dihambat oleh kawan-kawan yang tidak mementingkan hal-hal rohani dan lebih suka penghiburan duniawi.

Iman Menang

Cabaran-cabaran hidup kita akan menolong kita menebarkan sayap iman kita dan belajar menerpa lebih tinggi. Badai, kelikuan hidup kita, dan cabaran akan menolong kita untuk bertumbuh dalam iman kita. Sebagai murid kita berpasrah kepada Allah atas segala yang melandai hidup kita.

Murid yang tidak beriman lagi tatkala menghadapi cabaran berat adalah seperti orang yang memadamkan

Iman Yang Mencabar

lampunya tatkala api semakin pudar. Bukan ini akan menambahkan kegelapannya lagi? Iman akan menolong terang yang malap bersinar lebih terang lagi. "sebab semua yang lahir daripada Allah, mengalahkan dunia. Dan inilah kemenangan yang mengalahkan dunia: iman kita" (1 Yohanes 5:4).

Kerana Beriman Akan Sukacita Yang Akan Datang

Kerana beriman akan sukacita yang akan datang
Kami berjalan melalui gurun malam
Sehingga kami sampai ke rumah syurga kita
Iman pembimbing kita dan iman penerang kita

Iman membekali kerinduan akan penglihatan
Iman membuat gerbang mutiara muncul
Jauh-jauh ke dunia jauh ia membuka
Dan membawa kemuliaan kekal dekat.

Dengan suka ria kita melintasi gurun,
Ketika iman mengilhami secerca sinaran syurgawi;
Walau singa mengaum, dan badai menerpa
Dan bebatu dan bahaya mengisi sepanjang jalan

Jadikan Aku Murid-Mu

Jadi Abraham, dengan perintah ilahi,
Tinggalkan rumah sendiri untuk berjalan bersama Allah
Imannya memandang ke tanah perjanjian,
Dan semangat membakar kalbunya sepanjang jalan.
(Isaac Watts 1674–1748)

Cadangan-Cadangan

1. Baca Ibrani 11 dan bayangkan anda dalam kalangan pahlawan iman yang disebutkan Alkitab. Tuliskan cerita anda.
2. Apakah cabaran-cabaran hidup anda yang memerlukan iman untuk mengatasinya dan untuk lebih bertumbuh lagi?
3. Fikirkan suatu peristiwa di mana imanmu telah memampukan kamu untuk mengatasi suatu masalah dan meraih kemenangan.

10

Khutbah Di Bukit

“Berbahagialah orang yang miskin di hadapan Allah, kerana merekalah empunya Kerajaan Syurga. Berbahagialah orang yang berdukacita, kerana mereka akan dihibur”
(Matius 5:1-2).

Thomas Watson seorang penulis pernah berkata:

“Betapa miskinnya mereka yang memikirkan diri mereka kaya. Betapa kayanya mereka yang melihat diri mereka miskin! Biarlah saya memanggil ini intan permata kemiskinan. Inilah paradox iman kita yang tidak dapat difahami dunia kita. Seseorang mesti menjadi bodoh kalau dia ingin beroleh hikmat, untuk menyelamatkan jiwa kita, lepaskanlahnya. Jadilah kaya dengan menjadi miskin. Kemiskinan mesti dicari demi banyak kekayaan. Di sebalik kain compang camping tersembunyi emas, di sebalik bangkai mengalir madu.”

Berbahagialah mereka yang menyedari bahawa mereka hanya pengemis dan miskin papa keadaan rohani mereka. Seorang

Jadikan Aku Murid-Mu

murid Yesus perlu menyedari bahawa segala yang baik dalam diri mereka hanya dalam kain kotor. Mereka dengan hati yang remuk mengaku, "Allah kasihanilah aku, tiada yang dalam aku berkenan kepada-Mu. Aku miskin tanpa Engkau." Murid Allah yang sejati tidak akan berkata, "Siapakah Tuhan Yesus, aku tidak memerlukannya? Siapakah Dia sehingga aku mesti mendengar-Nya?"

"Kemiskinan dalam jiwa bukanlah buah yang bertumbuh pada pokok yang alamiah. Ia merupakan rahmat rohani yang dikerjakan oleh Roh Kudus dalam diri mereka yang diperbaharunya. Pada resminya, kita cukup puas dengan diri sendiri, dan juga cukup gila dengan berfikir bahawa kita layak sesuatu yang baik daripada tangan Allah."²⁶

Seringkali, orang Farisi menghebohkan agama lahiriah dengan peraturan dan adat terperinci. Hati mereka penuh dengan tulang temulang yang busuk. Mereka miskin dalam keadaan mereka namun mereka angkuh dan suka menghebohkan selok belok agama mereka. Tuhan Yesus yang mengetahui keadaan hati mereka yang angkuh menyampaikan satu perumpamaan dalam Lukas 18:9-14.

Dalam perumpamaan ini seorang Farisi dan seorang pemugut cukai datang ke hadirat Tuhan. Orang Farisi ini tidak datang dengan suatu kesedaran akan kemiskinan jiwanya namun mata mereka terbeliak dengan dosa orang lain. Bak kata perpatih, mereka selalu bersikap, "Kuman di seberang lautan tampak, gajah di pelupuk mata tiada nampak.

Khutbah Di Bukit

Dengan angkuh, dia berkata, "Ya Allah, aku mengucapkan syukur kepada-Mu, kerana aku tidak sama seperti semua orang lain, bukan perampok, bukan orang lalim, bukan pezina dan bukan juga seperti pemugut cukai ini" (Lukas 18:11). Dia sama sekali tidak tahu bahawa Tuhan Yesus akan berkata kepadanya, "Kerana engkau berkata: Aku kaya dan aku telah memperkayakan diriku dan aku tidak kekurangan apa-apa, dan kerana engkau tidak tahu, bahawa engkau melarat, dan malang. Miskin, buta dan telanjang" (Wahyu3:17).

Sebaliknya, pemugut cukai begitu remuk hati dan miskin dalam jiwanya, serta mengakui dosa-Nya dan perasaan tidak layak di hadirat Allah yang kudus dan sempurna.

"Orang yang paling rendah akan memiliki rahmat lebih tinggi berbanding dengan hebat di alam. Kemiskinan dalam jiwa dalam pemugut cukai lebih cemerlang daripada kecemerlangan lahiriah orang Farisi. Sama seperti yang paling lemah dan miskin lebih mulia daripada binatang yang paling kuat di ladang, demikian juga manusia rohani yang paling rendah lebih berharga dalam pandangan Tuhan daripada manusia yang paling hebat tetapi hanya cukup dengan diri sendiri. Intan yang paling kecil jauh lebih berharga daripada batu yang besar; rahmat yang paling rendah jauh melampaui pencapaian yang tertinggi dalam alam."²⁷

Hanya sewaktu kita menyedari akan kemiskinan kita, baru kerajaan Allah akan berkelimpahan dalam diri kita.

Jadikan Aku Murid-Mu

Dalam perumpamaan anak yang sesat, kita melihat saat kesedaran dan penyesalan akan kemiskinan kebaikan sendiri. "Aku akan bangkit dan pergi kepada bapaku dan berkata kepadanya: Bapa aku telah berdosa terhadap syurga dan terhadap bapa. Aku tidak layak disebut sebagai anak bapa; jadikanlah aku orang upahan bapa" (Lukas 15:18-19).

Allah dapat berkarya jauh lebih mendalam dalam murid yang sedar akan keremukan jiwa. Hanya daripada keremukan jiwa akan mengalir yang harum. Maria bergegas ke rumah Simon untuk berjumpa Yesus (Lukas 14). Saat itu semua orang membisu, dan menatap wanita ini dengan benci. Bukankah wanita itu yang sehina itu tidak boleh datang ke jamuan yang diadakan bagi Yesus. Tanpa malu, dia mencurahkan minyak wangi dari kotak alabasternya, dan mengesat kaki-Nya dengan rambutnya. Yang berharga bukan sahaja minyak wangi Maria tetapi keremukan hatinya dan keharuman Yesus yang memenuhi hatinya.

Allah memberkati mereka yang menangisi dan menyesali akan dosa sendiri. Raja Daud menyedari akan kebahagiaan diampuni dosa. "Berbahagialah orang yang diampuni pelanggaran-pelanggarannya yang dosanya ditutupi!" (Mazmur 32:1). Selama dia mendiamkan diri sahaja, dia akan mengeluh sepanjang hari. "Selama aku berdiam diri, tulang-tulangku menjadi lesu kerana aku mengeluh sepanjang hari" (Mazmur 32:3).

Allah juga memberkati mereka yang menangisi baik dosa orang lain mahupun dosa masyarakat. Allah sendiri sering menangisi akan keadaan masyarakat yang tidak adil dan penuh dengan penindasan. Dengarlah keluhan hati Allah,

Khutbah Di Bukit

“Mereka menginjak-injak kepala orang lemah ke dalam debu dan membelokkan jalan orang sengsara...” (Amos 2:7a).

Hanya pada waktu kita berasa kesuntukan kebaikan dan kesempurnaan baru kehadiran-Nya memenuhi kita. Penghiburan dan kepenuhan Kristus akan menjangkau kita.

“Betapa berharga dan mahal, sayangku, musim keremukan orang percaya. Ia menceritakan kekosongan jiwa, namun kepenuhan Kristus, kekurangan insan tetapi kecukupan Kristus, kemiskinan dunia tetapi kekayaan Kristus. Ia menciptakan suatu keperluan yang dicukupi Yesus, kekosongan yang Yesus penuhi, suatu duka yang dihiburkan Yesus. Salib Tuhan yang menjelma menjadi berharga, kemuliaan terselindung dalam keremukan Kristus tampak, dan memaniskan doa.”
(Are You A Bruised Flower, Octavius Winslow).

Charles Spurgeon berkata:

“Epal keyakinan diri yang manis sebenarnya adalah racun yang berbahaya. Buah-buah kepahitan tentang diri sendiri lebih sehat, apalagi dibasuh dengan air pertaubatan dan dimaniskan daripada telaga penyelamatan. Sesiapa yang mengasihi jiwa sendiri tidak akan membenci ini.”²⁸

Berbahagialah Orang Yang Lemah Lembut

“Berbahagialah orang yang lemah lembut, kerana mereka akan memiliki bumi” (Matius 5:5).

Acapkali perkataan “lemah lembut” mencetuskan gambaran seorang wanita yang bersuara lembut dan berpenampilan halus. Boleh jadi juga kita menggambarkan seseorang yang tidak dapat mempertahankan diri, dan sering diinjak-injak seperti kain ngepel!

Bahasa Inggerisnya “meek” bererti sabar, patuh, bertimbang rasa, rendah hati di hadirat Allah dan manusia. Inilah suatu sifat yang para murid perlu diteladani oleh murid.

“Sebab untuk itulah kamu dipanggil, kerana Kristus pun telah menderita untuk kamu dan telah meninggalkan teladan bagimu, supaya kamu mengikuti jejak-Nya. Dia tidak berbuat dosa, dan tipu tidak ada dalam mulut-Nya. Ketika Dia dicaci maki, Dia tidak membalas dengan mencaci maki; ketika Dia menderita Dia tidak mengancam, tetapi Dia menyerahkannya kepada Dia, yang menghakimi dengan adil.” (1 Peter 2:21-23)

Lemah lembut ialah aktiviti yang dihasilkan oleh Roh Kudus. “Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan” (Gal 5:22-23). Kelemahlembutan jelas buah Roh Kudus dan bukti bahawa seseorang yang tidak lagi hidup dalam daging sendiri, tetapi hidup dalam Roh Kudus.

Khutbah Di Bukit

Orang yang lemah lembut ini rendah hati dan tidak berperkara dengan Allah.

“Mereka tidak akan bercakap seperti orang bebal. Mereka tidak mengomel bahawa mereka telah dilahirkan di cakrawala yang salah. Mereka tidak bersungut-sungut atau mengadu nasib mereka yang memundurkan hidup mereka. Dan apabila mereka diherdik oleh rotan Allah, mereka tidak melawan terhadap-Nya dan memanggil Dia Tuan yang sulit. Mereka mendiamkan diri dan tidak bercakap, kerana Allah yang melakukannya, atau kalau mereka bercakap, mereka hanya memohon anugerah Allah untuk tahan menderita agar mereka dikuduskan olehnya, atau mereka akan bangkit begitu tinggi dalam anugerah supaya mereka mulia dalam kelemahan, supaya kuasa Kristus dinyatakan dalam mereka (2 Korintus 12:8).”²⁹

Dia tidak tinggi hati atau membuli orang lain demi membuktikan sesuatu ada pada dirinya sendiri. Abraham adalah contoh bapa leluhur yang lemah lembut dan rendah hati. Hal ini jelas dapat dilihat daripada sikapnya terhadap anak saudaranya, Lot. Abraham meninggalkan Mesir ke Tanah Negeb, bahagian selatan tanah Kanaan, bersama Lot. Abraham kaya raya dan mempunyai banyak domba, kambing, lembu dan perak. Lot pun ada keluarga dan harta sendiri maka mereka tidak cukup tempat apalagi padang rumput untuk domba dan kambing.

Jadikan Aku Murid-Mu

Para gembala mereka bertengkar sebab kesuntukan tanah. Abraham dengan rendah hati dan lemah lembut memberi hak kepada anak saudara untuk memilih tanah. Lot memilih timur, selatan lembah Yordan yang mempunyai banyak air (Kejadian 13). Dia rendah hati dan tidak berkata, "Siapakah yang lebih tua?" ataupun "Allah mengikat perjanjian dengan aku atau kamu?"

Dunia kita semakin kurang orang seperti Abraham. Kita semakin bertemu orang agresif dan yang cepat merebut. Walaupun orang yang licik dan agresif mungkin meleleh dengan kekayaan, mereka akan menikmati yang sementara di dunia, tetapi kerajaan syurga bukan empunya mereka. Mereka dapat hak tanah orang lain, di syurga tiada tempat bagi mereka.

Rasul Paulus juga seorang yang rendah hati dan lemah lembut. Dia tidak angkuh dan menganggap dirinya lebih daripada jemaah yang lain. Sebaliknya, dia berkata:

"Kepadaku yang paling hina di antara segala orang kudus, telah dianugerahkan kasih karunia untuk memberitakan kepada orang-orang bukan Yahudi kekayaan Kristus, yang tidak terduga itu" (Efesus 3:8). Dia tidak memegahkan diri melainkan anugerah Allah. "Perkataan ini benar dan patut diterima sepenuhnya: "Kristus Yesus datang ke dunia untuk menyelamatkan orang yang berdosa," dan di antara mereka akulah yang paling berdosa (1Timotius 1:18).

Khutbah Di Bukit

Rasul Paulus menasihati orang Kristian untuk hidup bersepadanan dengan Kristus:

“Sebab itu, aku, orang yang dipenjarakan kerana Tuhan, menasihatkan kamu, supaya hidupmu sebagai orang-orang yang telah dipanggil berpadanan dengan panggilan itu. Hendaklah kamu selalu rendah hati, lemah lembut, dan sabar. Tunjukkanlah kasihmu dengan saling membantu” (Efesus 4:1-2).

Berbahagia Orang Yang Lapar

Hanya orang yang miskin dalam batin mereka dan berduka atas dosa juga mereka yang lapar akan kebenaran.

“Berbahagiaalah orang yang lapar dan haus akan kebenaran, kerana mereka akan dipuaskan” (Matius 5:6). Orang yang berasa diri mereka sempurna dan diri mereka sudah cukup, tentulah sama sekali tidak memerlukan Tuhan Yesus dan kebenaran-Nya. “Dia melimpahkan segala yang baik kepada orang yang lapar, dan menyuruh orang yang kaya pergi dengan tangan hampa” (Lukas 1:53).

Musa melihat kemuliaan Allah di semak yang menyala-nyala. Juga, dia melihat kemuliaan Tuhan dalam pelepasan umat Israel sewaktu Laut Teberau membelah dua. Musa juga melihat kemuliaan Allah di gunung dan masih tidak puas. Musa rindu dan haus untuk melihat dan berada dalam kehadiran Allah dan mengenal yang Maha Mulia lebih dalam lagi. Tetapi jawabnya: “Perlihatkanlah kiranya kemuliaan-Mu kepadaku.” (Keluaran 33: 18)

Jadikan Aku Murid-Mu

“Nah, inilah janjinya, kalau anda sedang lapar akan kebenaran, anda akan dikenyangkan. Ini bukan sesuatu yang belum pasti. Pasti anda tidak hanya menghauskan berkat-Nya. Laparlah dan hauslah akan kebenaran, rindulah untuk menyerupai Kristus, dan anda akan memperoleh berkat-Nya.”

(D. Martyn Lloyd Jones)

Sebagai umat masyarakat, kita perlu bertindak adil dalam kehidupan sosial dan arena pekerjaan. Kita rindu akan keadilan dalam masyarakat. Dalam kitab Amos, umat Tuhan tidak hidup berkenan kepada Tuhan kerana mereka sama sekali tidak ada kebenaran—mereka menindas, menipu, mencuri dan banyak mengambil kesempatan. Adakah mereka boleh berjalan dengan Allah yang adil? “Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?”

(Amos 3:3).

Adakah kalbu kita membakar dengan suatu semangat, “Tetapi biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan kebenaran seperti sungai mengalir terus menerus” (Amos 5:24). Ketika melihat hak orang miskin dirampas dan perkembangan mereka terpinggir, apakah yang kamu lakukan? Pada tahun 1736-37, John Wesley pelopor Methodism, ketika mengunjungi Georgia di Amerika Utara, melihat kekejaman orang terhadap hamba-hamba. Dengan nafas dan nada keadilan, dia mengambil pena dan menitis rangkap-rangkap berikut:

Khutbah Di Bukit

“Adakah kamu benar-benar manusia? Seharusnya kamu mempunyai hati manusia. Tetapi sungguhkah kamu memilikinya? Hati kamu diperbuat daripada bahan apa? Sungguhkah tiada prinsip Belas Kasihan di sini? Tidakkah kamu merasa kesakitan orang lain? Tidakkah kamu mempunyai Simpati? Tiadakah kamu memiliki mata hati untuk melihat kesengsaraan manusia? Tidakkah kamu kasihani terhadap yang merana? Tatkala kamu melihat linangan air mata mereka, keluh kesah dada, atau luka yang berdarah dan tangan kaki yang tergores oleh sesama manusiamu? Adakah kamu batukah atau binatang ganas? Adakah kamu menatap mereka seperti mata harimau? Ketika kamu memecit mereka ke dalam kapal padat, atau mencampakkan tubuh yang sobek robek ke dalam lautan, adakah kamu tidak menaruh kasihan? Tidakkah ada setitik air mata daripada matamu, atau satu keluhan terlepas daripada hatimu? Tidakkah kamu menyesalinya sekarang? Kalau tidak kamu akan berterusan begini sehingga kesalahanmu bergelintangan. Kemudian Allah yang Maha Besar akan membalas kembali kepada kamu seperti yang kamu lakukan terhadap mereka, dan Dia akan menuntut semua hutang darah tanganmu.”

Berbahagialah Orang Yang Mengasihani

Bila seorang murid miskin dalam jiwa di hadirat Allah, dia akan berduka atas kekurangan diri, menghaus akan kebenaran dan lebih mengasihani orang lain. Jonathan Edwards seawal 1703 berkata:

“Kami yang datang kepada Allah untuk meminta belas kasihan, kami datang sebagai pengemis bukan sebagai pemiutang. Kami datang meminta belas kasihan, kasih karunia Tuhan, dan bukan menuntut apa yang layak diterima oleh kami. Sebab itulah kami harus belajar mengasihani orang lain kerana Dia telah terlebih dahulu menunjukkan kemurahan-Nya terhadap kami.” (Jonathan Edwards)

Tuhan Yesus adalah manusia dan Tuhan yang paling berbelas kasihan. Pada zaman-Nya, kerajaan Rom mementingkan kuasa, disiplin dan sifat berbelas kasihan dipandang rendah oleh masyarakat. Belas kasihan bererti simpati dalam tindakan juga bukan hanya belas kasihan perasaan sahaja. Belas kasihan bererti apabila seseorang dalam keperluan kita menolong mereka.

Bab 2 dalam Efesus memberitahu kita bahawa dengan belas kasihan Tuhan telah menebus dan mengampuni kita dari dosa yang besar. “Tetapi Allah yang kaya dengan rahmat, oleh kerana kasih-Nya yang besar, yang dilimpahkan-Nya kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama dengan Kristus, sekalipun kita telah mati oleh kesalahan-kesalahan kita -- oleh anugerah kamu diselamatkan”

Khutbah Di Bukit

(Efesus 2:4-5). Rahmat-Nya dan kasih-Nya telah mendatangkan pengampunan dosa kita dan menyelamatkan kita. Murid yang mengalami rahmat dan kasih ini harus juga membagi-bagi belas kasihan ini kepada orang lain bahkan kepada mereka yang menyakiti hati mereka. Tuhan Yesuslah sumber belas kasihan itu!

Dalam Matius 18:21-35 dan Lukas 6:32-35, Tuhan Yesus menjelaskan kenapa kita mesti memiliki belas kasihan. Dalam perumpamaan yang dicerita-Nya, seorang Raja telah menunjukkan belas kasihan terhadap seorang yang berhutang kepadanya walaupun itu berjutaan ringgit. Baginda membatalkan semua hutangnya kerana dia tidak mampu membayarnya. Namun, orang ini tidak berbelas kasihan terhadap orang lain yang berhutang kepadanya.

Kita juga berbelas kasihan terhadap mereka yang bersalah terhadap kita, dan tidak merumitkan masalah.

“Aku mengesyor saudara-saudari yang kukasihi agar kamu selalu mempunyai satu mata buta dan satu telinga pekak. Aku selalu mempunyainya dan matakuku adalah mata yang terbaik, dan telingaku adalah telinga yang terbaik. Pasti ada banyak percakapan yang mungkin anda dengar daripada kawan yang terbaik yang membuat kamu sedih dan gusar; jadi jangan mendengarnya. Mereka mungkin khawatir mereka pernah menyebutnya, tetapi kalau anda mengungkitnya, kegelisahan dan kekhuatiran akannya, maka kita akan memperbesarnya, memberitahu seseorang mengenainya, dan

Jadikan Aku Murid-Mu

membawa orang lain dalam pergaduhan; itulah cara perselisihan keluarga terjadi, cara gereja berpecah, iblis diperbesar, dan Allah dipermalukan. Ya, jangan biar kata-kata itu melekat pada kita. Kalau ada kesalahan terhadap kita, “Berbahagialah orang yang mengasihani.”³⁰

Berbahagialah Orang Yang Suci Hati

Manusia sering mementingkan yang lahiriah. “Berbahagialah orang yang memastikan makanan mereka tidak tercemar. “Berbahagialah orang yang tidak pernah menyentuh binatang yang jijik.” Ketika Tuhan Yesus duduk di bukit, Dia berkhotbah mengenai dalaman hati. “Berbahagialah orang yang suci hati” (Matius 5:8) mementingkan lubuk hati yang paling terdalam. *“Perubahan yang mengabaikan hati nescaya jarang dapat mendatangkan transformasi hati. Buat sejenak, ia seakan-akan yang nyata, tetapi ia hanya sementara dan bedak muka semata-mata.” (Paul David Tripp)*

Hati menjadi pusat keberadaan kita, dan kalau hati kita tercemar, kita akan tercemar juga.

“Rangkap kedua dan keenam dalam Khutbah Di bukit seiring dan seirama. Murid-murid yang menangi dosa tentu akan merindui kesucian hati mereka. Kalau kita menyadari dosa kita, sama ada perbuatan atau fikiran, kita akan mencabutnya seperti kita mencabut lalang. Kita akan menjadi suci di hati dan kita akan melihat Tuhan.”³¹

Khutbah Di Bukit

“Tunjukkanlah kepadaku jalan-Mu, ya Tuhan, supaya aku hidup menurut kebenaran-Mu; bulatkanlah hatiku untuk takut akan nama-Mu” (Mazmur 86:11). Pemazmur bertekad membulatkan hatinya untuk hidup dalam kesucian kepada Allah.

“Kerana mereka akan melihat Allah” (Matius 5:8). Orang yang suci dalam hati akan melihat Allah, bukan dengan mata jasmani—jangan-jangan ini muncul dalam tafsiran kita—tetapi dengan mata batiniah mereka melihat Allah Maha Besar yang juga Roh, dan mereka mempunyai persekutuan yang rohani dan hidup akrab dalam persekutuan dengan yang Maha Tinggi.”³²

Tuhan Yesus mengecam orang Farisi dan Saduki yang mementingkan kesucian luaran sahaja.

“Celakalah kamu, hai ahli-ahli Taurat dan orang-orang Farisi, hai kamu orang-orang munafik, sebab persepuluhan dari selasih, adas manis dan jintan kamu bayar, tetapi yang terpenting dalam hukum Taurat kamu abaikan, iaitu: keadilan dan belas kasihan dan kesetiaan. Yang satu harus dilakukan dan yang lain jangan diabaikan. Hai kamu pemimpin-pemimpin buta, nyamuk kamu tapiskan dari dalam minumanmu, tetapi unta yang di dalamnya kamu telan. Celakalah kamu, hai ahli-ahli Taurat dan orang-orang Farisi, hai kamu orang-orang munafik, sebab cawan dan pinggan kamu bersihkan sebelah

Jadikan Aku Murid-Mu

luarnya, tetapi sebelah dalamnya penuh rampasan dan kerakusan. Hai orang Farisi yang buta, bersihkanlah dahulu sebelah dalam cawan itu, maka sebelah luarnya juga akan bersih” (Matius 23:23-26).

Berbahagialah Yang Membawa Damai

“Berbahagialah orang yang membawa damai, kerana mereka akan disebut anak-anak Allah”(Matius 5:9). Sebagai murid-Nya, kita sudah diperdamaikan dengan Allah melalui kematian Tuhan Yesus di salib. “Kristus Yesus telah ditentukan Allah menjadi jalan pendamaian kerana iman, dalam darah-Nya” (Roma 5:25).

Allah telah mempercayakan para murid-Nya sebagai pembawa berita damai kepada manusia di dunia ini. Rasul Paulus jelas mementingkan misi ini.

“Dan semuanya ini daripada Allah, yang dengan perantaraan Kristus telah mendamaikan kita dengan diri-Nya dan yang telah mempercayakan pelayanan pendamaian itu kepada kami. Sebab Allah mendamaikan dunia dengan diri-Nya oleh Kristus dengan tidak memperhitungkan pelanggaran mereka. Dia telah mempercayakan berita pendamaian itu kepada kami. Jadi kami ini adalah utusan-utusan Kristus, seakan-akan Allah menasihati kamu dengan perantaraan kami; dalam nama Kristus kami meminta kepadamu: berilah dirimu didamaikan dengan Allah (2 Korintus 5:18-20).”

Khutbah Di Bukit

Jelas John Wesley setia membawa berita perdamaian ini kepada banyak orang dan berkhotbah tentang hidup yang dikuduskan Allah.

“Di suatu ibadah kecil di Aldersgate Street, London, pada Mei 24, 1738, John Wesley mengalami, “kehangatan hati yang tak terselami.” Setelah pengalaman pertaubatan rohani ini, yang ditumpukan pada penyelamatan berdasarkan iman dalam Kristus, dia menyerahkan hidupnya untuk membawa berita perdamaian dengan Kristus dan mendirikan persatuan Methodist ke seluruh negara. Dia mengembara dan berkhotbah di lapangan terbuka, khususnya di London-Bristol-Newcastle dan juga di Wales, Ireland, and Scotland. Sekalipun dia menghadapi banyak penentangan dan penganiayaan, dia terus membawa khabar perdamaian ini.”

Berbahagialah Mereka Yang Dianiaya

Dietrich Bonhoeffer, ahli teologi Lutheran, dipenjarakan dan kemudian ditembak mati oleh rezim Nazi kerana menentang Hitler. Dia pernah berkata demikian, *“Penderitaan dan penganiayaan adalah lencana pemuridan yang sejati. Barangkali kebebasan telah membuat kita terlenu dan iman kita menjadi tumpul. Sesungguhnya, betapa perlu kita dimurnikan dengan sedikit penganiayaan.”*

Kita perlu mengingat bahawa penderitaan dan penganiayaan juga pernah dialami oleh para nabi bahkan

Jadikan Aku Murid-Mu

Anak Manusia. "Bersukacita dan bergembiralah, kerana upahmu besar di syurga, sebab demikian juga telah dianiaya nabi-nabi yang sebelum kamu (Matius 5:12)."

Dietrich Bonhoeffer yang banyak menderita berkata, "Kutukan, penganiayaan yang mematikan, dan celaan meyakinkan murid-murid bahawa mereka berada dalam persekutuan dengan Allah." Rasul Paulus melalui semua penganiayaan dan penderitaan memahami ertinya bersekutu dengan penderitaan Kristus. "Yang kukehendaki ialah mengenal Dia dan kuasa kebangkitan-Nya dan persekutuan dalam penderitaan-Nya, di mana aku menjadi serupa dengan Dia dalam kematian-Nya" (Filipi 3:10).

Gelombang-gelombang ganas yang semakin menerkam orang Kristian bukanlah sesuatu yang mengejutkan kita. Rasul Petrus pernah memberi kenyataan ini ketika gereja Kristian awal mengalami seksaan penganiayaan biarpun di gelanggang singa mahupun dikambing hitamkan oleh Raja Nero. "Saudara-saudara yang kekasih, janganlah kamu hairan akan nyala api seksaan yang datang kepadamu sebagai ujian, seolah-olah ada sesuatu yang luarbiasa terjadi atas kamu. Sebaliknya, bersukacitalah, sesuai dengan bahagian yang kamu dapat dalam penderitaan Kristus, supaya kamu juga boleh bergembira dan bersukacita pada waktu Dia menyatakan kemuliaan-Nya" (1 Petrus 4:13-14).

Corrie Ten Boom dilahirkan dalam keluarga yang salih. Bapanya seorang pembuat jam tangan. Pada tahun 1929, Adolf Hitler mengumumkan perang ke atas negara Poland dan seluruh negara Poland pun terseret dalam perang. Tentera Jerman menyerang banyak keluarga orang Yahudi. Hitler

Khutbah Di Bukit

menghasut ramai orang untuk membenci orang Yahudi.

Sebagai seorang Kristian, Corrie Ten Boom mengasihi orang lain dan tidak membiarkan orang Yahudi menderita. Rumah mereka dijadikan tempat sembunyian bagi orang Yahudi. Corrie dan keluarganya telah menunjukkan kesetiaan mereka kepada manusia. Namun, jiran yang sering mendengar loceng berbunyi telah melaporkan kecurigaan mereka kepada pemerintah.

Akibatnya, mereka dipenjarakan dan diperlakukan kejam. Mereka dipaksakan bermandi bogel di depan askar-askar. Tempat tinggal mereka kotor dan berkutu. Betsy dan adik-adiknya tetap beriman dan menahan penderitaan sehingga nafas terakhir. Cerita tentang keberanian dan kesetiaan Corrie Ten Boom selalu ditayangkan dalam filem, "The Hiding Place."

Garam dan Terang Dunia

Terang setiap murid adalah terang gemilang Kristus dalam hidup mereka. Kalau terang dalam para pengikut-Nya begitu malap, tentu dunia tidak akan tertarik dengannya (Matius 5:13-15). Kita tidak memerlukan pelbagai umpan licik untuk menarik orang untuk mempercayai Tuhan Yesus.

Para murid-Nya tidak menangkap ikan dengan pelbagai umpan canggih. Mereka memakai jala dan akan menangkap ikan pada sebelah malam dengan menggunakan cahaya. Ikan tertarik kepada jala kerana terangnya sungguh menarik perhatian pada waktu malam. Semakin terang lampunya semakin banyak ikan akan datang. Kalau kita

Jadikan Aku Murid-Mu

sungguh-sungguh menjiwai khutbah di bukit dalam hidup kita pasti kita akan menjadi terang dan garam dunia. Kita seperti garam akan mencegah kemerosotan moral dalam masyarakat dan bukan menambah kepadanya!

Cadangan-Cadangan

1. Bagaimanakah kamu mengukur kerohanian seseorang? Mungkin ada orang berfikir mereka yang bercakap lantang tentang hal-hal rohani mempunyai kerohanian luarbiasa. Adapula yang berfikir kerohanian adalah mereka yang berdoa panjang lebar. Baca bab ini lalu menulis satu karangan tentang tanda-tanda manusia rohani. Biarlah orang lain membacanya.

11

Pikullah Salibmu

"Bonhoeffer!" jerit pegawai penjara.

"Jangan! Jangan! Mereka tidak boleh membunuh engkau Bonhoeffer," teriak teman-teman Bonhoeffer.

Bonhoeffer teringat akan peristiwa penangkapannya yang berlaku hampir setahun yang lalu. Dia ditangkap kerana dipercayai telah bersongkol untuk mengguling Adolf Hitler, pemerintah yang kejam.

Bonhoeffer berkata kepada salah seorang banduan, "Ini ajalku tetapi juga permulaan yang baru."

Cinta Bonhoeffer kepada Tuhan Yesus menyebabkan dia berdiri teguh. Dia menentang kejahatan-kejahatan yang berlaku dalam masyarakatnya. Bonhoeffer menentang Nazis yang kejam. Nazis ini berusaha mengubah bahagian-bahagian Alkitab yang dianggap berbau Yahudi. Orang Yahudi, Slavs dan yang berkulit hitam dianggap mereka sebagai anjing kurap.

Bonhoeffer menulis untuk menentang mereka dan selaku pensyarah di Universiti Berlin, beliau mengecam Nazis. Tentera Gestapo meminta agar Bonhoeffer menghentikan khutbahnya, ceramahnya dan tulisannya. Walau bagaimana pun Bonhoeffer tidak takut. Dia bertanya, "Kalau ada orang

Jadikan Aku Murid-Mu

gila yang sedang memandu kereta dan melanggar orang, apakah yang perlu kamu lakukan? Biarkan dia? Dia mengajar murid-murid agar jangan takut dan mengelilingi negaranya untuk memberitahu keadaan negara mereka. Bonhoeffer tidak takut menderita bagi Kristus dan memikul salibnya, antara bukannya yang terkenal ialah "The Cost of Discipleship."

Panggilan Sejati

Penderitaan, seksaan dan penganiayaan memang sebahagian daripada panggilan seorang murid Yesus yang sejati. Tuhan Yesus yang memikul salib juga mengajak para pengikut-Nya untuk memikul salib-Nya. *"Lalu Yesus memanggil orang banyak dan para murid-Nya dan berkata kepada mereka: "Setiap orang yang mahu mengikut Aku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku"* (Matius 8:33).

Usaha untuk menyangkal dan menjauhkan salib boleh dikatakan tidak Alkitabiah malahan usaha iblis. Jelas, Yesus sendiri pun menjelaskan jejak memikul salib perlu dialami oleh para murid-Nya. "Jadi, kerana Kristus telah menderita penderitaan badani, kamu pun harus juga mempersenjatai dirimu dengan fikiran yang demikian" (1 Petrus 4:1a).

Intipati Salib Ialah Penderitaan

Penolakan dan penderitaan tidak dielakkan oleh Tuhan Yesus malahan Dia menegur Petrus yang mencegah-Nya ke salib.

Pikullah Salibmu

“Penderitaan dan penolakan menjadi intipati seluruh salib Yesus. Untuk mati di salib bererti dicela dan ditolak oleh manusia. Penderitaan dan penolakan telah ditanggung oleh Yesus memang keperluan ilahi dan setiap usaha untuk mencegahnya adalah pekerjaan iblis, khususnya kalau ia datang daripada murid-Nya sendiri; kerana sebenarnya ia hanya satu usaha untuk mencegah Kristus daripada menjadi Kristus. Petrus, Batu Gereja, yang melakukan dosa ini, namun setelah itu, dia segera mengakui Yesus sebagai Mesias dan telah dipilih ke kedudukan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa penerimaan Mesias yang menderita adalah satu skandal kepada gereja awal. Ini bukan jenis Tuhan yang diinginkan, dan Gereja Kristus tidak suka hukum penderitaan yang diletakkan oleh Tuhannya atasnya. Pencegahan Petrus juga menunjukkan dirinya tidak rela menderita. Iblis sudah memasuki Gereja, dan berusaha merobek salib daripada Tuhan.”³³

Penyangkalan Salib Itu Daripada Iblis

Panggilan Kristus untuk memikul salib kepada para murid-Nya di Malaysia tidak mengejutkan; jangan hairanlah kerana inilah hukum pemuridan yang sejati. Penyangkalan jalan yang sulit hanya datang daripada iblis. *“Maka berpalinglah Yesus dan sambil memandang murid-murid-Nya Dia memarahi Petrus, kata-Nya: “Enyahlah Iblis, sebab engkau bukan memikirkan*

Jadikan Aku Murid-Mu

apa yang difikirkan Allah, melainkan apa yang difikirkan manusia” (Markus 8:33).

Hukum pemuridan pertama yang perlu disedari oleh setiap murid-Nya yang sejati ialah menyangkal diri dan memikul salib.

“Lalu Yesus memanggil orang banyak dan murid-murid-Nya dan berkata kepada mereka: “Setiap orang yang mahu mengikut Aku, Dia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku” (Markus 8:34).

Memikul salib bermula hanya kalau kita sudi menyangkal diri, dan mengikut Yesus. Salib memang diwarni penolakan dan penderitaan, tetapi inilah salib yang dipikul oleh Yesus. Yesus tidak bermula dengan jalan kemuliaan melainkan dengan jalan salib—demikian juga setiap murid yang ingin mengikut Yesus.

Penyerahan Yang Sepenuhnya

Iman banyak orang Kristian tidak sampai tahap yang tinggi kerana mereka tidak melihat perbezaan antara hidup yang biasa-biasa dan hidup yang luarbiasa bagi Kristus.

“Hanya kalau seseorang manusia betul-betul menyerahkan diri kepada Kristus, baru dia boleh mengalami erti salib. Salib sudah berada di sana sejak mula-mula, dia hanya perlu memikul salib.

Pikullah Salibmu

Dia tidak perlu keluar untuk mencari salib itu bagi diri sendiri atau sengaja mengejar salib itu. Yesus berkata setiap orang Kristian mempunyai salib yang sedang menunggu dia, salib yang ditentukan dan dipilhkan Tuhan. Setiap murid perlu bertabah untuk menanggung bahagian penderitaan dan penolakan yang ditentukan. Setiap orang ada bahagian yang berbeza: ada yang dianggap layak menderita penderitaan yang tertinggi, dan diberikan anugerah mati syahid sedangkan yang lain hanya diuji ke tahap yang mampu diterimanya. Tetapi itu salib sama yang dipikul dalam setiap kes.”³⁴

Salib ini harus dipikul oleh setiap orang Kristian. Kita harus mati daripada manusia lamanya kerana kita sudah bertemu dengan Kristus. Sewaktu kita bertemu dengan Kristus, kita menyerahkan diri, dan disalibkan bersama dengan Dia. Segala dosa kita disingkirkan dan kita menurut roh bukan daging. “Kerana kita tahu, bahawa manusia lama kita telah turut disalibkan, supaya tubuh dosa kita hilang kuasanya, agar jangan kita menghambakan diri lagi dari dosa” (Roma 6:6).

Dietrich Bonhoeffer berkata:

“Apabila Kristus memanggil seseorang, Dia memanggil dia untuk datang dan mati. Ia mungkin kematian seperti yang dialami oleh murid-murid pertama seperti meninggalkan keluarganya dan melayani dan

Jadikan Aku Murid-Mu

mengikuti Dia, atau kematian seperti Luther yang meninggalkan biaranya ke dunia. Tetapi ia adalah kematian yang sama—kematian dalam Kristus, kematian manusia lama kita. Yesus memanggil pemuda yang kaya untuk mati, kerana hanya manusia yang mati kepada kemahuannya boleh mengikuti Kristus.”³⁵

Jalan Yang Luarbiasa

Martin Luther mengatakan tanda gereja yang benar adalah mereka rela dianiayai dan sudi mati syahid demi injil.” Seterusnya, Martin menegaskan:

“Pemuridan tidak terbatas kepada apa yang kamu fahami. Terjunlah ke dalam air yang dalam, yang di luar batas pengertianmu, dan saya akan menolong kamu memahami seperti saya. Kekaguman sesungguhnya adalah pengertian yang sebenarnya. Tanpa mengetahui ke arah mana kamu akan pergi memang pengetahuan yang sebenarnya. Pengertian-Ku lebih tinggi daripada kamu. Sedemikian juga Abraham pergi daripada bapanya tanpa mengetahui ke mana dia akan pergi. Dia telah mempercayai dirinya kepada pengetahuan-Ku, dan tidak mementingkan diri sendiri, dan maka dia mengambil jalan yang benar dan sampai ke akhir perjalanannya. Ketahuilah, itulah jalan salib. Kamu tidak dapat mencarinya bagi diri sendiri, kamu mesti membiarkan Aku membimbing kamu seakan-akan

Pikullah Salibmu

kamu seorang yang buta. Dengan sedemikian, bukan kamu, bukan manusia, bukan makhluk hidup, tetapi aku sendiri yang membimbing kamu dengan firman dan Roh dengan cara yang perlu kamu pergi. Bukan pekerjaan yang kamu pilih, bukan penderitaan yang kamu corakkan, tetapi jalan berbeza dengan semua yang kamu pilih atau atur atau ingini—itulah jalan yang perlu kamu ambil. Inilah yang Aku panggil kamu dan untuk menurut ini kamu mesti menjadi murid-Ku.” (Luther)

Seandainya kita tidak rela memikul salib dan menderita penderitaan maka kita kehilangan persekutuan penderitaan dengan Dia, dan tidak mengikuti Dia. Yesus telah menunjukkan kepada kita bahawa salib ialah jalan kemenangan bagi manusia. Itu mungkin bukan jalan yang kita pilih tetapi itulah jalan untuk bersekutu dengan Juruselamat yang pernah menderita.

Pemuridan juga melibatkan menanggung salib. Tuhan ialah Anak Allah yang menanggung salib, supaya Dia dapat melaksanakan penebusan bagi kita. Demikian juga pengikut-pengikutnya disuruh untuk menanggung, and inilah erti tepat “untuk menjadi Kristian.” Sama seperti Kristus bersekutu terus dengan Bapanya dengan penuh ketabahan, demikian juga pengikut-pengikutnya bersekutu dengan Kristus dengan penuh ketabahan dan menanggung segala cabaran yang diajukan terhadap imannya.

Bukan Jalan Pintas

Salah satu cara Iblis yang dicadangkan kepada para pengikut Kristus ialah pemuridan jalan pintas dan jalan cepat.

Pernah, iblis mencadangkan cara lain selain daripada salib kepada Yesus agar rancangan dan nubuat-nubuat Alkitab tidak terlaksana. Godaan Yesus di gurun dalam Matius 4:1-11 tepat menggambarkan bagaimana cara Iblis menjauhkan Yesus dari salib. Iblis mencadang tiga jalan pintas: jalan ekonomik, jalan untuk menarik perhatian orang, dan yang ketiga, jalan politik.

Cadangan yang pertama, "Jika Engkau Anak Allah, perintahkan supaya batu-batu ini menjadi roti" (Matius 4:3). Tetapi Yesus menjawab: "Ada tertulis: Manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah" (Matius 4:4). Fulton Sheen menulis:

"Tuhan kita tidak menafikan bahawa manusia perlu disapu, atau bahawa keadilan sosial harus dikhutbahkan; tetapi Dia sedang menekankan bahawa semua ini bukan yang terutama. Dia, padahal, sedang berkata kepada Iblis, "Engkau ingin menggoda Aku kepada agama menunaikan keperluan; engkau mahu Aku menjadi pembuat kek, dan bukan Penyelamat; sebagai pembawa pembaharuan sosial, bukan Penebus. Engkau sedang menggoda aku untuk berpisah dari salib-Ku, dan mencadang saya menjadi Pemimpin murahan, memenuhi perut mereka daripada jiwa

Pikullah Salibmu

mereka. Engkau ingin aku bermula dengan jaminan bukan dengan mengakhiri dengannya; engkau ingin Aku membawa kelimpahan luaran dan bukan kesucian dalaman.”³⁶

Kedua, iblis mencadang agar Tuhan Yesus mengambil jalan singkat, agar tidak perlu mengambil jalan salib yang sengsara. Seandainya Dia rela terjun dari bumbung Bait Allah senanglah misinya. “Jika Engkau Anak Allah, jatuhkanlah diri-Mu ke bawah...”(Matius 4:6). Tuhan Yesus tidak akan menarik perhatian dengan menerjun kerana jalan-Nya melalui salib. Tuhan Yesus tidak memilih drama segera, dipuja segera, tetapi Dia mengambil jalan salib. Apa yang diajukan oleh iblis hanya menjauhkan Dia daripada kehendak Allah.

Satan berusaha lagi menarik Tuhan Yesus daripada salib. Kerajaan yang akan didirikan oleh Tuhan Yesus melibatkan penderitaan dan salib. Kerajaan yang dicadangkan oleh Iblis ialah menyembah Iblis dengan segera dan segala akan diberikan tanpa jalan penderitaan. Jelas tanda-tanda dan jalan yang dicadangkan oleh Iblis jauh berbeza dengan jalan salib yang diwarni dengan penolakan, penderitaan dan bukan jalan pintas. Iblis masih sedang menyanyi lagu sama kepada murid Yesus kini, “Seberanglah ke khemah kami, dan segala yuran pendidikan akan dibereskan. Kalau tidak, kamu mesti menjelaskan hutangmu.” “Ikutlah kami dan kami akan menjadikan kamu ketua jabatan ini.”

Salib Bukan Tanda Yang Dialu-alukan

Paulus tahu orang Yahudi ingin satu tanda sebagai suatu pengiktirafan kuasa ilahi bagi seseorang Mesias. Hal ini boleh dilihat sewaktu Tuhan Yesus berhadapan dengan orang Farisi dan Saduki. “Kemudian datanglah orang-orang Farisi dan Saduki hendak mendapat Yesus. Mereka meminta supaya Dia memperlihatkan suatu tanda dari syurga kepada mereka” (Matius 16:1). Bagi pemimpin-pemimpin agama ini, yang diharapkan mereka bukanlah salib kerana ia seolah-olah kelemahan manusia. Orang Yunani mencari hikmat dan salib seolah-olah suatu kebodohan kepada mereka.

F.F. Bruce, sarjana Perjanjian Baru berkata:

“Perkataan salib menurut kedudukan mereka adalah berita kebodohan, dan lebih-lebih lagi tanda penghinaan, bagaimana seseorang boleh menerima seorang sebagai Tuhan dan Penebus atau mencari orang sebegini sebagai pengajar hikmat sedangkan dia tidak dapat menyelamatkan dirinya daripada maut...”³⁷

Rasul Paulus berusaha menolong pengikut-pengikut awal memahami salib—kuasa Allah dan hikmat Allah; kuasa kebenaran, pengudusan dan penebusan, padahal satu-satu sumber kehidupan rohani mereka. “Tetapi oleh Dia kamu berada dalam Kristus Yesus, yang oleh Allah telah menjadi hikmat bagi kita. Dia membenarkan dan menguduskan dan menebus kita” (1 Korintus 1:30).

Teladan Daripada Yesus

Rasul Paulus juga menegaskan kepentingan mengikut teladan Yesus khususnya dalam kerendahan hati-Nya dan kerelaan mengosongkan diri demi salib. Seorang murid harus menyelami perasaan dan fikiran yang terdapat dalam Yesus Kristus.

“Hendaklah kamu dalam hidup-mu bersama, menaruh fikiran dan perasaan yang terdapat juga dalam Kristus Yesus, yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia. Dan dalam keadaan sebagai manusia, Dia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan mati di kayu salib” (Filipi 2:5-8).

Dalam perhubungan dengan sesama dalam jemaah, janganlah saling menganggap diri kita lebih penting. Padahal, mereka harus melihat contoh Tuhan Yesus yang rela mengosongkan diri dan merendahkan diri. Jalan melayani bermula dengan jalan salib.

Salib -- Jalan Kemenangan

Jalan salib memang suatu penderitaan yang menusuk hingga ke jiwa. Yesus Kristus pernah mengalami-Nya, dan saat

Jadikan Aku Murid-Mu

yang menyayat hati ini terjadi sewaktu Dia berada di taman Getsemani (Matius 26:36-46).

“Yesus berdoa kepada Bapa-Nya supaya cawan penderitaan boleh beralih daripada dirinya, Bapa mendengar doa-Nya; tentu saja cawan penderitaan akan beralih daripada-Nya hanya Dia mesti meminimum-Nya. Itulah jaminan yang diterima-Nya bagi kali keduanya ketika dia berlutut di Taman Getsemani. Penderitaan ini akan beralih seperti yang akan diterima-Nya. Itulah jalan kemenangan. Salib ialah kemenangan atas penderitaan.”³⁸

Kemenangan Yesus Kristus telah dicapai melalui penderitaan-Nya. Jalan kemenangan tidak mengenali jalan yang lain selain jalan penderitaan dan salib. “Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan Dia dan mengurniakan kepada-Nya nama di atas segala nama, supaya dalam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi dan yang ada di bawah bumi,” (Filipi 2:9-10).

Salib Tuhan Yesus Berkuasa

Inti murni khutbah para murid Tuhan Yesus ialah salib sebab penyaliban dan kematian dan kebangkitan Tuhan Yesus adalah kuasa untuk mendatangkan perubahan. Di mana karya Yesus Kristus di salib dikhutbahkan, manusia bertaubat dan mengambil arah baharu dalam hidup mereka.

Pikullah Salibmu

“Jadi seluruh kaum Israel harus tahu dengan pasti, bahawa Allah telah membuat Yesus, yang kamu salibkan itu, menjadi Tuhan dan Kristus.” Ketika mereka mendengar hal itu hati mereka sangat terharu, lalu mereka bertanya kepada Petrus dan rasul-rasul yang lain: “Apakah yang harus kami perbuat, saudara-saudara?” (Kisah Para Rasul 2: 36-37).

Kandungan khutbah murid-murid Yesus yang awal adalah salib, dan di mana berita salib disampaikan banyak perubahan terjadi. Orang yang paling menentang dan yang pernah menjadi musuh, akan berubah menjadi rasul!

“Selepas Kristus bangkit dari maut, para rasul pergi memberitakan berita-Nya, dan kandungan khutbah mereka adalah salib. Dan ke mana sahaja mereka pergi di dunia ini, mereka memikul salib, dan kuasa revolusioner (kuasa yang mengubah) menyertai mereka selalu. Berita salib itu telah menyebabkan kehidupan Saulus berubah daripada seorang penganiaya menjadi orang percaya yang lembut hati dan seorang rasul yang penuh iman. Kuasanya dapat mengubah orang jahat menjadi orang baik... Hanya salib, dan jangan kurang daripada ini. Kepemimpinan yang cetek dan duniawi akan mengubah salib untuk menyesuaikan dengan citarasa penghiburan terkini, yang hanya ingin rasa syok bahkan di tempat ibadah; tetapi akan berakhir dengan bencana rohani dan membangkitkan amarah Domba menjadi Singa...

Jadikan Aku Murid-Mu

sikap yang sudah berubah terhadap salib yang kita lihat pada orthodox moden tidak membuktikan bahawa Tuhan sudah berubah, atau Kristus telah meregangkan tuntutan memikul salib; ia bererti Kristianiti kini telah beredar daripada piawaian Perjanjian Baru. Kita sudah begitu jauh sehingga satu reformasi diperlukan untuk memulihkan salib ke teologi dan hidup gereja.”³⁹

Cadangan-Cadangan

Renungkan soalan-soalan ini dengan mendalam:

1. Apakah hukum yang pertama dalam pemuridan sejati?
2. Apakah yang perlu kita lakukan untuk memikul salib?
3. Kalau kita rela memikul salib, persekutuan apakah yang sedang kita nikmati bersama Tuhan Yesus?
4. Apakah yang dikatakan oleh jemaah awal ketika mereka menderita dan memikul salib?

12

Selalu Mengampuni

Anda berfikir bahawa orang Kristian memang orang yang paling bahagia kerana mereka mudah mengampuni sebab mereka sudah banyak diampuni. Ya, lautan dapat diduga, hati manusia siapakah yang dapat menduganya? Tak sangka-sangkalah, hati banyak orang Kristian tergores. Kepahitan mungkin terpendam ataupun amarah mereka sedang mendidih seperti Gunung Bromo yang bila-bila akan meletup. Atau, kita mungkin membiarkan perkara itu berlalu begitu sahaja, dan berkata, "Masakan air setitik kita lautkan, segenggam tanah kita gunungkan." "Buat apa bersilat-silat kata?" "Tak apalah, asal kalau mati, kubur jangan dekat-dekat aja." Nampaknya masih ada jarum yang masih terpatih di jantung.

Kata-Kata Tokoh Tentang Pengampunan

Martin Luther—Sewaktu saya memanggil anda untuk mengampuni, saya sedang memanggil kamu untuk menjadi seorang Kristian."

Douglas Steere—Apabila satu jiwa datang di bawah sinaran Allah dan dalam hadirat-Nya yang penuh dengan

Jadikan Aku Murid-Mu

kasih dan teduh, jiwa itu akan diharukan dan menyadari ada hal-hal yang perlu diampuni dan diperbaiki sebelum dia dapat terus mengasihi Dia yang kasih-Nya begitu teguh.

James Coulter—Jiwa yang tidak mahu mengampuni adalah pembunuh kehidupan rohani yang utama.

Martin Loyd Jones—Demi kemuliaan Tuhan dan dalam kerendahan hati saya, saya ingin mengatakan bahawa setiap kali saya di hadirat Tuhan dan menyadari apa yang telah dikerjakan Tuhan bagi saya, saya siap untuk mengampuni sesiapa pun atas apa pun.

Anak Serupa Dengan Bapa

Nescaya dalam kehidupan seharian kita, anak-anak selalu mencontohi teladan kehidupan kita. Tentu sekali, kita tidak mengajar anak kita seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus. Kalau kita banyak marah dan penuh rasa dendam, begitu juga anak kita. Sebagai anak Tuhan Yesus, kita mencontohi teladan-Nya yang sedia mengampuni dosa tanpa memandang betapa besar dosanya. Alkitab jelas memanggil kita untuk mengampuni: “dan ampunilah kami akan kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah kepada kami” (Matius 6:12).

Alkitab juga memanggil kita untuk bersabar dengan satu sama lain. “Tetapi hendaklah kamu ramah seorang terhadap yang lain, penuh kasih mesra dan saling mengampuni, sebagaimana Allah di dalam Kristus telah mengampuni kamu” (Efesus 4:32). “Sabarlah kamu seorang terhadap yang lain, dan ampunilah seorang akan yang lain

Selalu Mengampuni

apabila seorang menaruh dendam terhadap yang lain, sama seperti Tuhan telah mengampuni kamu, kamu perbuat jugalah demikian” (Kolose 3:13).

Menghargai Anugerah Allah

Sikap yang selalu mengampuni mencirikan orang-orang yang sudah diampuni oleh Tuhan Yesus. Orang yang menghargai anugerah pengampunan Tuhan merupakan orang yang akan mengampuni orang lain. Orang yang penuh dendam dan tidak dapat mengampuni sebenarnya belum sungguh-sungguh mengalami anugerah Tuhan yang mengampuni mereka. Anugerah pengampunan Tuhan Yesus harus menjadi pendorong utama untuk mengampuni orang yang bersanggit dengan kita.

Tuhan Yesus menceritakan perumpamaan tentang seorang raja dan salah seorang hambanya dalam Matius 18:21-35. Hamba itu berhutang kepada raja itu dan tidak mampu membayar kembali hutang yang banyak. Raja itu sungguh berbelas kasihan, dia mengampuninya dan menghapuskan semua hutangnya. Namun, apabila hamba itu keluar dan terserempak dengan seorang yang berhutangnya tidak seberapa banyak, dia mencekiknya. Maka, amarah raja itu pun tidak dapat dikawal lagi kerana dia tidak bersimpati terhadap orang lain. Raja itu berkata, “Hai hamba yang jahat, seluruh hutangmu telah kuhapuskan kerana engkau memohonkan kepadaku. Bukankah engkau pun harus mengasihani kawanmu seperti aku mengasihani engkau?” (Matius 18: 32-33).

Jadikan Aku Murid-Mu

Kalau Sang Raja, Tuhan Yesus boleh memberi nyawa-Nya untuk mengampuni kita, Dia berharap kita berbuat yang sama juga. Kalau tidak, Dia akan bersabda, "Demikian juga yang akan perbuat oleh Bapa-Ku yang di surga terhadap kamu, apabila kamu masing-masing tidak mengampuni saudaramu dengan segenap hatimu" (Matius 18:35).

Untuk mengampuni berarti kita membebaskan seseorang daripada menerima penghukuman atau padahnya. Kita membatalkan semua hutang dosa mereka terhadap kita (Matius 6:12; 18:27; 32). Kita mengampuni tanpa bersyarat; jadi sebenarnya orang yang bersalah itu tidak layak menerima pengampunan kita (Kolose 3:13; 1 Petrus 2:24-25). Memang kadangkala dosa seseorang sangat berat, jadi pengampunan kita berharga.

Melupakan

Janji Allah bagi orang yang sudah diampuni-Nya sungguh indah. "Aku akan mengampuni kesalahan mereka dan tidak lagi mengingat dosa mereka" (Yeremia 31:34). Dia tidak akan mencatat dosa kita untuk melawan kita sekalipun Dia Maha Tahu. Allah tidak seperti kita yang sering mengungkit-ungkit akan masa lampau dan Dia tidak memakainya sebagai senjata untuk menyerang kita. Dia tidak seperti Tok Dalang yang selalu mengeluarkan patung-patung dan mengulangi ceritanya di layar mindanya.

Berapa kalikah Saya Harus Mengampuni?

“Jikalau saudaramu telah berbuat salah terhadapmu, tegurlah dia dan jikalau dia bertaubat, ampunilah dia. Jikalau dia bersalah sebanyak tujuh kali tujuh terhadapmu dalam sehari dan setiap kali dia datang kepadamu serta berkata, “Aku bertaubat,” kamu hendaklah mengampuninya” (Lukas 17:6). Tuhan Yesus menasihati kita untuk mengampuni orang yang berdosa terhadap kita seberapa banyak kali dia meminta pengampunan dan sudi bertaubat.

Seringkali apabila seseorang yang pernah bermasalah dengan kita datang lagi dengan masalah yang lain, layar minda akan mengeluarkan semua babak yang lalu sehingga perasaan benci terpahat dalam. Serangannya, kata-kata pahit, dan segera cerita lama akan melompat keluar seperti arnab-arnab hitam dari layar minda kita. Kalau kita secara ikhlas sudah mengampuni, kita tidak akan menayangkan semua babak yang pernah berlaku.

Goresannya Terlalu Parah?

Anda berkata anda tidak dapat mengampuni kerana kesakitan yang dipahat oleh orang itu terlalu kejam dan goresannya parah. Mengampuni seseorang yang menyakiti memang suatu tindakan yang cukup bernilai. Pengorbanan Tuhan Yesus di salib juga cukup berharga kerana ia melibatkan luka yang parah. Dia melunaskan semua hutang dosa dengan darahnya dan mengampuni kita seperti kata Alkitab, “Dia menanggung

Jadikan Aku Murid-Mu

dosa kita dalam tubuh-Nya sendiri di kayu salib, supaya kita mati terhadap dosa dan hidup untuk kebenaran. Luka-lukanya telah menyembuhkan kamu” (1 Petrus 2:24).

Seandainya seseorang yang sering memberi anda masalah itu mempunyai masalah dalam keperibadiannya, anda mungkin mahu menolong dia mencari seorang kaunselor. Contohnya orang itu sering marah tanpa sebab atau sering cemburu tanpa sebab. Kemarahan yang terus menerus mungkin juga berpunca daripada iblis yang merasuki atau mempermain seseorang.

Bukankah orang itu harus memperbaiki sifat dan sikapnya kalau mahu diampuni? Anda mungkin merasa seseorang tidak wajar diampuni kerana sikapnya tidak berubah. Kita tetap akan mengampuni orang itu dan berikhtiar mencari jalan agar mereka boleh tertolong. Kita mengampuni atas sebab, Tuhan pun mengampuni kita tanpa bersyarat. “Sebab upah dosa ialah maut; tetapi karunia Allah ialah hidup yang kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita” (Rom 6:23).

Berdamai

Berdamai dalam Bahasa Yunani ialah “diallasso” bererti “untuk berubah secara tuntas” dan perkataan Yunani lain untuk perkataan ini “katallasso” bermakna “untuk kembali keadaan yang berkenan.” Satu perkataan lagi “apokatallasso” bermaksud “ untuk membawa sesuatu ke keadaan yang harmoni.” Tuhan Yesus mengajar berdamai dalam konteks pengajaran tentang kemarahan:

Selalu Mengampui

“Tetapi sekarang Aku berkata kepadamu: Sesiapa yang marah terhadap saudaranya akan dihakimi. Sesiapa yang mencaci saudaranya akan dibawa ke hadapan Majlis Agama. Dan sesiapa yang memanggil saudaranya “bodoh” akan dihumbankan ke dalam api neraka. Oleh itu, jika kamu sedang meletakkan persembahan kepada Allah di atas mazbah lalu teringat bahawa saudaramu bersanggit hati denganmu, tinggalkanlah persembahanmu, berdamai dahulu dengan saudaramu, kemudian barulah buat persembahanmu” (Matius 5:23-24)

Berdamai itu memang kehendak Tuhan agar kita boleh hidup dalam kasih dan bersatu dalam tubuh Kristus (Yohanes 17:21). Tuhan Yesus mengambil langkah yang pertama dalam rancangan memperdamaikan manusia yang berdosa dengan Allah(2 Korintus 5:19). Begitu juga kita mengambil langkah pertama.

Perdamaian memang satu proses yang sungguh berharga. Tuhan Yesus mencurahkan darah dan nyawanya untuk memperdamaikan kita dengan Allah (1 Petrus 1:18-19). Walaupun Tuhan Yesus terpaksa melalui proses yang betapa menderita, perdamaian manusia dengan Tuhan sangat penting kepada-Nya (Lukas 22:44). Walaupun proses berdamai amat sulit namun itu langkah yang sangat penting dan akan membuka jendela berkat Allah.

Berdamai Menurut Cara Allah

Alkitab berkata ketika kita sedang beribadah dan teringat seseorang yang bersanggut dengan kita, apakah yang harus kita buat? Tinggalkan persembahan kita dan segera mencari orang itu. Berusahalah untuk diperdamaikan dengan orang itu:

“Sebab itu, jika engkau mempersembahkan persembahanmu di atas mazbah dan engkau teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkanlah persembahanmu di depan mazbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu” (Matius 5:23-24).

Kita lebih menurut perintah Tuhan untuk berdamai dengan saudara kita kerana Alkitab berkata, “Apakah TUHAN itu berkenan kepada korban bakaran dan korban sembelihan sama seperti kepada mendengarkan suara TUHAN? Sesungguhnya, mendengarkan lebih baik daripada korban sembelihan, memperhatikan lebih baik daripada lemak domba-domba jantan” (1 Samuel 15:22).

Seseorang yang beribadah kepada Tuhan tetapi masih berpisah dan bergeser dengan saudaranya dipanggil sebagai pembohong.

Selalu Mengampui

“Jikalau seorang berkata: “Aku mengasihi Allah, “ dan dia membenci saudaranya, maka dia adalah pendusta, kerana barangsiapa tidak mengasihi saudaranya yang dilihatnya, tidak mungkin mengasihi Allah, yang tidak dilihatnya. Dean perintah ini kita terima daripada Dia: Barangsapa mengasihi Allah, dia harus juga mengasihi saudaranya” (1 Yohanes 4:20-21).

Apabila seseorang bersalah terhadap kita, maka lazimlah kita berasa sakit hati dan memikirkan kesalahan itu. Kita berfikir betapa “kurang ajar” orang itu tetapi tanpa kita sedari, sikap kita sebenarnya juga tidak Alkitabiah. Saat ini memerlukan kerelaan diri dan ketenangan dalam doa agar kita tidak membuat perkara lebih parah lagi.

Menangis Kepada Allah

Dalam saat kesesakan dan kesusahan untuk berdamai, menangislah kepada Allah yang akan menolong kita. “Berserulah kepada-Ku pada waktu kesesakan, Aku akan meluputkan engkau, dan engkau akan memuliakan Aku” (Mazmur 50:15). “Dari jurang yang dalam aku berseru kepada-Mu, ya TUHAN!” (Mazmur 130:1)

Yakub menangis kepada Allah kerana walaupun Allah menyuruh dia berdamai dan pulang ke kampung halamannya, dia masih merasa takut. “Lepaskanlah kiranya aku dari tangan kakakku, dari tangan Esau, sebab aku takut kepadanya, jangan-jangan ia datang

Jadikan Aku Murid-Mu

membunuh aku, juga ibu-ibu dengan anak-anaknya. Bukankah Engkau telah berfirman: Tentu Aku akan berbuat baik kepadamu dan menjadikan keturunanmu sebagai pasir di laut, yang kerana banyaknya tidak dapat dihitng.”
(Kejadian 32:32:11-13).

Mengakui Kesalahan Kepada Sesama

Untuk menyelesaikan satu masalah dan kesalahan kita diminta untuk saling mengakui kesalahan kepada sesama, saling berdoa dan saling mengampuni (Yakobus 5:16). Kalau boleh, berilah sesuatu hadiah kepada orang itu demi mengeratkan persahabatan. Kata-kata hikmat Alkitab berfirman, “Pemberian dengan sembunyi-sembunyi memadamkan marah, dan hadiah yang dirahsiakan meredakan kegeraman yang hebat” (Amsal 21:14).

Mengaku kesalahan kepada sesama mungkin sulit kerana manusia penuh dengan keangkuhan. Seringkali keangkuhan kita menjadi tembok penghalang yang meretakkan perhubungan kita. Kita harus berusaha menukarkan rangka fikiran kita dan memeluk sikap Tuhan Yesus yang merendahkan diri-Nya (Filipi 2:7).

Menerima Orang Itu

Berdamai tidak akan bererti kita tidak lagi menerima orang itu seperti kita pernah menerimanya pada suatu ketika. Walaupun dua orang sudah berdamai, kita tidak tahu akan

Selalu Mengampui

keikhlasan mereka kecuali Tuhan yang Maha Tahu. “Tetapi Esau berlari mendapatkan dia, didekapnya, dipeluk lehernya dan diciumnya dia, lalu bertangis-tangisanlah mereka” (Kejadian 33:4) Perdamaian antara Esau dan Yakub terjadi dengan penuh ketulusan dan penyesalan akan dosa yang lalu. Mereka berdua memelihara perhubungan adik beradik yang sungguh bernilai itu. Keharmonian dalam keluarga mereka dipulihkan semula dan sinaran Mentari Ilahi memancar terang.

“Sungguh, alangkah baiknya dan indahnya, apabila saudara-saudara diam bersama dengan rukun! Seperti minyak yang baik di atas kepala meleleh ke janggut, yang meleleh ke janggut Harun dan ke leher jubahnya. Seperti embun gunung Hermon yang turun ke atas gunung-gunung Sion. Sebab ke sanalah Tuhan memerintahkan berkat, kehidupan untuk selama-lamanya.” (Mazmur 133:1-3)

Cerita Sokreaksa S.Himm

Sokreaksa S.Himm dalam buku “After the Heavy Rain” (Setelah Hujan Lebat) mencurahkan air mata hatinya dan kerelaannya untuk mengampuni. Keganasan politik dan perang di Kamboja berlansung dari tahun 1953 hingga 2004. Tahun 1975 hingga ke 1979 merupakan perang yang direkakan oleh Pol Pot, pemimpin Khmer. Lebih daripada dua juta orang mati kelaparan, penyakit lalu dibunuh dengan tidak

Jadikan Aku Murid-Mu

berperi kemanusiaan. Mangsa-mangsa “The Killing Field” mengalami luka dan trauma yang menyebabkan air mata mereka masih mengalir dalam jiwa sekalipun 25 tahun sudah berlalu.

Sokreaksa berasal daripada keluarga besar di Siemreap, dan pernah hidup gembira bersama dengan sebelas adik beradik. Rumah mereka terletak di pinggir sungai di mana bunga-bunga melambai-lambai dengan ceria setiap pagi. Banyak rumah yang lain juga di bina di pinggir sungai ini. Sokreaksa selalu bermain dengan abang dan adiknya, dan mereka sering memancing tepi sungai. Bapa mereka seorang guru Bahasa Perancis dan pada waktu itu mereka beragama Buddha. Walaupun Bapanya daripada keluarga petani, dia telah bergigih dan berjaya berkelulusan Bahasa Perancis, memang suatu kebanggaan. Mereka sekeluarga suka pergi memancing bersama dan betapa gembiranya mereka.

Secara mendadak, tragedi dan kekejaman menimpa ke atas keluarga ini. Askar-askar Khmer Rouge memaksa mereka untuk keluar dari rumah dengan penampang. Setelah berbulan-bulan menderita, kelaparan dan sering disiksa, keluarga ini dipaksa untuk berdiri di tubir sebuah liang kubur yang digali. Askar-askar mulai memukul keluarga Sokreaksa dengan senjata dan cangkul. Satu lepas satu anggota keluarga ini dihantam lalu terjatuh ke dalam kubur mereka; nafas mereka melayang. Ajaib, Sokreaksa tidak mati, dan perlahan-lahan dia merangkak keluar dari kubur. Jiwanya menangis ketika dia berdiri di lubang kubur yang menguburi keluarganya yang tercinta.

Selalu Mengampuni

Sokreaksa berjaya pergi ke Amerika atas pertolongan orang lain dan menuntut di sana. Setelah menjadi murid Tuhan Yesus, Sokreaksa berusaha mengerti ertinya mengampuni dengan sungguh-sungguh. Dia begitu yakin bahawa Tuhan Yesus rindu dia mengampuni pembunuh-pembunuh keluarganya meskipun air matanya masih mengalir dalam jiwanya. Dia memberitahu isteri dan adik (satu-satunya yang hidup) bahawa dia mahu kembali mengampuni pembunuh-pembunuh dan keluarga mereka di Kambojia.

Soekreaksa berkata, "Sewaktu mengenangi hidupku, saya dapat melihat bahawa Allah telah menyelamatkan nyawaku dari kubur untuk tujuan istimewa ini. Allah ingin saya membawa berita pengampunan melalui Yesus Kristus kepada keluarga pembunuh-pembunuh ini. Allah telah memulihkan aku dan Dia akan menolong aku, saya ingin mempercayai perlindungan-Nya. Dia akan membimbing dan melindungi saya."⁴⁰

Adakah mengampuni itu mudah bagi Soekreaksa? Sewaktu menyerahkan sekolah yang dibangunkan di kampung, di mana pembunuh-pembunuhnya tinggal, dia berkata, "Memang tidak mudah untuk mengampuni. Bagi sesetengah kalian, jika seseorang mencuri sesuatu daripada kamu, hanya yang kecil, kamu akan mengambil kapak dan membunuhnya. Inilah adat di kampung ini. Tetapi, seluruh keluargaku telah dibunuh di depanku. Bagaimanakah perasaanku?"

Ya, lukaku, kepahitanku, dan amarahku tidak menghalangi saya belajar mengampuni. Secara jujur, beberapa tahun yang lalu, saya ingin membalas dendam.

Jadikan Aku Murid-Mu

Beberapa dalam kalangan kalian tahu bahawa saya pernah menjadi polis di kota, dan ada yang takut ke kota kerana polis. Saya mungkin membunuh kalian kalau pada waktu itu saya terserempak dengan kalian. Pada waktu itu, perasaanku masih untuk maruah keluarga—balas dendam memang pertama dalam senaraiku.

Tetapi saya sudah menjadi Kristian, Allah mengajar saya untuk mengampuni. Pertama-tama, Dia sudah mengampuni dosaku dan membebaskan saya daripada kebelengguan kepahitan. Pengampunan adalah pemberian daripada Allah untuk saya, dan saya mahu memberi hadiah ini kepada kamu.”

Selepas kata-kata pembukaan sewaktu merasmikan sekolah, dia bercakap dengan Mao, pembunuh ayahnya. Mao sungguh gembira membawa lima anaknya ke sekolah yang didirikan oleh Sokreaksa S. Himm sebagai tanda kasihnya. Selain itu, Sokreaksa memberi selendang kepada pembunuh-pembunuh ayah dan ibunya sebagai tanda pengampunan dan Alkitab sebagai tanda pengampunan.

Cadangan-Cadangan

Alkitab berkata ketika kita sedang beribadah dan teringat seseorang tidak gembira dengan kita, apakah yang harus kita lakukan? (Matius 5:23-24).

Ambillah langkah-langkah berikut untuk berdamai dengan orang itu:

1. Berdoa kepada Tuhan
2. Berdoa bersama orang itu
3. Minta Tuhan menyembuh lukamu
4. Jangan sering mengungkitkan kesalahan sewaktu bercakap
5. Jangan gunakannya sebagai senjata apabila bergaduh dengan orang itu
6. Jangan ceritakan kepada orang-orang lain
7. Fikirkan yang baik tentang orang itu
8. Jangan berniat melukai orang itu
9. Selalu berkawan

13

Melayani Seperti Hamba

Pada zaman moden ini, orang tidak suka dicamkan sebagai “hamba” kerana banyak orang menyukai kebebasan. Mereka tidak suka dimiliki tuntas oleh seorang tuan atau diperintahkan, atau melayani dengan rendah hati. Maka, adapula yang sering-sering menukarkan pekerjaan sebab tidak dapat bekerja dengan rendah hati. Kalau kita ingin melayani Allah, kita diminta mengambil sikap seorang hamba.

Dalam Perjanjian Baru, seorang hamba adalah milik tuannya; waktu, bakat, tenaga bahkan nyawanya dimiliki tuannya. Dia tidak sama dengan pekerja yang diupah katakan oleh seorang pemilik ladang padi di Bario. Pekerja di Bario bekerja untuk majikannya tetapi bukan milik tuannya untuk seluruh waktu. Dia akan menerima upah atas kerja yang dilakukan menurut waktu kerjanya atau hasil pekerjaannya.

Bagi yang memberi diri kepada Kristus, kita adalah milik-Nya secara tuntasnya. Kita hamba-Nya. Rasul Paulus menggambarkan hal ini dengan jelas kepada jemaah di Korintus. “Atau tidak tahukah kamu bahawa tubuhmu adalah bait Roh Kudus yang diam di dalam kamu. Roh Kudus yang kamu peroleh daripada Allah,--dan bahawa kamu bukan

Melayani Seperti Hamba

milik sendiri? Sebab kamu telah dibeli dan harganya telah lunas dibayar: Kerana itu muliakan Allah dengan tubuhmu” (1 Korintus 6:19, 20).

Kerendahan Hati Seorang Hamba

Tabir hidup Yesus di dunia dalam tubuh jasmaniah-Nya akan tutup, Dia akan meninggalkan murid-murid kesayangan-Nya dan kembali ke pangkuan Allah Bapa. Tuhan Yesus mengasihi murid-murid-Nya sampai saat terakhir. “Sementara itu sebelum hari raya Paskah mulai, Yesus telah tahu, bahawa saat-Nya sudah tiba untuk beralih dari dunia ini kepada Bapa. Sama seperti Dia sentiasa mengasihi murid-murid-Nya demikianlah sekarang Dia mengasihi mereka sampai kepada kesudahannya” (Yohanes 13:1).

Saat untuk meninggalkan para murid-Nya juga diwarni oleh kepiluan yang menusuk hati Yesus. Murid-Nya, Yudas Iskariot, akan mengkhianati-Nya walaupun sudah bersama-Nya dan mengalami kasih yang begitu murni daripada-Nya. Saat yang paling sedih ketika seorang guru dicium oleh pengkhianat-Nya.

Saat ini juga diwarnai oleh sifat para murid-Nya yang masih belum matang dalam pengertian. “Terjadilah juga pertengkaran dalam kalangan murid-murid Yesus, siapakah yang dapat dianggap terbesar dalam kalangan mereka” (Lukas 22:24). Minda mereka masih merangkul pemahaman duniawi, kehebatan bererti memperoleh kedudukan yang tinggi. Hukum kehebatan yang diajari oleh Tuhan Yesus

Jadikan Aku Murid-Mu

berlawanan dengan pandangan dunia. Sesiapa yang terhebat di kalangan mereka haruslah menjadi hamba kepada semua.

Yesus berkata kepada mereka:

“Raja-raja bangsa-bangsa memerintah rakyat mereka dan orang-orang yang menjalankan kuasa atas mereka disebut pelindung-pelindung. Tetapi kamu tidaklah demikian, melainkan yang terbesar di antara kamu hendaklah menjadi sebagai yang paling muda dan pemimpin sebagai pelayan. Sebab siapakah yang lebih besar: yang duduk makan, atau yang melayani? Bukankah dia yang duduk makan? Tetapi Aku ada di tengah-tengah kamu sebagai pelayan”
(Lukas 22:25-27).

Kesetiaan Seorang Hamba

Kesetiaan mungkin tidak bermakna apa-apa kalau kita melakukannya semata-mata untuk kesetiaan sahaja. Siapa tahu kesetiaan boleh dilakukan untuk maksud yang jahat? Siapa tahu seorang pekerja mungkin setia kepada bosnya sekalipun kegiatan itu memudaratkan syarikat ataupun masyarakat? Siapa tahu seseorang mungkin setia kepada pemimpin yang sudah dipandang keji dalam arena antarabangsa? Siapa tahu seseorang mungkin setia kepada bangsanya sendiri sehingga dia menindas dan menganiaya bangsa lain tanpa berperai kemanusiaan?

Jenis kesetiaan yang diinginkan daripada seorang hamba ialah ketaatan kepada Tuhan Yesus yang dicintainya. Hati

Melayani Seperti Hamba

mereka yang mencintai-Nya akan memerhatikan Tuannya yang Maha Kudus, Maha Kasih dan Maha Setia sehingga pelayanan yang dilakukan mereka memancarkan segala sifat-Nya. Dia tidak melayani Mamon dan wang di syarikat, dan di gereja pula Tuhan Yesus. "Tidak ada seorang pun dapat mengabdikan diri kepada dua tuan. Kerana jika demikian, dia akan membenci seorang dan tidak menghiraukan yang lain. Anda tidak dapat mengabdikan diri kepada Tuhan dan Mamon" (Matius 6:24).

Berikan Hak Kepada Allah

Seorang hamba tidak mempunyai hak sendiri kerana dia menurut keinginan tuannya. Hidupnya bukan hak sendiri, dia dipanggil untuk melayani dan tidak merunsing dengan masalah sendiri.

"Siapa dalam kalangan kamu yang mempunyai seorang hamba yang membajak atau menggembalakan ternak baginya, akan berkata kepada hamba itu, setelah dia pulang dari ladang: Mari segera makan! Bukankah sebaliknya dia akan berkata kepada hamba itu: Sediakanlah makananku. Bukankah sebaliknya dia akan berkata kepada hamba itu: Sediakanlah makananku. Ikatlah pinggangmu dan layanilah aku sampai selesai aku makan dan minum. Dan sesudah itu engkau boleh makan dan minum" (Lukas 17:7-8).

Jadikan Aku Murid-Mu

Seorang hamba harus selalu peka dan bersedia melayani tuannya setiap waktu tanpa mengira musimnya. Musim dingin bukanlah waktu untuk tidur lena di sebalik selimut yang tebal. Musim panas pula bukan waktu untuk bersantai terus di Mall. "Berbahagialah hamba-hamba yang didapati tuannya berjaga-jaga ketika Dia datang," (Lukas 12:37).

Setelah hamba itu membajak dan menggembalakan ternakannya, dia tidak memikirkan diri sendiri. Dia tidak mengeluh, "Saya lapar, haus, penat, dan rasa lelah seperti mahu mati." Dia memikirkan tuannya, "Adakah dia lapar?" "Apakah yang dia mahu makan hari ini?" Tentu dia tidak akan masak ayam penyet dan mengasaknya sendiri. Dia tidak setiap hari masak soto ayam kerana itu kesukaannya sendiri padahal tuannya suka bak kut teh. Hamba akan selalu ingat selera tuannya. Demikian juga, kita selalu bertanya kepada Allah adakah cara kita melayani berkenan kepada hati-Nya.

Hamba setia hanya memikirkan apa yang berkenan kepada-Nya. Keuntungan dan keselesaan kita bukanlah hal yang perlu dikira. Kita tidak bertanya, "Untungkah kalau saya melayani Yesus?" "Dapatkah saya menjadi lebih terkenal?" "Bolehkah saya menjadi ketua pemuda-pemudi kalau saya melayani Dia?" "Adakah saya akan diperhatikan oleh lebih banyak orang seandainya Tuhan mengurniakan karunia penyembuhan kepada saya?" Sebaliknya, kita bertanya, "Bagaimanakah saya memuliakan nama Tuhan Yesus?" Kita bersedia melayani sekalipun sewaktu tidak diperhatikan orang sama seperti sewaktu kita di depan beribu-ribuan orang.

Dia Harus Semakin Bertambah

Yohanes Pembaptis selalu memberitahu bahawa bukanlah dia yang harus dikagumi oleh orang ramai. Yang perlu dikagumi adalah Mesias, Yesus Kristus, yang bahkan tali kasut-Nya tidak layak diungkainya. Apabila mereka datang bertanya kepada Yohanes Pembaptis tentang Tuhan Yesus, jawapannya tepat.

“Yang empunya mempelai perempuan, ialah mempelai lelaki; tetapi sahabat mempelai lelaki, yang berdiri dekat dia dan yang mendengarkannya, sangat bersukacita mendengar suara mempelai lelaki itu. Itulah sukacitaku, dan sekarang sukacitaku itu penuh. Dia harus makin besar, tetapi aku harus makin kecil” (Yohanes 3:29-20).

Semakin seseorang hamba Kristus melayani Tuhan Yesus, semakinlah Yesus bertambah, dan semakin kecil dia. Dia bukanlah “superstar” yang semakin dipuja tetapi dia tetap hamba yang hanya rindu agar nama Yesus ditinggikan. Apa yang kita kerjakan hanya demi Dia dan bukanlah untuk mata manusia. Orang yang ditolong oleh hamba Tuhan itu semata-matanya bagi Sang Raja. “Dan Raja itu akan menjawab mereka: Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang daripada saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku” (Matius 25:40).

Bagi Rasul Paulus segala yang dikerjakan dirinya hanya semata-mata untuk menyukai Allah dan bukan untuk

Jadikan Aku Murid-Mu

kesenangan manusia. “Sebaliknya, kerana Allah telah menganggap kami layak untuk mempercayakan Injil kepada kami, kerana itulah kami berbicara, bukan untuk menyukakan manusia, melainkan untuk menyukakan Allah yang menguji hati kita” (1 Tesalonika 2:4).

Dia Tidak Mengharapkan Balasan

Setelah menitis peluh dan melayani yang terbaik, kita tidak mengharapkan balasan yang baik. Kita mungkin melayani sesama namun tidak menerima ucapan terima kasih daripada mereka. Adakah kita tawar hati kerana itu? Dengarlah apa yang diajari oleh Tuhan Yesus:

“Apakah dia berterima kasih kepada hamba itu, kerana hamba itu telah melakukan apa yang ditugaskan kepadanya? Demikian jugalah kamu. Apabila kamu telah melakukan segala sesuatu yang ditugaskan kepadamu, hendaklah kamu berkata: Kami hamba-hamba yang tidak berguna; kami hanya melakukan apa yang harus kami lakukan (Lukas 17:9).”

Sikap benar seorang hamba diungkapkan oleh doa, “Saya hamba yang tidak berguna. Saya memang tidak layak di hadirat Tuhan. Saya memang tidak memiliki apa-apa yang dapat dibanggakan. Ajarlah aku untuk melayani dengan lebih baik lagi, dan ajarlah aku, ya Allah. Apakah yang Engkau kehendaki daripada aku, sudilah aku sedengkan telinga untuk mendengar.”

Pembasuhan Kaki Para Murid-Nya

“Lalu bangunlah Yesus dan menanggalkan jubah-Nya. Dia mengambil sehelai kain linen dan mengikatkannya pada pinggang-Nya, kemudian Dia menuangkan air ke dalam sebuah basin, dan mulai membasuh kaki murid-murid-Nya lalu menyekanya dengan kain yang terikat pada pinggang-Nya itu” (Yohanes 13:4-5).

“Pembasuhan kaki para murid-Nya yang dicatatkan oleh Yohanes adalah satu gambaran kesediaan Yesus untuk mengambil kedudukan pelayan untuk melayani. Dia melakukan ini walaupun Dia berhak tempat yang utama dalam pelayanan dan manusia pada umumnya menganggap tetamu jamuan lebih tinggi daripada pelayannya. Ketiga-tiga perkataan (Lukas 22:25-27) melayani berasal dari perkataan ‘*diakonon*’ satu kata kerja yang bererti mengambil kedudukan melayani sebagai pelayan meja; daripadanya berkembanglah pengertian pelayanan yang rendah hati; inilah gagasan fikirannya. Yesus bukan sedang berkata kalau para murid-Nya ingin mendapat tempat yang tinggi, mereka mesti terlebih dahulu membuktikan diri dengan mengambil kedudukan rendah. Dia sedang berkata bahawa pelayanan yang setia, yang bersikap rendah hatilah yang merupakan kehebatan yang besar.”⁴¹

Jadikan Aku Murid-Mu

Bagi setiap musim hidup-Nya di bumi, Dia mengambil bentuk “Hamba yang menderita” seperti yang dinubuatkan oleh nabi Yesaya. Tuhan Yesus memimpin mereka dengan teladan; Dia melayani mereka dengan kerendahan hati... Dia satu-satunya pemimpin yang rela mengambil tuala dan air untuk membasuh kaki murid-murid-Nya. Seharusnya kaki raja atau tetamu terhormat dicuci kaki oleh seorang hamba--bukan sebaliknya. Di sini, sama seperti salib adalah tanda penyerahan, demikian juga tuala adalah tanda pelayanan.

Saat ini adalah saat yang sungguh indah dalam tindakan penjelmaan Tuhan Yesus menjadi manusia. Anak Allah, Pencipta dunia, rela ke dunia ini, rela mengambil bentuk hamba dan melayani murid-murid bahkan sampai perbuatan membasuh dan menyeka kaki-kaki murid-murid-Nya. Bagi Petrus ini perbuatan yang tidak layak bagi seorang tuan namun saat ini mata rohani Petrus dicelikkan dan hatinya tersentuh oleh kasih Kristus. “Tuhan, Engkau hendak membasuh kakiku?” (Yohanes 13:6). “Dalam pembasuhan kaki para murid-Nya, Kristus telah memberi kita satu teladan kasih, sebab inilah sifat kasih—untuk melayani dan untuk merendahkan diri kepada satu sama lain.” (Martin Luther)

“Apakah yang ingin disedarkan oleh Tuhan Yesus dalam diri kita melalui babak pembasuhan kaki ini? Kaki kotor? “Kaki yang kotor jelas bukanlah sebab yang sebenarnya yang diberikan oleh Tuhan Yesus. Perbalahan tentang siapa yang terhebat antara para murid-Nyalah sebab sebenarnya. Mereka perlu mengenal Kristus dan kenapa Dia datang ke dunia ini. Minda yang selalu mementingkan siapa ketua meja

Melayani Seperti Hamba

jelas menggambarkan bahawa mereka tidak memahami kenapa Yesus sudah datang. Dia datang untuk melayani. Setiap pengikut-Nya harus jadi pelayan. Pada malam terakhir bersama dengan para murid-Nya, Yesus perlu menekankan lagi jenis kerajaan, di mana mereka sudah menjadi sebahagian daripadanya—dan apakah yang diharapkan daripada mereka jikalau mereka ingin mengikuti jejak langkah-Nya.”⁴²

Cadangan-Cadangan

1. Tuala Yesus merupakan tanda betapa Dia merendahkan diri dan melayani orang lain. Renungkan bagaimana kamu boleh menyatakannya dalam:
 - a. Keluarga
 - b. Kawan-kawan
 - c. Tempat kerja anda
2. Imbas hidup anda, pernahkah anda dilayani oleh orang tertentu sehingga hatimu terharu seperti Petrus? Apakah yang mengukir kesan dalam hidupmu melalui perbuatannya?
3. Selidiki hatimu: adakah anda melayani kerana anda sungguh-sungguh mengambil berat dan mengasihi orang? Atau adakah ini cuma suatu lakonan di persada gereja?
4. Pernahkah kamu melayani seseorang sehingga orang itu terharu sekali?

14

Saat Dan Wang

Sewaktu kecilku, ibu saya sering mengajar saya perpatah Bahasa Mandarin. Salah satu perpatah yang ibu saya suruh saya hafal ialah, "Sekilo emas, dan sekilo waktu, waktu lebih sulit dibeli daripada emas." Jadi, hafalan ini menghinggap pada saya seperti rama-rama pada bunga. Saya tidak membiarkan waktu melayang seperti layang-layang yang terputus benang. Alkitab berfirman, "Pergunakanlah waktu yang ada, kerana hari-hari ini adalah jahat. Sebab itu janganlah kamu bodoh, tetapi usahakanlah supaya kamu mengerti kehendak Tuhan"(Efesus 5:16). "Hiduplah dengan penuh hikmat terhadap orang-orang luar, pergunakanlah waktu yang ada." (Kolose 4:5)

Setiap musim beredar dengan cepat tanpa kesempatan menebusnya kembali saat-saat berharga kalau waktu kita dibiarkan mengalir dengan sia-sia. Allah meminta kita menebus dan merebut setiap kesempatan yang kita ada. Kita tahu erti merebut kesempatan, contohnya, kalau ada syarikat yang memberi biasiswa, kesempatan itu tidak kita biarkan terlepas. Penggunaan waktu menandakan sifat tanggungjawab seorang murid. Murid yang baik tahu menggunakan waktu untuk menyenangkan hati Tuhan. Kalau

waktu bukan miliknya tetapi Allah yang memberikan nescaya dia akan menghargai waktu dengan sebaik mungkin.

Cara Si Pemalas Menggunakan Waktu

a. Si pemalas tidak tahu berfikir jauh untuk masa depannya.

Dia ada benih tetapi tidak mengambil waktu untuk menabur, dia tidak mahu membajak kerana tidak mahu melumuri diri, musim menuai dia tidak mengharapkan apa-apa kerana tidak pernah menabur dan membajak (Amsal 20:4). Hari tuaian menantikan si ringan tangan tetapi si berat tulang pulang dengan tangan hampa. Kerbaunya menunggu sehingga bosan mendengkur. Si berat tulang menghamburkan waktunya, tidak berfikir jauh, dan tidak mempersiapkan diri. Akhirnya, dia tidak ada kemahiran sama sekali dan menuduh Allah tidak memberkatinya.

Cara kita mempergunakan waktu kita bagai lukisan. Warna apakah yang kita catkan pada kanvas hidup kita. Cara kita menggunakan waktu kita menggambarkan kelakuan kita, cara kita berjalan, dan apa yang kita pentingkan dalam hidup kita. Contohnya orang yang meluangkan banyak waktu menjaga tepi kain orang lain tidak tahu nilai mulutnya. Dia tidak tahu memuliakan nama Allah dengan mulutnya, dan tidak mengerti mengasihi sesama. Selain itu, dia tidak tahu menggunakan waktu untuk menyembah Allah dan berkata-kata Mazmur atau kata-kata Amsal untuk memberi hikmat kepada orang lain.

Jadikan Aku Murid-Mu

b. Niat baik tetap tinggal niat

“Hati si pemalas penuh keinginan, tetapi sia-sia, sedangkan hati orang rajin diberi kelimpahan” (Amsal 13:4).

Si pemalas memang ada niat namun waktu dilewati dengan sia-sia belaka. Pemalas tahu dia perlu membaca lebih banyak buku teologi dan rohani demi memperkukuhkan kehidupan rohani namun buku-buku yang dibelinya terpampang indah. Pemalas tahu dia perlu membaca Alkitab dan berdoa kalau mahu bertumbuh namun waktu dilaluinya dengan permainan komputer. Dia tahu dia perlu rajin belajar dengan namun banyak waktu disia-siakan dengan berborak-borak.

Jangan cemburu akan kearifan seorang murid yang rajin. Dia bertanggungjawab atas segala waktunya dan akan memenuhi niat Tuhan baginya dengan tepat dan indah. Hidupnya tidak akan diakhiri dengan kekesalan kerana dia dicukupi dengan limpahan. Kalau dia berniat menaburi benih injil, dia tidak berdolak-dalih seperti “orang begini pasti tidak mahu mendengar Injil!” “Berkatalah si pemalas: “Ada singa di jalan! Ada singa di lorong!!” (Amsal 26:13).

Bagaimana pula dengan membaca Alkitab? Si pemalas mencelupkan tangannya ke dalam pinggan, tetapi dia terlalu lelah untuk memasukinya ke mulutnya (Amsal 26:15). Dia telah malas untuk mengunyah firman Tuhan, dan memakan firman Allah baginya seperti memakan keropok. Bagaimana pula belajar Bahasa baru? Akhirnya, cuma jako mit mit Iban pun lelah.

Saat Dan Wang

c. Masalah lebih besar daripada tindakan

Pemalas hanya memikirkan masalahnya dan awan gelap di depannya. Kalau disuruh menanam sayur, dia berkata “ada serangga!” Nanti habis lenyap dimakannya. Kalau disuruh membela ayam, “nanti ayam kena flu.” Akhirnya, “Bolehkah kita menanam padi?” Dia menjawab, “Pernah you dengar— basah kuyup mandi peluh, tanam padi, lalang yang tumbuh.” “Jalan orang pemalas itu diumpamakan seperti pagar duri, tetapi jalan orang jujur rata” (Amsal 13:4).

Murid Dan Wang

Kasih seorang murid boleh diukur daripada sikapnya terhadap harta, wang dan cara dia menggunakannya. Sikap orang duniawi dan sikap orang Kristian terhadap wang harus berbeza.

“Dunia akan menanyakan berapa jumlah yang kita miliki; Kristus akan menanyakan bagaimana kita menggunakannya. Dunia akan memikirkan bagaimana kita mendapatnya; Kristus akan memikirkan bagaimana kita memberinya. Dunia akan bertanya apa yang dapat kita berikan, Kristus bertanya bagaimana kita berikannya. Dunia memikirkan jumlahnya, tetapi Kristus niat kita. Bagi orang yang belum bertaubat, wang dapat memberi kepuasan; bagi orang yang sudah bertaubat, wang berkat pemberian rahmat...”⁴³

Tumpukan Fikiran Pada Kerajaan-Nya

Yesus memahami bahawa kekayaan atau kemiskinan akan membawa kekhuatiran. Kita sering bertanya adakah kita cukup wang untuk esok hari. Sewaktu ekonomi kita dalam keadaan melarat, kita tertanya-tanya apakah masa depan kita? Kita perlu menumpukan perhatian kita kepada kerajaan Allah dan tidak membiarkan diri diselubungi awan-awan GST.

Pada setiap saat, kita perlu ingat bahawa Yesus menggesa kita agar tidak khuatir setiap waktu (Lukas 12:29-34). Orang kafir gelisah akan hal-hal kebendaan. Mereka sangat menggebu-gebu mencari semua--apa yang ingin dimakan, hotel mana yang lebih selesa, Sarawak laksa mana, pakaian apa yang paling menampilkan kecantikan kita. Bangsa-bangsa di dunia ini mencari semua ini.

“Yesus menjelaskan dengan sejelas-jelasnya fasal intipati kita, kebebasan daripada kegelisahan adalah bukti jiwa seseorang yang sedang mencari kerajaan Allah. Kenyataan batinnya menggambarkan kesederhanaan dan hidup sukacita yang tidak terlalu mementingkan harta benda. Orang yang tamak dan yang kedekut tidak memiliki kebebasan ini.”⁴⁴

Hidup Dalam Kesederhanaan

Hidup pada zaman ini mungkin memberi kita suatu khayalan bahawa kita mesti memiliki alat-alat yang terkini, menganut gaya hidup tertentu, memandu kereta tertentu, dan

Saat Dan Wang

memakai telefon bimbit terkini. Tanpa mengira panjang, kita mengeluarkan kad kredit. Padahalnya? Hutang mengelilingi pinggang sekelip mata. “Mak! Tolonglah saya, bank nak tarik kudaku!” Penulis Richard Foster mengajak kita untuk memupuk hidup kesederhanaan:

“Kesederhanaan bermula dengan satu fokus batin...suatu kesatuan. Ia bererti menghidupkan yang dikenali oleh Thomas Kelly sebagai Pusat Ilahi. Mengalami kenyataan batin ini akan membebaskan kita secara luaran. Keinginan untuk status dan pangkat sudah lenyap. Akibatnya, kita tidak lagi memerlukannya. Kita tidak menonjolkan kemewahan kita... Benda kita boleh dipakai oleh orang lain. Mari kita menyertai pengalaman Richard Byed, setelah berbulan-bulan di Arktik yang tandus, dia mencatat dalam jurnal, “Saya sedang belajar bahawa seseorang dapat hidup tanpa banyak barang”⁴⁵

Setia Selalu

Jangan kehilangan iman kerana hidup semakin susah dan semua barang sangat mahal. Wah! Saat-saat seperti ini anda dibuang kerja. Bagaimana ni? Sementara berusaha mendapat kerja, meningkatkan kemahiran diri. Anda boleh belajar menjahit, menanam sayur, belajar menanam ubi kayu atau ambil kursus singkat. Berusahalah sebaik mungkin sementara anda menunggu kerja, rebut waktunya dan belajar suatu kemahiran.

Jadikan Aku Murid-Mu

Orang Kristian dipanggil untuk setia selalu dan tetap maju secara rohani sekalipun waktunya susah. Mari kita renungkan bagaimana orang Israel bertindak ketika mereka tiada tanah, di padang belantara dan sedang menghadapi cabaran? Bagaimana mereka bersikap berbanding dengan bapa leluhur mereka Abraham?

“Kenangan dalam fasal Keluaran 16-18 dan Bilangan 10:11, menggambarkan pengalaman bapa leluhur yang tiada tanah untuk diami, dan selok belok pengembaraan mereka... Ia menggambarkan di satu sudut orang Israel yang tiada apa-apa namun juga tiada kekurangan apa-apa. Titik perhatian kedua-dua perenggan memberi perbandingan yang tajam tentang hal kesetiaan, kepercayaan, dan ketaatan kepada Allah. Jelas, Abraham dan keluarganya akan terpahat dalam ingatan sebagai orang Israel yang memberi teladan iman yang cemerlang. Manakala, angkatan padang belantara diingati sebagai generasi yang derhaka dan tidak taat... Dalam cerita Kejadian ketiadaan tanah menyebabkan Israel beriman radikal, sedangkan dalam pengalaman belantara, ketiadaan tanah hampir menghancurkan orang Israel dan iman mereka”⁴⁶.

Adakah kita menjadi degil dan tidak bersyukur lagi sewaktu susah? Adakah kita menyalahkan Allah dan bersedih atas krisis kewangan? Kita dapat belajar Keluaran 16 dan Bilangan 14 ketika mengalami masalah kewangan—khususnya tentang iman dan sikap yang tepat. Respon dan tindakan terhadap krisis kewangan yang tidak tepat boleh mendatangkan maut.

Saat Dan Wang

“Keluaran adalah cerita tentang sikap sewaktu tiada tanah, mengenai manna luarbiasa yang diberikan dan diterima, sehingga belantara diperhatikan sebagai tempat dan sumber penerimaan yang tak terduga. Sebaliknya, Bilangan 14 adalah cerita mengenai tidak kepercayaan yang menekankan penyingkiran dari tanah, cerita ketidakpercayaan, yang tercetus kerana kebencian, dan akhirnya menyebabkan kematian kerana kekurangan kepercayaan terhadap Yahweh.”⁴⁷

Jangan tercekik

Wang, terlalu banyak atau terlalu sedikit boleh mencekik dan menghambat pertumbuhan rohani kita. Kita bagai benih yang jatuh di antara duri-duri kalau kita terlalu gelisah akan wang. Benih yang jatuh pada duri tercekik dan segera layu (Lukas 8:14).

Donald Guthrie:

“Penulis-penulis sinoptik menggunakan perkataan mencekik. Kehidupan rohani kita terbantut. Tunas buah bercambah namun tiada tuaian. Ia tidak pernah bermekar. Hari ini, urusan dan kesenangan dunia, termasuk pencapaian profesional, rumah-rumah, rumah peranginan, cuti yang mewah, hobi-hobi luarbiasa, pelaburan kewangan, pakaian jenama, kereta berpacu, dan banyak lagi. Kesenangan hidup meniadakan perkembangan Kerajaan Allah. Ia menyeleweng kita dari pelayanan yang sebenarnya dan merosakkan tuaian.”⁴⁸

Jadikan Aku Murid-Mu

Jangan tinggal dalam satu ilusi bahawa kalau kita ada status, kalau kita ada wang untuk membeli segala, barulah sempurna. Betapa pentingnya, seorang murid tidak dibentuk dalam acuan pemikiran ini. Benih kerohanian kita akan tercekik dan kita tidak dapat bertumbuh kerana terbelenggu oleh arus semasa.

Perancangan Kewangan Yang Teratur

Kita perlu mengetahui cara untuk menguruskan kewangan dengan teratur pada waktu ini agar kita tidak tersandung kerana saku kita kering kontang. Adakah kamu mempunyai satu budget ketika kos semakin membubung tinggi?

- (1) Buat satu ikhtiar tidak membeli barang-barang yang tidak diperlukan.
- (2) Fikirkan bagaimanakah kamu akan membayar baginya?
- (3) Fikirkan bagaimana ia akan mempengaruhi hidup anda jika anda menggunakan kad kredit untuk membelinya?
- (4) Jangan membeli dengan terburu-buru tanpa mempertimbangkan kemampuan kita untuk membayar bil lain yang lebih penting.
- (5) Biarlah anda diingati selalu bahawa jikalau anda menggunakan kad kredit, maka perbelanjaan anda selalu meningkat dan anda mungkin tidak tahu berapa yang anda belanja.

Sikap Memberi

Boleh jadi juga saku kita penuh tetapi mata kita rabun atau buta. Kita buta dan rabun terhadap keperluan yang lain. Kita mungkin mengandalkan pada jaminan yang palsu. Kita rasa terjamin kalau akaun bank kita penuh dan kalau kita keluarkannya untuk menolong orang, atau melabur dalam kerajaan Allah, wang kita semakin kurang dan rasa terjamin tergoyah.

Boleh jadi kita memberi jawapan sederhana kepada orang lain seperti, "Belajarlh mengikat perut!" Pada waktu kemelesetan ekonomi nescaya ada orang yang jatuh dari tangga kerjaya atau gagal dalam perniagaan. Adakah kita mendengar keluh kesah mereka dan menolong orang jika mampu? Mungkinkah kita berkata, "Padanlah muka, tidak gigih berusaha?"

Sukarkah Berpisah Dengan Wang

Mengapakah wang kadangkala susah berpisah dengan kita? Kita mungkin menjadi sangat kedekut sehingga bahkan ibu bapa kita kesuntukan wang. Kita pun jarang memberi kepada Allah walaupun Dia adalah sumber segala berkat.

Sebuah lagu "Ebenezer Scrooge" memberi kita kisah tentang seorang kaya yang kedekut. Suatu hari, Scrooge ditayangkan cara dia hidup pada masa lampau, masa kini, dan masa yang akan datang. Pada masa lampau, kekasihnya, Belle, telah meninggalkannya kerana wang Scrooge menjadi

Jadikan Aku Murid-Mu

kekasih saingan. Akhirnya, Belle berkahwin dengan seseorang yang tidak kaya namun hidup gembira. Kemudian, Scrooge ditunjukkan keluarga Fred dan keluarga Cratchit yang merayakan Krismas. Anak bongsu, Encik Crachit, Tiny Tim sungguh sakit. Anak ini akan mati kalau Scrooge tidak berbuat apa-apa. Adakah dia akan berbuat sesuatu sedangkan dia sering berkata, "kurangkanlah penduduk yang kelebihan mereka ini."

Menggadai Khazanah Syurgawi

Wang dan harta milik boleh menyebabkan orang menjualkan nyawanya. Segala keperluan rohani mahupun jasmani mungkin diabaikan. Isteri dan anak ditinggalkan bahkan Allah dilupakan kerana mengejar harta yang limpah. Mereka ini kaya daripada segi harta tetapi mereka tidak kaya terhadap manusia dan Allah. Jiwa diabaikan dan kegersangan jiwa tidak diperhatikan mereka. Dalam Lukas 12, petani bodoh ini meluaskan gudang dan kekayaannya tetapi jiwanya memerlukan perhatiannya tetapi dia masih tidak tahu. Tangisan jiwa isteri, anak, serta dirinya sendiri tidak kisah baginya kecuali ada duit.

Adapula akan mengkhianati iman, keluarga dan suku kerana ditawarkan wang.

Cerita Bileam (Bilangan 22)

Cerita Bileam menceritakan nabi yang sungguh berkarunia dan dapat bernubuat tetapi akhirnya dalam Perjanjian Baru dicapkan sebagai nabi yang binasa. Apabila musuh muncul

Saat Dan Wang

dengan tawaran indah seperti pemberian gaji dan rumah percuma, adakah kamu akan mengkhianati Tuhan Yesus dan menyeberangi khemah?

Bileam telah dipanggil oleh musuhnya Balak, dia tidak menolak tetapi masih berunding. Sekalipun dia tahu rencana musuhnya tidak berkenan kepada Tuhan dia tetap berkawan mereka. Raja Balak sangat gentar akan bangsa Israel kerana jumlah mereka. Kemenangan mereka atas bangsa Amori juga menakutkan Raja Balak. Raja ini mengirinkan utusan kepada Bileam dengan pesan: “Ketahuilah, ada suatu bangsa keluar dari Mesir; sungguh, sampai tertutup permukaan bumi olehnya, dan mereka sedang berkhemah di depanku. Kerana itu, datanglah dan kutuklah bangsa itu bagiku, sebab mereka lebih kuat daripadaku; mungkin aku sanggup mengalahkannya dan menghalaunya dari negeri ini, sebab aku tahu: siapa yang kauberhati, dia beroleh berkat, dan siapa yang kaukutuk, dia kena kutuk.”

Lalu berangkatlah para tua-tua Moab dan para tua-tua Midian dengan membawa upah penenung; setelah mereka sampai kepada Bileam, disampaikanlah kepadanya pesan Balak. Lalu berkatalah Bileam kepada mereka: “Bermalamlah di sini pada malam ini, maka aku akan memberi jawapan kepadamu, sesuai dengan apa yang akan difirmankan oleh Tuhan kepadaku.” “Janganlah engkau pergi bersama-sama dengan mereka, janganlah engkau mengutuk bangsa itu, sebab mereka telah diberkati.” Bileam tidak mengikuti mereka.

Jadikan Aku Murid-Mu

Namun, Balak mengutus pula pembesar-pembesar lebih banyak dan lebih terhormat daripada yang pertama. Bileam membuka pintu kepada musuh sehingga dia terbujuk dan akhirnya, Bileam menjadi alat dalam tangan musuh. Dia membuka rahsia tentang bagaimana menjatuhkan umat Tuhan. “Celakalah mereka, kerana mereka mengikuti jalan yang ditempuh Kain dan kerana mereka, oleh sebab upah, menceburkan diri ke dalam kesesatan Bileam, dan mereka binasa kerana kederhakaan seperti Korah” (Yudas 1:11). “Oleh kerana mereka telah meninggalkan jalan yang benar, maka tersesatlah mereka, lalu mengikuti jalan Bileam, anak Beor, yang suka menerima upah untuk perbuatan-perbuatan yang jahat” (2 Petrus 2:15).

Musuh yang licik dan penuh tipu muslihat akan datang menawar wang, barang, rumah bahkan gadis atau lelaki kacak supaya kamu menukar agama. Dengan penuh tipu muslihat dan hadiah yang mengiurkan, mereka akan membuat orang Kristian tersandung. Setelah jerat direntangkan banyak menjadi mangsa yang terseret dalam kesengsaraan seumur hidup. Mereka yang melompat ke khemah musuh kerana wang atau tawaran istimewa bakal menerima kutukan Bileam daripada Allah. “Tetapi Aku mempunyai beberapa keberatan terhadap engkau: Di antaramu ada beberapa orang yang menganut ajaran Bileam, yang memberi nasihat kepada Balak untuk menyesatkan orang Israel, supaya mereka makan persembahan berhala dan berzina” (Wahyu 2:14).

Esau Menjual Hak Kesulungannya

Cerita Esau mengingatkan kita tentang bahayanya kehilangan hak kita sebagai anak Tuhan Yesus. Kalau kita menelusuri cerita nenek moyang kita, sama ada Lun Bawang, Dusun atau Iban, maka kita akan tahu bahawa tangan Ilahi telah mengangkat kita dan mengubah kita. Namun, kini, musuh menawarkan umpan di depan pintu. Mereka ini bagai harimau atau serigala yang berjalan mengelilingi di kampung halaman kita. Awas! Belajar daripada Esau.

Air mata Esau hampa

Esau menghidu keharuman sup merah-merah Yakub dan air liur pun meleleh sehingga dia rela menggadai hak kesulungannya.

“Pada suatu kali Yakub sedang memasak sesuatu, lalu datanglah Esau dengan lelah dari padang. Kata Esau kepada Yakub: “Berikanlah kiranya aku menghirup sedikit dari yang merah-merah itu, kerana aku lelah. “Itulah sebabnya namanya disebutkan Edom. Tetapi kata Yakub: “Juallah dahulu kepadaku hak kesulunganmu.” Sahut Esau: “Sebentar lagi aku akan mati; apakah gunanya bagiku hak kesulungan itu?” Kata Yakub: “Bersumpahlah dahulu kepadaku.” Maka bersumpahlah dia kepada Yakub dan dijualnyalah hak kesulungannya kepadanya. Lalu Yakub memberikan roti dan masakan kacang merah itu kepada Esau; dia makan dan minum, lalu berdiri dan pergi. Demikianlah

Jadikan Aku Murid-Mu

Esau memandang ringan hak kesulungan itu.
(Kejadian 25:29-34).”

Siapa tahu anda seperti Esau? Musuh memberi umpan sehingga kamu tertarik sehingga terjerat. “Lihat di sana ada nona cantik atau jejak kakak!” Demi perasaan menggebu-gebu dan terlalu mengikut asap emosi, engkau telah menggadai keistimewaan dan penyelamatan Kristus untuk seorang jejak. Jejak yang bukan dikirimkan oleh Tuhan Yesus melainkan alat konspirasi besar. Berhati-hati kerana sekali kaki anda terjerat dalam jerat, semua hak dan janji-janji engkau sebagai anak Tuhan Yesus akan direbut segera.

Berhati-hati kalau kamu sedang menuntut di universiti dan tiba-tiba muncul seorang jejak atau ‘malaikat terang’ yang ingin mengejar kamu bagai rama-rama yang ingin menghidu madu. Berhati-hati anda berada di universiti, dan dikerumuni bukan oleh saudara-saudari seiman. Pensyarah-pensyarah kamu pandai membujuk. Apalagi universiti engkau mewajibkan kamu ke ceramah yang mungkin menyebabkan engkau bertukaran khemah musuh. Saudara-saudari bertentangan iman akan bertepuk-tepuk tangan kalau kamu berani maju selangkah lagi, dan menyenangkan telinga mereka dengan berkumandang lafazan. Sekali melafaznya, anda terjerat selama-lamanya, bagai rusa terbaham di mulut ular sawah!

Kalau kamu terjerat untuk berkahwin dengan yang bertentangan khemah, akhirnya anda seperti Esau. Kamu akan menangis dan menyesal sehayat hidup. Terlambat sudah. Apa daya sebab kamu menderita dalam satu

Saat Dan Wang

perkahwinan di mana wanita lazim dianggap tidak seberapa berharga atau mustahak. Kini engkau bukan yang “intan” tetapi engkau menangis senyap-senyap kerana suami layak bermadu dengan beberapa adinda yang lain. Engkau mahu bercerai tetapi anda akan kehilangan hak penjagaan anak-anakmu. Tambahan lagi, bagi seorang wanita, usaha menceraikan suami betapa sulit tetapi ceritanya lain pula untuk seorang lelaki. Siapa tahu bapamu mesti menggadai bendang padi dan beberapa kerbau untuk memulangkan semua hantarannya!

Engkau seperti Esau menyesal selama-lamanya kerana apabila kamu meninggalkan dunia pun sengsaranya belum beres. Keluarga kamu tidak berhak menuntut tanah adat dan pusakamu (yang menjadi kebanggaan keluarga), harta benda dan wang, warisan, barang-barang yang engkau tinggalkan bahkan mayatmu. Mak dan kakak kamu sudah menitis beberapa baldi air mata. Papamu tidak boleh menegaskan bahawa mayatmu mesti dikebumikan di kubur Kristian atau kamu adalah anak pastor kerana kamu sudah menjual hakmu.

Cadangan-Cadangan

1. Adakah saya hidup menurut kemampuan gaji saya atau melebihinya?
2. Adakah saya menggunakan kad kredit saya tanpa berfikir panjang?
3. Adakah wang dan keuntungan akan menyebabkan aku menggadai Tuhan Yesus?

15

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

Kalau para murid Tuhan Yesus diibaratkan sebagai ikan-ikan, maka kita semua bagai ikan-ikan yang tinggal dalam kolam dengan ikan-ikan lain yang beraneka jenis. Ikan-ikan ini bukan sahaja pelbagai warna tetapi juga pelbagai corak—ada yang berbintik-bintik dan ada pula yang berbelang-belang. Gaya berenang itu juga pelbagai gaya, ada yang memacu dan ada pula bergerak bagai penari balet yang bergaya. Adapula bergoyang-goyang ekor dengan comel tetapi adapula bergerak sangat perlahan bagai siput babi. Demikian juga para murid Tuhan Yesus tinggal di dunia yang terdiri daripada pelbagai manusia yang menganut pelbagai corak fikiran, falsafah dan pegangan hidup yang berbeza-beza.

Para murid Yesus tinggal dalam dunia ini dan diminta untuk melayani dan menjadi saksi-saksi di dunia. Pada waktu yang sama, kita tidak menurut corak pemikiran dunia ini. Biarlah sikap dan minda kita dicemari oleh pelbagai corak pemikiran. Dunia dan falsafah duniawi tidak boleh dijadikan acuan yang membentuk kita. Acapkali, tatkala kita membaca Perjanjian Lama kita menggeleng-geleng kepala, "Mudah sekali umat Tuhan mengikut Mesir atau Babel." Namun tanpa

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

kita sedari, kita bagai ikan yang seringkali minum sesuatu yang tercemar. Allah bersabda kepada kita seperti kepada umat-Nya:

“Janganlah kamu berbuat seperti yang diperbuat orang di tanah Mesir, di mana kamu diam dahulu; juga janganlah kamu berbuat seperti yang diperbuat orang di tanah Kanaan, ke mana Aku membawa kamu; janganlah kamu hidup menurut kebiasaan mereka. Kamu harus lakukan peraturan-Ku dan harus berpegang pada ketetapan-Ku dengan hidup menurut semuanya itu; Akulah Tuhan, Allahmu. Sesungguhnya kamu harus berpegang pada ketetapan-Ku dan peraturan-Ku. Orang yang melakukannya, akan hidup kerananya; Akulah Tuhan. (Imamat 18:3-4).”

Dengan tegas, nabi Yehezkiel mengritik umat Allah yang mengikut cara dan piawian dunia dalam hidup mereka: “Dan kamu akan mengetahui, bahawa Akulah Tuhan, kerana kelakuanmu tidak selaras dengan ketetapan-ketetapan-Ku dan peraturan-peraturan-Ku tidak kamu lakukan; bahkan engkau melakukan peraturan-peraturan bangsa-bangsa yang di sekitarmu (Yehezkiel 11:12).”

Bagaimana pula dengan Tuhan Yesus? Apakah yang dikatakan kepada murid-Nya ketika mereka berada di dunia? “Jadi janganlah kamu seperti mereka, kerana Bapamu mengetahui apa yang kamu perlukan, sebelum kamu minta kepada-Nya” (Matius 6:8). Tuhan Yesus menasihati murid-murid-Nya agar jangan hidup dalam ketegangan akan esok. Segala yang diperlukan akan dicukupi oleh Bapa Syurgawi.

Jadikan Aku Murid-Mu

Rasul Paulus dengan tegas menasihati pengikut-pengikutnya agar jangan mengikut corak dunia ini. "Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membedakan manakah kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna" (Roma 12:2).

Jerat-Jerat Fikiran

Iblis menakluk manusia dan membelenggu mereka melalui cara dan corak pemikiran yang bertentangan dengan Allah. Kita mesti merobohkannya daripada fikiran kita kalau kita sudah tertakluk olehnya. "Kami mematahkan setiap siasat orang dan merobohkan setiap kubu yang dibangun oleh keangkuhan manusia untuk menentang pengenalan akan Allah. Kami menawan segala fikiran dan menaklukkannya kepada Kristus" (2 Korintus 10:5).

Pluralisme

Suatu cabaran yang melawan kita ialah "Pluralisme." "Pluralisme menegaskan bahawa setiap "isme" memiliki kesahihannya sendiri dan berhak menuntut penghormatan kita. Maka dengan demikian, ia akan menolak tuntutan orang Kristian terhadap sebarang pernyataan yang muktamad dan istimewa. Mereka juga menghina usaha untuk membawa orang lain menjadi Kristian dan mengecamnya sebagai suatu keangkuhan. Bagaimana kita menanggapi pluralisme ini? John Stott berkata:

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

“Dengan kerendahan hati, saya berharap, kita tiada sebarang berbau hidung tinggi. Akan tetapi kita mesti menegaskan bahawa keistimewaan Kristus yang muktamad. Dia istimewa dalam penjelmaan-Nya (satu-satunya Tuhan--manusia), keistimewaan penebusan-Nya (hanya Dia yang mati bagi dosa dunia), dan unik dalam kebangkitan-Nya (hanya Dia yang menakluk maut). Dan oleh sebab tiada orang lain selain Yesus Nazaret, TUHAN menjadi manusia (dalam kelahiran-Nya), kemudian menanggung dosa kita (dalam kematian-Nya), dan memenangi atas maut (dalam kebangkitan-Nya), Dia secara luarbiasa dapat menyelamatkan pendosa. Tidak ada insan lain yang memiliki semua kelayakan ini. Jadi, kita boleh berkata tentang Alexander yang hebat, Charles yang hebat dan Napoleon yang hebat tetapi bukan Yesus yang hebat. Dia bukan sahaja hebat tetapi Dia satu-satunya, tiada yang seperti Dia. Dia tiada dapat disaingi atau disambungi.”⁴⁹

Relativisme

Nilai-nilai dunia semakin merosot dan tidak kukuh bahkan banyak orang tidak percaya ada yang mutlak. Relativisme tidak pasti ada nilai-nilai asas yang mutlak. Ini bertentangan dengan panggilan Tuhan Yesus untuk menurut piawian-Nya atau perintah-Nya dengan teguh. Contoh fikiran relativisme digambarkan oleh ahli falsafah sosial Abraham Edell (1908-2007) seperti berikut. Moraliti tidaklah ada yang mutlak:

Jadikan Aku Murid-Mu

Ia bergantung di mana anda berada,
Ia bergantung pada siapa dirimu,
Ia bergantung pada apa yang anda rasa,
Ia bergantung pada bagaimana anda rasa,
Ia bergantung pada bagaimana anda diasuh,
Ia bergantung pada apa yang dipuja,
Apa yang betul pada hari ini mungkin salah esok,
Di Perancis hal itu mungkin menggembarakan,
Tetapi di England itu mendukacitakan,
Ia bergantung pada pandangan seseoranglah,
Di Australia atau Timbuctoo,
Di Rom lakukan seperti rakyat Roma,
Kalau citarasa bersetuju,
Maka itu moraliti.
Seandainya ada aliran yang bertentangan,
Semua tergantung pada, tergantung pada...

Pegangan ini sering diterapkan di dunia moden khusus dalam hal seks. Kumpul kebo dan jalinan seks sebelum perkahwinan dianggap tergantung pada apa yang menjadi fikiran yang dianutinya ataupun citarasa masyarakatnya. Perkahwinan antara sejenis dianggap tergantung pada citarasa seseorang ataupun hak pasangan berkenaan. Nilai-nilai utuh dan mutlak bagi orang Kristian ialah perkahwinan antara seorang lelaki dan perempuan sahaja, sepanjang umur hidup, dan keintiman seks dalam rangka perkahwinan. Tetapi pendirian ini dicabar dengan tergantunglah...

Para murid Tuhan Yesus yang taat berdiri di atas prinsip bahawa mereka hanya mengikut nilai-nilai dan

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

prinsip-prinsip Alkitab. Mereka tidak memandang segala sesuatu dari sudut pandangan relativisme ataupun berkata tergantunglah pada citarasa atau situasi. "Mengapa kamu berseru kepada-Ku: Tuhan, Tuhan, padahal kamu tidak melakukan apa yang Aku katakan? (Luke 6:46)." Jika kita mengasihi Tuhan Yesus kita akan memeluk segala yang diajari, "Barangsiapa memegang perintah-Ku dan melakukannya, dialah yang mengasihi Aku. Dan barangsiapa mengasihi Aku, dia akan dikasihi oleh Bapa-Ku dan Aku pun akan mengasihi dia dan akan menyatakan diri-Ku kepadanya (Lukas 6:46)."

Utilitarianisme

Penganut aliran fikiran ini berfikir sewaktu membuat keputusan, yang penting bukanlah salah atau betul. Yang penting ialah apakah akibat yang dihasilkannya. Kalau tindakan itu menghasilkan serentetan akibat yang baik maka kita boleh katakan itu perbuatan yang betul. Kalau tindakan itu menghasilkan keuntungan yang paling banyak dan membuat paling banyak orang gembira maka itulah yang paling betul.

Jenis fikiran ini dinamakan sebagai utilitarianisme yang juga dikenali sebagai sistem teologikal. "Telos" dalam Bahasa Yunani bererti matlamat atau hasilnya. Sesuatu perbuatan tergantung pada akibat iaitu akibat yang baik. Konsep ini berasal daripada dua ahli falsafah Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill. Bentham berpandangan bahawa tindakan moral ada tindakan yang memberi

Jadikan Aku Murid-Mu

kegembiraan yang tertinggi dan kesakitan yang paling sedikit. Mill mengembangkan konsep ini sehingga dia berkata sesuatu perbuatan itu dianggap baik kalau ia mendatangkan paling banyak kebaikan bagi paling banyak orang.

Jenis fikiran ini tidak mementingkan Allah ataupun wahyu mengenai tingkah laku manusia. Asal sebahagian orang merasa itu baik bagi mereka maka itu dianggap baik. Bagaimana pula dengan kebaikan golongan minoriti. Contoh pembangunan itu bagus untuk sebahagian besar orang yang mementingkan perkembangan tetapi bagaimana pula dengan kolam ikan milik mereka yang tinggal di sini, dan gaya kehidupan mereka yang dekat dengan alam dan mencari rezeki daripadanya.

Materialisme

Materialisme hanya mementingkan kebendaan dan jenis fikiran ini membuat nilai manusia tiada bermakna. Dinesh D'Souza memberi definisi materialisme seperti berikut, "Pandangan bahawa hanya benda-benda materi satu-satunya kenyataan dan hanya pengetahuan akan materi itulah satu-satunya tuntutan pengetahuan, semua yang lain hanya satu kepercayaan atau pendapat sahaja."⁵⁰ Anthony Selvaggio: "Kewujudan Pencipta dinafikan dan manusia dipandang sebagai mesin tanpa nyawa"⁵¹

"Ketahuilah, bahawa Tuhanlah Allah; Dialah yang menjadikan kita dan punya Dialah kita (Mazmur 100:3). Pandangan Alkitabiah ialah manusia adalah ciptaan Allah dan kita tidak wujud secara mendadak tanpa Pencipta. Kita

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

kepunyaan Allah dan apa yang kita lakukan dalam hidup ini betapa penting untuk kemuliaan-Nya, dan kerajaan-Nya. Oleh sebab Allah adalah Pencipta kita, segala perintah, ketetapan dan nilai-nilai datang daripada-Nya.

“Matlamat tertinggi manusia adalah memuliakan Allah dan menikmati-Nya,” Pengakuan Westminster. Kita bukanlah mesin yang diciptakan atau sebahagian daripada mesin. Gagasan fikiran bahawa kita hanya mesin atau robot sungguh bahaya kerana kita akan menggunakan manusia seperti kita menggunakan satu barang. Kita bukanlah sebahagian daripada mesin besar melainkan kita sungguh istimewa kepada Allah. “Tulang-tulangku tidak terlindung bagi-Mu, ketika aku dijadikan di tempat yang tersembunyi, dan aku disulam di bahagian-bahagian bumi yang paling bawah” (Mazmur 139: 15)

Bersikap materialisme juga bererti kita asyik dengan bahan-bahan materi sehingga pertumbuhan rohani kita yang murni tercekik. Apakah yang dikatakan oleh rasul Paulus? “Memang ibadah itu kalau disertai rasa cukup, memberi keuntungan besar” (1 Timotius 6:6). Bolehkah kita hidup dengan sikap yang selalu mengingat apa yang dikatakan oleh Ayub? “Dengan telanjang aku keluar dari kandungan ibuku, dengan telanjang juga aku akan kembali ke dalamnya. Tuhan yang memberi, Tuhan yang mengambil, terpujilah nama Tuhan!” (Ayub 1:21)

Konsumerisme – Membeli sehingga Pengsan

Gaya hidup yang membeli sehingga pengsan hanya

Jadikan Aku Murid-Mu

akan merampas kita daripada hidup yang memuliakan Tuhan Yesus. Selain itu, konsumerisme membawa suatu kekosongan dan kehampaan dalam jiwa kita. Tanpa sadar, kita menduga kita merasa puas dengan membeli lebih banyak lagi. Kalau kita kekurangan wang untuk membeli lagi, kita akan kemurungan. Naluri ketamakan kita membuat kita membeli lebih banyak dan tidak pernah cukup. D. A. Carson dengan tepat berkata, *“Wabak konsumerisme zaman ini menyuap ketamakan kita, bahkan memberi definisi kepada kemanusiaan kita; kita bukan penyembah, atau pemikir, atau pembawa gambaran Allah, atau penyayang, kita pembeli!”*⁵²

Kita terperdaya dan berfikir barang-barang akan membuat kita sungguh gembira. Anthony Selvaggio yang menganalisa pendapat yang toksid ini berpendapat ia ibarat mengumpulkan dewa-dewa palsu:

“Cara pertama konsumerisme membimbing kebudayaan kita menyimpang daripada Allah adalah menggalakkan kita untuk mengisi kehidupan kita dengan kekosongan. Santo Augustine berkata kita semua diciptakan dengan “Ruang kosong yang dibentukkan Allah.” Hanya Allah dapat mengisikan kekosongan ini tetapi konsumerise memberi janji palsu bahawa barang-barang boleh mengisi kekosongan itu. Dengan demikian, barang-barang yang diberikan oleh kebudayaan kita bagai dewa-dewa palsu untuk memenuhi kerinduan batiniyah kita; namun, dewa-dewa palsu yang ditawarkan oleh konsumerisme sementara tidak memuaskan kita,

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

padahal hakikatnya akan meninggalkan kita rasa kosong bahkan akhirnya kekosongan ini akan membawa kepada kita kesengsaraan dan kesuntukan makna.”⁵³

Konsumerisme juga menawan hati kita sehingga kita tertarik dengan yang kurang penting. Kita hanya mementingkan yang dangkal dan gagal melihat yang lebih penting. Kita memusatkan perhatian kita untuk memewahkan gaya hidup kita sehingga kita tidak dapat melihat erti hidup yang lebih mendalam lagi. Seseorang meluahkan seumur hidup mereka mengejar kekayaan dan barang-barang. Mereka bekerja tujuh hari seminggu dan tiada waktu untuk anak-anak mereka. Isteri dan anak-anak mereka memiliki semua barang yang mewah kecuali kasih mereka.

Minda konsumerisme ini juga menembusi gereja dan cara orang berfikir tanpa kita sedari. Kita bersaing untuk mendirikan gereja seperti mega mall, penyanyi ibadah kita sebagai penawar produk laris, pastor kita sebagai superstar yang banyak bergaya. Gereja kita yang seperti kompleks beli belah besar dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan canggih tetapi tidak dapat dipakai oleh pemuda-pemudi kerana kos elektriknya terlalu tinggi. Pemuda kita yang ingin menggunakannya untuk penginjilan tidak dapat menggunakannya kerana kosnya terlalu mahal. Wang misi kita diperuntukkan pembangunan bangunan baharu di gereja daripada untuk misi atau gereja-gereja pedalaman di Sabah atau Sarawak. Kerusi gereja kita amat empuk tetapi atap gereja pedalaman sudah berlubang-lubang...Tik! tik! bunyi titisan hujan ke dalam basin.

Sekularisme

Sekularisme merupakan gerakan dalam masyarakat yang mengelakkan diri daripada dunia akhirat kepada dunia kini. Pada zaman pertengahan, orang yang kuat beragama cenderung memandang rendah terhadap urusan-urusan duniawi. Mereka beribadah kepada Allah dan mementingkan alam akhirat. Sebagai aliran yang bertentangan terhadap kecenderungan ini, maka sekularisme pada zaman Renaissance, menzahirkan dirinya dalam aliran humanisme. Manusia mula lebih berminat terhadap kejayaan-kejayaan budaya dan kejayaan di dunia ini.

Sekularisme sebagai satu sistem etika yang diasaskan pada prinsip-prinsip moral dan bukan berdasarkan kepada wahyu Allah. Sekularisme mementingkan kebaikan hidup di dunia sekular ini, dan usaha untuk memperoleh kebaikan yang betul-betul nyata. Ajaran ini mementingkan keperluan dan kebaikan hidup di dunia ini sahaja. Usaha-usaha dan pengakuan terhadap kepercayaan kepada Allah Bapa, Anak dan Roh Kudus dianggap remeh atau ditolak sama sekali. Pendidikan yang disediakan oleh aliran ini tidak mengajar tentang Allah dan bersifat sekular semata-mata. Sekolah dan universiti tidak diizinkan untuk mengadakan persekutuan Kristian.

Powell berkata sekularisasi sebagai suatu proses di mana manusia semakin rasional (yang dapat diterima akal), bersifat beranalitik, dan lebih berdasarkan penelitian dan pengalaman dalam tindakan politikal

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

mereka. Ia melibatkan pengantian kecenderungan tradisional kepada yang dianggap lebih dinamik.⁵⁴

Arnold Toynbee memberi definisi bahawa sekularisasi bererti penggantian agama dengan teknologi.⁵⁵

Bagi Wilbert G. Moore berkata sekularisasi bererti menggantikan jawapan yang tradisional dan yang rohani dengan hujahan yang masuk akal.⁵⁶

Bagi Harvey Cox berpendapat sekularisasi bererti membebaskan dunia daripada pengertian agama, kepercayaan terhadap kekarutan ghaib, dan lambang-lambang suci.⁵⁷

Sebagai murid Tuhan Yesus, kita melihat ke tanah air yang jauh iaitu tanah air syurgawi dan tidak hidup hanya untuk yang fana. Kita seperti pahlawan-pahlawan iman yang disebutkan dalam kitab Ibrani:

“Dalam iman mereka semua ini telah mati sebagai orang-orang yang tidak memperoleh apa yang dijanjikan itu, tetapi yang hanya dari jauh melihatnya dan melambai-lambai kepadanya dan yang mengakui, bahawa mereka adalah orang asing dan pendatang di bumi ini. Sebab mereka yang berkata demikian menyatakan, bahawa mereka dengan rindu mencari suatu tanah air. Dan kalau sekiranya dalam hal itu mereka ingat akan tanah asal, yang telah mereka tinggalkan, maka mereka cukup mempunyai

Jadikan Aku Murid-Mu

kesempatan untuk pulang ke situ. Tetapi sekarang mereka merindukan tanah air yang lebih baik iaitu satu tanah air syurgawi. Sebab itu Allah tidak malu disebut Allah mereka, kerana Dia telah mempersiapkan sebuah kota bagi mereka” (Ibrani 11:13-16).

Rasul Paulus mengingatkan kita untuk hidup sebagai warga negara asing di dunia ini kerana kewargaan kita di syurga.

“Saudara-saudaraku yang kekasih, aku menasihati kamu, supaya sebagai pendatang dan perantau, kamu menjauhkan diri dari keinginan-keinginan daging yang berjuang melawan jiwa” (1 Petrus 2:11).

Kerana kewargaan kita adalah di dalam syurga, dan dari situ juga kita menantikan Tuhan Yesus Kristus sebagai Juruselamat” (Filipi 3:20).

Sekularisme menganut pandangan bahawa iman kita mesti disimpan untuk diri kita secara peribadi dan tidak boleh mempengaruhi dunia atau orang lain yang bercanggah pendapat dengan Alkitab. Jelas, pandangan ini tidak dapat dianut oleh murid-murid Yesus kerana ia bercanggah dengan Alkitab.

“Kamu adalah terang dunia. Kota yang terletak di atas gunung tidak mungkin tersembunyi. Lagipula orang tidak menyalakan pelita lalu meletakkannya di bawah gantang, melainkan di atas kaki dian sehingga menerangi semua orang di dalam rumah

Jerat-Jerat Fikiran Dunia

itu. Demikianlah hendaknya terangmu bercahaya di depan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di syurga. (Matius 5:14-16)”

Narcissisme

Pada zaman dahulu ada seorang jejaka yang sungguh kacak. Pada suatu hari, dia terlihat muka sendiri dalam kolam, maka dia gila dengan diri sendiri dan mabuk cinta setiap hari. Malangnya, sia-sialah, setiap kali dia ingin menyentuh wajah jejaka dalam kolam ini, dia segera hilang dari permukaan kolam. Jejaka ini akhirnya sedih dan membunuh diri, kerana dia juga mengasihani jejaka dalam kolam ini, kerana terpaksa melarikan diri setiap kali dia cuba menyentuh.

Narcissisme bererti mencintai diri lebih daripada yang seharusnya. Pernahkah kamu membaca berita si jelita yang mengambil selfie diri dengan berdiri di bumbung keretapi? Dia mati dalam sekelip mata kerana tersambar tiang elektrik yang di atas keretapi. Dia terlalu asyik dengan kecantikan sendiri dan tidak menyedari yang di sekelilingnya.

Gerakan “New Age Movement” banyak menasihati kita untuk mengasihani diri sendiri dan berkorban semata-mata bagi diri sendiri. Menataplah diri dengan baik-baik—yakin tak dengan kejelitaan kamu? Lihat potensi diri—tentu anda boleh. Renungi dengan mendalam sehingga ke lubuk hatimu, nescaya jawapan itu ada pada dirimu. Jadi, kamu tidak perlu seorang Juruselamat kerana kamu hanya mementingkan kasih dan keyakinan akan diri sendiri!

Cadangan-Cadangan

Baca yang berikut dan cuba beritahu jenis fikiran yang dianuti orang ini. Kemudian cuba gantikannya dengan fikiran rohani dan cari ayat Alkitab untuk mendukungnya:

1. Saya hanya sebahagian daripada jentera atau mesin yang besar.
2. Bolehkah kita kumpul kebo? Ini tergantunglah anda tinggal di negara mana dan juga kebudayaan anda.
3. Usah mementingkan Alkitab dan apa yang difirmankannya kerana yang penting ialah prinsip-prinsip moral.
4. Sesuatu perbuatan itu dianggap betul kalau ia mendatangkan paling banyak kebaikan kepada paling banyak orang.
5. Yang penting dalam hidup ini adalah apakah kita ada duit untuk membeli apa yang kita mahu!
6. Tataplah diri baik-baik di cermin, perhatikan apa yang menjadi anda anggun dan jelita. Yakinlah pada diri sendiri dan kembangkan potensi yang ada dalam diri anda.
7. Sains dan teknologilah yang paling penting bagi manusia. Untuk semakin maju kita perlu membebaskan diri daripada segala kekarutan kepercayaan akan Allah.

16

Panggilan Dua Belas Murid

Tuhan Yesus berkarya melalui manusia; Dia hanya bermula dengan dua belas murid-Nya. Dia memanggil manusia dan bukan malaikat-malaikat mahupun serafim-serafim untuk bekerja di bumi ini bagi mendatangkan kerajaan-Nya. Namun, para murid yang dipanggilnya bukanlah insan yang sempurna malahan mereka penuh kelemahan. Namun, impian-Nya begitu tinggi bagi murid-murid yang dipanggil-Nya. Impian Yesus begitu tinggi; mereka diharapkan akan menjadi garam dunia, terang dunia, kota yang tidak dapat disembunyikan, dan pepohon yang berbuah lebat malahan pembawa Injil hingga ke hujung bumi.

Sebelum Tuhan Yesus memilih dua belas murid, Dia mesti mencari kehendak dan hati Bapa-Nya. Pemilihan dua belas murid yang pertama ini begitu penting sehingga Yesus berdoa dalam kesunyian semalaman. Dua belas murid ini akan meneruskan obor dan menyemarakkan kerajaan Allah.

“Pada waktu itu pergilah Yesus ke bukit untuk berdoa dan semalam-malaman Dia berdoa kepada Allah. Ketika hari siang, Dia memanggil murid-murid-Nya kepada-Nya lalu memilih daripada kalangan mereka

Jadikan Aku Murid-Mu

dua belas orang, yang disebut-Nya rasul. Simon yang dijuga diberi-Nya nama Petrus, dan Andreas saudara Simon, Yakobus dan Yohanes, Filipus dan Bartolomeus. Matius dan Tomas, Yakobus anak Alfeus dan Simon yang disebut orang Zelot, Yudas anak Yakobus, dan Yudas Iskariot yang kemudian menjadi pengkhianat” (Lukas 6:12-16).

Petrus Yang Dikenali Sebagai Kefas

Nama “Petrus” yang pada asalnya “Simon” telah ditukarkan oleh Tuhan Yesus kepada “Cephas.” Ertinya “Cephas” ialah “batu.” Biasanya kalau Yesus menukarkan nama pengikut-Nya, Dia bertujuan menunjukkan peranannya, atau untuk meninggikan keberhargaan muridnya. “Simon” betapa mudah sekali terhumbang-ambing, bak kata orang Minangkabau “cewang”— tidak tetap fikiran dan tidak tetap hati. Murid yang teragak-agak dalam segala hal ini akan menjadi “Batu” atau salah satu rasul gereja awal yang teguh.

Dari sudut pandangan manusia, kita mungkin tidak akan memilih Petrus. Bolehkah murid yang disuruh berdoa bersama mendengkur pada saat dia seharusnya berjaga-jaga dapat menjadi pemimpin? “Setelah itu Dia datang kembali, dan mendapati ketiga-tiganya sedang tidur. Dan dia berkata kepada Petrus: “Simon, sedang tidurkah engkau? Tidakkah engkau sanggup berjaga-jaga satu jam?” (Markus 14:37) Orang Iban akan berkata, “Bersampi mit mit tidak bolehkah?” (Berdoa sekejap tak boleh ya?)

Panggilan Dua Belas Murid

Petrus cepat bercakap dan mencetuskan emosinya bak kata orang Jawa ceplas ceplus, bercakap tanpa banyak berfikir. Dia juga kadangkala salah memahami maksud Tuhan Yesus. Apabila Tuhan Yesus membasuh kaki murid-murid-Nya, Petrus segera melarang-Nya. Kata Petrus kepada-Nya, "Engkau tidak akan membasuh kakiku sampai selama-lamanya." Jawab Yesus, "Jikalau Aku tidak membasuh engkau, engkau tidak mendapat bahagian dalam Aku" (Yohanes 13:8).

Petrus terlalu yakin akan dirinya sendiri, dan mungkin itu, dia tidak mendengar amaran Tuhan Yesus mengenai dirinya. Ketika Petrus memberitahu Yesus bahawa dia akan memberikan nyawanya kepada Yesus, Maha Guru memberi dia amaran. "Jawab Yesus: "Nyawamu akan kauberikan bagi-Ku? Sesungguhnya Aku berkata kepadamu: Sebelum ayam berkokok, engkau telah menyangkal Aku tiga kali" (Yohanes 13:38).

Petrus cepat menurut perasaannya. Ketika Yesus ditangkap, Petrus terburu-buru mengambil tindakan sendiri. Dengan pedang, dia menetakkan hamba Imam Besar. Tindakannya segera menandakan emosinya yang didahului daripada pertimbangan yang tenang. "Lalu Simon Petrus, yang membawa pedang, menghunus pedang itu, menetakkannya kepada hamba Imam Besar, dan memutuskan telinga kanannya, Nama hamba itu Malkhus" (Yohanes 18:10).

Yesus pernah menegur Petrus yang salah memahami maksud salib. Dia begitu cepat menghalangi Kristus ke salib sehingga Iblis menggunakan dia untuk memberi cadangan itu. "...Enyahlah Iblis, sebab engkau bukan memikirkan apa

Jadikan Aku Murid-Mu

yang difikirkan Allah, melainkan apa yang difikirkan manusia,” (Markus 8:33). Petrus menunjukkan ketidakfahamannya terhadap cara kerajaan Allah berfungsi beberapa kali. Dia cepat memberi cadangan dan gagasan fikirannya sendiri.

Kelebihan Petrus

Tuhan Yesus pasti sudah melihat kelebihan Petrus yang kelak akan menjadi rasul gereja awal. Petrus berasal dari kota “Bethsaida” iaitu kota asal Andreas dan Petrus. Kota Bethsaida bererti rumah menangkap ikan atau rumah nelayan (Yohanes 21:2-3). Petrus ikut keyakinan hatinya dan ikut Yesus dengan segera tanpa berlengah-lengah. Petrus yang mempunyai perahu sanggup meninggalkan jala dan perahu demi mengikuti Yesus.

Tentu Yesus mempunyai pengetahuan tentang pertumbuhan Petrus kelak yang tidak dapat dilihat daripada sudut pandangan manusiawi. Pengertian rohani Petrus tentang siapa Tuhan Yesus sebenarnya tidak secepat saudaranya, Andreas. Andreas sudah yakin Tuhan Yesus adalah Mesias. “Andreas, mula-mula bertemu dengan Simon, saudaranya, dan dia berkata kepadanya: “Kami telah menemukan Mesias,” (Yohanes 1:41).

Namun, Petrus tetap setia kepada Yesus. Bagi Petrus, dia tidak akan ke mana-mana sekalipun keadaan bertambah sulit. “Maka kata Yesus kepada kedua-dua belas murid-Nya: “Apakah kamu tidak mahu pergi juga?” Jawablah Petrus kepada-Nya, “Tuhan, kepada siapakah kami akan pergi?”

Panggilan Dua Belas Murid

Perkataan-Mu adalah perkataan hidup yang kekal” (Yohanes 6:67-68).

Tambahan, Petrus mempunyai kelebihan untuk mempengaruhi orang lain kerana semangat dan kemampuan untuk mengambil tindakan tanpa berlengah-lengah. Murid-murid lain mengikut dia sewaktu dia berbuat sesuatu. Sewaktu mentari bersinar terang, Yesus berdiri di pantai; tetapi hal itu tidak diketahui oleh murid-murid. Mereka tidak tahu bahawa itu adalah Yesus. Yesus berkata kepada mereka, “Hai anak-anak, adakah kamu mempunyai lauk-pauk?” Jawab mereka: “Tidak ada.” Lalu kata Yesus: “Tebarkanlah jalamu di sebelah kanan perahu, maka akan kamu peroleh.” Lalu mereka menebarkannya dan jala mereka menjadi terlalu berat kerana terlalu banyak ikan. Murid-murid itu berkata kepada Petrus: “Itu Tuhan.” Ketika Petrus mendengar, bahawa itu adalah Tuhan, maka dia terjun ke dalam danau.” Petrus memang cepat bertindak dan selalu penuh dengan semangat.

Petrus memberi gambaran sebagai murid yang berani mengutarakan pandangan, berani mengambil tindakan dan bersemangat, serta cukup setia. Petrus yang dipilih oleh Kristus Yesus ternyata akan diubah oleh Roh Kudus dan akan berkhotbah dengan luarbiasa. Tiga ribu orang menerima Tuhan Yesus dan bersiap dibaptis setelah Petrus berkhotbah dengan berani dan yakin pada hari Pentakosta (Kisah Para Rasul 2:14; 41).

Petrus kelak akan menjadi pemimpin yang memahami konsep salib dan penderitaan dengan begitu mendalam. Kalau dahulu, dia menghalangi Tuhan Yesus ke salib, kini pandangan

Jadikan Aku Murid-Mu

tentang penderitaan dan penganiayaan ditulis dengan pandangan mantap dan dewasa. “Sebaliknya, bersukacitalah, sesuai dengan bahagian yang kamu dapat dalam penderitaan Kristus supaya kamu juga boleh bergembira dan bersukacita pada waktu Dia menyatakan kemuliaan-Nya” (1 Petrus 4:13).

Andreas dan Filipus

Andreas ialah saudaranya Petrus yang disebut lapan kali dalam Perjanjian Baru. Dia juga menjadi murid Yohanes Pembaptis. “Pada keesokan harinya Yohanes berdiri di situ pula dengan dua muridnya” (Yohanes 1:35). Andreas dan Filipus juga dalam kalangan murid Tuhan Yesus yang pertama mengikut Yesus. Apabila mereka mendengar Yohanes Pembaptis berkata, “Lihatlah Anak domba Allah! Kedua-dua murid itu mendengar apa yang dikatakannya itu, lalu mereka pergi mengikut Yesus” (Yohanes 1:36-37).

Andreas mengajak Petrus untuk bertemu dengan Tuhan Yesus:

“Andreas mula-mula bertemu dengan Simon, saudaranya, dan dia berkata kepadanya: “Kami telah menemukan Mesias (ertinya: Kristus).” Dia membawanya kepada Yesus. Yesus memandang dia dan berkata: “Engkau Simon, anak Yohanes, engkau akan dinamakan Kefas (ertinya: Petrus)” (Yohanes 1: 41-42).

Filipus juga mengajak Nathanel untuk berkenalan dengan Yesus. Filipus bertemu dengan Natanael dan berkata

Panggilan Dua Belas Murid

kepadanya, “Kami telah menemukan Dia, yang disebut oleh Musa dalam kitab Taurat dan oleh para nabi, iaitu Yesus, anak Yusuf dari Nazaret” (Yohanes 1:45). Jelas, murid-murid pertama Yesus giat memperkenalkan orang lain kepada Tuhan Yesus.

Filipus juga menghadapi satu cabaran daripada Yesus apabila banyak orang datang tetapi tidak mempunyai makanan. Tuhan Yesus bertanya Filipus, “Di manakah kita akan membeli roti, supaya mereka ini dapat makan” (Yohanes 6:5). Hal ini dikatakan oleh Yesus untuk mencubai Filipus kerana sebenarnya Tuhan Yesus tahu persis apa yang akan dilakukan-Nya. Andreas mencari anak lelaki yang mempunyai bekalan yang tidak cukup untuk begitu banyak orang. Dia masih belum belajar bersandar kepada Tuhan Yesus untuk mencukupi.

Filipus dan Andreas merupakan murid-murid yang mengenali identiti Kristus dan Mesias dengan tepat. Pengenalan mereka memampukan mereka untuk memperkenalkan Mesias kepada orang lain. Mereka berkemungkinan besar mendapat wawasan ini daripada Yohanes Pembaptis.

“Andreas mula-mula bertemu dengan Simon, saudaranya, dan dia berkata kepadanya: “Kami telah menemukan Mesias (ertinya Kristus) (Yohanes 1:42). Mereka berdua mungkin memahami Yesus sebagai Mesias yang dipenuhi oleh Roh Kudus. “Dan Yohanes memberi kesaksian, katanya, “Aku telah melihat Roh turun dari langit seperti merpati, dan Dia tinggal di atas-Nya” (Yohanes 1:32).

Jadikan Aku Murid-Mu

Filipus telah mengutarakan siapa Tuhan Yesus, "Filipus bertemu dengan Natanael dan berkata kepadanya: "Kami telah menemukan Dia, yang disebut oleh Musa dalam kitab Taurat dan oleh para nabi, iaitu Yesus, anak Yusuf dari Nazaret" (Yohanes 1:45).

Mencari manusia lain kepada Yesus memang satu sifat unggul yang ada pada murid-murid Tuhan Yesus. Tuhan Yesus juga mengutus murid-murid-Nya untuk mencari murid di dunia. "Sama seperti Engkau telah mengutus Aku ke dalam dunia, demikian pula Aku telah mengutus mereka ke dalam dunia" (Yohanes 17:18). Murid-murid yang menyertai-Nya disuruh untuk bersaksi. "Dan bukan untuk mereka ini sahaja Aku berdoa, tetapi juga untuk orang-orang yang percaya kepada-Ku oleh pemberitaan mereka" (Yohanes 17:20).

Filipus membawa mereka yang bukan Yahudi kepada Yesus. "Di antara mereka yang berangkat untuk beribadah pada hari raya itu, terdapat beberapa orang Yunani. Orang-orang itu pergi kepada Filipus, yang berasal dari Betsaida di Galilea, lalu berkata kepadanya, "Tuan, kami ingin bertemu dengan Yesus" (Yohanes 12:20-21).

Yakobus dan Yohanes

Yakobus dan Yohanes juga adik beradik seperti Andreas dan Petrus. Mereka nelayan-nelayan yang bekerja bersama-sama dengan ayah mereka, Zebedee. Ibu mereka seperti ibu-ibu yang lain menaruh impian yang tinggi bagi kedua-dua anaknya. Tanpa memahami maksud kerajaan yang akan didirikan oleh Tuhan Yesus, ibu mereka, Salome, ingin kedua-

Panggilan Dua Belas Murid

dua anaknya mendapat tempat duduk di kiri kanan Tuhan Yesus.

Yakobus dan Yohanes diberi nama timangan “Anak-Anak Guntur” sebab setelah orang Samaria tidak mahu menerima Tuhan Yesus sebagai Mesias yang sedang menghadap ke Yerusalem untuk kematian-Nya; mereka tidak dapat bertolak ansur dengan sikap ini, “Ketika dua murid-Nya, iaitu Yakobus dan Yohanes, melihat hal itu, mereka berkata:” Tuhan, apakah Engkau mahu supaya kami menyuruh api turun dari langit untuk membinasakan mereka?” (Lukas 9:54).

Yohanes merupakan murid yang paling disayangi oleh Tuhan Yesus. Sewaktu Tuhan Yesus memperingatkan Yudas Iskariot, Yohanes disebutkan sebagai murid kesayangan-Nya. “Seorang di antara murid Yesus, iaitu murid yang dikasihi-Nya, bersandar dekat kepada-Nya, di sebelah kanan-Nya” (Yohanes 13:23). Yohanes juga berada dengan Yesus sewaktu transfigurasi terjadi (Lukas 9:28), ketika anak perempuan Yairus disembuhkan (Lukas 8:51), dan saat-saat sunyi di Getsemani (Markus 14:33). Yohanes berada sewaktu Tuhan Yesus disalibkan (Yohanes 19:26). Yohanes juga melayani bersama Petrus di gereja awal (Kisah Para Rasul 3:1-4:22). Yohaneslah yang akan menolong Tuhan Yesus menjaga ibu-Nya sesudah Tuhan Yesus kembali ke syurga.

“Yohanes diibaratkan seperti rajawali yang berterbangan tinggi hingga ke syurga dalam hal memahami kerahsiaan firman. Tiada sesiapa yang lain dapat memahami hati Kristus, tiada sesiapa yang dapat

Jadikan Aku Murid-Mu

menembusi begitu dalam ke dalam keistimewaan firman-Nya seperti Yohanes. Dia juga satu-satu rasul yang berada di bawah kaki salib, dan dia satu-satu rasul yang memberitahu kita bahawa Tuhan Yesus menangis dan memberi ajaran dalam Perjanjian Baru bahawa Tuhan adalah kasih. Saudaranya Yakobus yang dipanggil sebagai “Lebih Hebat” bersama-sama dengan Petrus dan Yohanes, termasuk dalam “persekutuan yang istimewa” yang bersaksi peristiwa istimewa iaitu Transfigurasi, kebangkitan anak perempuan Yairus dari maut, dan kesengsaraan-Nya di Getsemani.”⁵⁸

Yohanes memiliki pengetahuan tentang adat istiadat orang Yahudi, sejarah orang Yahudi dan ilmu alam Palestina. Yohanes ketika tua dibuang ke Pulau Patmos oleh kerajaan Rom kerana dia sering bersaksi untuk Kristus. Di pulau, syurga terbuka dan Yohanes menerima wahyu tentang apa yang datang kelak ketika Anak Allah, Tuhan Yesus kembali. Penglihatan yang luarbiasa ini tersurat dalam Kitab Wahyu, kitab terakhir yang tidak dapat di tokok tambah atau disambungi lagi. Alkitab ialah Alkitab yang terakhir dan tidak ada lanjutannya.

Natanael

Tuhan Yesus memberikan pujian kepada Natanael sewaktu Dia bertemu dengan-Nya. “Kata Filipus kepadanya:”Mari dan lihatlah!” Yesus melihat Natanael datang kepada-Nya, lalu berkata tentang dia, “Lihat, inilah seorang Israel sejati,

Panggilan Dua Belas Murid

tidak ada kepalsuan di dalamnya!” (Yohanes 1:47). Natanael sungguh cepat memberi tanggapan tentang siapa Tuhan Yesus. Jawabannya membuktikan betapa peka Natanael. Keyakinannya datang tanpa sebarang keraguan, “Kata Natanael kepada-Nya, “Rabi, Engkau Anak Allah, Engkau Raja orang Israel!” (Yohanes 1:49).

Tuhan Yesus menjanjikan Natanael pengalaman yang lebih besar. Kalau nenek moyangnya seperti Yakub melihat malaikat-malaikat turun dari tangga syurgawi, dia akan melihat sesuatu yang lebih hebat. “Lalu kata Yesus kepadanya: “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya engkau akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik kepada Anak Manusia” (Yohanes 1:51). Filipus akan mengikuti dan melihat Anak Manusia yang datang daripada syurga dan memerhatikan mukjizat-mukjizat-Nya.

Matius

Matius atau dikenali sebagai Lewi ialah seorang pemugut cukai di bawah kerajaan Herodus. Seseorang pemugut cukai boleh dikatakan sebagai pengkhianat bangsa sendiri kerana dia memugut cukai daripada bangsa sendiri untuk penjajah mereka. Biasanya, seorang pemugut cukai pada waktu itu boleh memugut lebih daripada yang ditetapkan oleh kerajaan. Pemugut cukai dibenci penduduk namun mereka tidak perlu takut kerana mereka dilindungi oleh pemerintah Rom.

Tuhan Yesus bertemu dengan Matius di tasik Kapernaum sewaktu dia sedang mengutip cukai. Adakah orang yang kaya seperti Matius akan mengikut Tuhan Yesus

Jadikan Aku Murid-Mu

dan hidup dengan penuh pengorbanan? "Setelah Yesus pergi dari situ, Dia melihat seorang yang bernama Matius duduk di rumah cukai, lalu dia berkata kepadanya: "Ikutlah Aku." Maka berdirilah Matius lalu mengikut Dia" (Matius 9:9). Itu merupakan pengorbanan yang besar kerana tidak mungkin dia akan diberikan kesempatan untuk memugut cukai oleh kerajaan Rom lagi. Keputusannya untuk mengikut Matius sudah muktamad.

Dapatkah kamu bayangkan Matius seorang pemugut cukai akan menulis Injil Matius yang berakar unsur Yahudi dengan begitu istimewa? Barangkali guru yang lain tidak akan melihat kemungkinan ini dalam hidup seorang pengkhianat bangsa tetapi Yesus dapat. Matius juga menggambarkan Yesus sebagai Mesias dengan begitu jelas.

Matius mampu menghuraikan Yesus Kristus sebagai Mesias daripada keturunan raja Daud. Ayat pertama dalam Injil menunjukkan dia sudah mementingkan hal ini, "Inilah silsilah Yesus Kristus, anak Daud, anak Abraham," (Matius 1:1). "Jadi seluruhnya ada: empat belas keturunan daripada Abraham sampai Daud sampai pembuangan ke Babel sampai Kristus" (Matius 1:17).

Matius juga arif meninjau tentang sejarah bangsa Yahudi tentang Mesias. "Katakankah kepada puteri Sion: Lihat, Rajamu datang kepadamu, Dia lemah lembut dan mengenderai seekor keldai, seekor keldai yang muda," (Matius 21:5, Zakharia 9:9). "Dan orang banyak yang berjalan di depan Yesus dan mengikutinya dari belakang berseru, katanya: "Hosana bagi Anak Daud, diberkatilah Dia

Panggilan Dua Belas Murid

yang datang dalam nama Tuhan, hosanna di tempat maha tinggi” (Matius 21:9).

Tomas

Tomas merupakan Rasul yang sering disaluti rasa ragu-ragu. Sewaktu Tuhan Yesus berusaha untuk meyakinkan para rasul bahawa Dia akan menyiapkan syurga bagi mereka, Tomas mengutarakan bahawa dia tidak mampu percaya. Iman Tomas seakan-akan dilandai oleh ketidakpastian dan keraguan.

Nada Tomas selalu diwarnai oleh kemurungan. Ketika Lazarus meninggal dunia, Tomas juga mahu mati! “Lalu Tomas, yang disebut Didimus, berkata kepada teman-temannya, iaitu murid-murid yang lain: “Marilah kita pergi juga untuk mati bersama-sama dengan Dia.” (Yohanes 11:16).

Ketika Tuhan Yesus dibangkitkan, Dia menampakkan diri-Nya kepada para rasul tetapi Tomas tidak berada di situ. Kita tidak tahu Tomas berada di mana ketika Tuhan Yesus menampakkan diri kepada murid-murid-Nya.

“Sementara mereka bercakap-cakap tentang hal-hal itu, tiba-tiba Yesus berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata kepada mereka, “Damai sejahtera bagi kamu!” Mereka terkejut dan takut kerana menyangka mereka melihat hantu. Akan tetapi, Dia berkata kepada mereka, “Mengapa kamu terkejut dan apa sebabnya timbul keragu-raguan dalam hati kamu? Lihatlah tangan-Ku dan kaki-Ku; Aku sendirilah

Jadikan Aku Murid-Mu

ini. Jamahlah Aku dan lihatlah, kerana hantu tidak mempunyai daging dan tulang seperti yang kamu nampak ada pada-Ku.” Sambil berkata demikian, Dia memperlihatkan tangan dan kaki-Nya kepada mereka” (Lukas 24: 36-41).

Segera, para murid yang bersama dengan Tuhan Yesus memberitahu Tomas. Namun, Tomas tidak mampu percaya akan cerita mereka kalau dia belum menyentuh Tuhan Yesus yang bangkit.

“Tetapi Tomas, salah seorang daripada dua belas murid itu, yang disebut Didimus, tidak ada bersama-sama mereka, ketika Yesus datang ke situ. Jadi, kata murid-murid yang lain itu kepadanya, “Kami telah melihat Tuhan!” Tetapi Tomas berkata kepada mereka, “Sebelum aku melihat bekas paku pada tangan-Nya dan sebelum aku menaruh jariku ke dalam bekas paku itu dan menaruh tanganku ke lambung-Nya, sekali-kali aku tidak akan percaya” (Yohanes 20:25).

Jelas, Tomas boleh dikatakan sebagai seorang yang banyak keraguan berbanding dengan murid-murid lain. Pintu tertutup rapat dan Juruselamat kita berdiri lagi di tengah-tengah mereka. Tuhan Yesus mengucapkan damai sejahtera kepada mereka buat kali yang ketiga (Yohanes 20:19). Tuhan Yesus yang sungguh sabar menyuruh Tomas untuk menyentuh lukanya.

Panggilan Dua Belas Murid

“Lapan hari kemudian murid-murid Yesus berada kembali dalam rumah itu dan Tomas bersama-sama dengan mereka. Sementara pintu-pintu terkunci, Yesus datang dan Dia berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata: “Damai sejahtera bagi kamu!” Kemudian Dia berkata kepada Tomas: “Taruhlah jarimu di sini dan lihatlah tangan-Ku, hুলurkanlah tanganmu dan cucukkan ke dalam lambung-Ku dan jangan engkau tidak percaya lagi, melainkan percayalah.” Tomas menjawab Dia: “Ya Tuhanku dan Allahku!” Kata Yesus kepadanya: “Karena engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya. Berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya.” (Yohanes 20:26-29)

Menurut sejarawan, Chrysostom, Rasul Tomas tidak akan pergi sejauh Betania bersama Yesus dalam pelayanan. Ini mungkin kerana dia selalu ragu-ragu dan takut. Namun, setelah hari Pentakosta, Tomas telah pergi begitu jauh ke Negara India untuk menabur benih Injil. Benih-benih penginjilan yang ditaburkan masih berbuah hingga kini dan pengikutnya memanggil diri mereka, “Jemaah St. Tomas.” Ajaib!

Yudas dan Yakobus

Mereka berdua dikenali sebagai saudara Tuhan Yesus namun pengertian yang sebenarnya ialah sepupu atau sanak saudara-Nya.

Jadikan Aku Murid-Mu

Yudas di sini bukanlah Yudas Pengkhianat. Dalam fikiran Yudas, Mesias harus dinyatakan di seluruh dunia dan bukan kepada mereka sahaja. Dia pun mengemukakan suatu pertanyaan kepada Tuhan Yesus, "Yudas, yang bukan Iskariot, berkata kepada-Nya: "Tuhan, apakah sebabnya maka Engkau hendak menyatakan diri-Mu kepada kami, dan bukan kepada dunia?" (Yohanes 14:22). Jawapan Tuhan Yesus kepadanya, "Barangsiapa tidak mengasihi Aku, dia tidak menuruti firman-Ku; dan firman yang kamu dengar itu bukanlah daripada-Ku, melainkan daripada Bapa yang mengutus Aku" (Yohanes 14: 24).

Sewaktu mahu menulis tentang penyelamatan (Yudas 3), Yudas menerima berita buruk bahawa ada beberapa orang sudah menyimpang kerana ajaran palsu, Maka dia terdesak menulis tentang guru-guru palsu. Sekalipun suratnya ringkas namun fikirannya tajam dan indah untuk jemaah agar tidak menurut teladan Kain dan Bileam. Dia menegur mereka dengan tegas dan bahasanya pun cukup indah:

"Mereka inilah noda dalam perjamuan kasihmu, di mana mereka tidak malu-malu melahap dan hanya mementingkan dirinya sendiri; mereka bagaikan awan yang tak berair, yang berlalu ditiup angin; mereka bagaikan pohon-pohon yang dalam musim gugur tidak menghasilkan buah, pohon-pohon yang terbantun dengan akar-akarnya dan yang mati sama sekali. Mereka bagaikan ombak laut yang ganas,

Panggilan Dua Belas Murid

yang membuihkan keaiban mereka sendiri; mereka bagaikan bintang-bintang yang baginya telah tersedia tempat di dunia kekelaman untuk selama-lamanya” (Yudas 1:12-13).

Yudas Iskariot

Hari ini jarang ada manusia mahu menamai anak mereka Yudas Iskariot kerana nama ini sudah dikaitkan dengan “Pengkhianat!” Pengkhianat yang mencium gurunya demi wang. Murid ini terjerat kerana desingan wang yang terngiang-ngiang di telinganya. Yudas salah satu daripada dua belas murid Yesus bertanggungjawab atas wang rombongan Yesus. Sebagai murid Yesus, dia berkesempatan makan dari meja yang sama, mendengar perumpamaan yang sama, bahkan kakinya juga dibasuh seperti yang lain. Tetapi buahnya jauh berbeza daripada sebelas murid Tuhan Yesus.

Kasihnya akan wang juga menjadikan dia sasaran utama pihak musuh yang membenci Tuhan Yesus. Tangan jenis seperti Yudas akan merasa gembira selagi dapat meraba-raba wang yang diberikan oleh musuh. Mereka boleh mengkhianati orang sekampung untuk menyertai khemah pembenci Kristian kalau dihadiahkan wang. Jejarinya selalu dalam saku jubah untuk bermain-main dengan wang. Jenis murid ini membawa kengerian kerana mereka mudah tergoda oleh tawaran istimewa.

Kedinginan dan penyelewengan hatinya berpunca daripada wang yang menindih hati nuraninya.

Jadikan Aku Murid-Mu

“Orang yang menyerahkan Dia telah memberitahukan tanda ini kepada mereka: “Orang yang akan kucium, itulah Dia, tangkaplah Dia.” Dan segera dia maju mendapatkan Yesus dan berkata: “Salam Rabi,” lalu mencium Dia. Tetapi Yesus berkata kepadanya: “Hai teman, untuk itukah engkau datang?” Maka majulah mereka memegang Yesus dan menangkap-Nya (Matius 26:48-50).

Cadangan-Cadangan

1. Apakah ciri-ciri khas murid-murid yang dipilih oleh Tuhan Yesus?
2. Menurut anda mengapakah Tuhan Yesus masih memilih mereka walaupun mereka ada kelemahan?
3. Kalau kamu memilih murid-murid, apakah ciri-ciri yang anda ingin lihat?

17

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

Banyak orang sungguh bahagia ketika membimbing orang kepada Kristus. Ya, memang syurga terbuka dan berlaksa-laksa malaikat bersorak-sorai dan berdansa atas pertaubatan seorang pendosa. Namun, adakah ini bererti misi anda sudah berakhir dengan orang itu? Adakah kita berani berkata kita sudah menggenapi seluruh perintah Allah atau Amanat Agung yang diberikan oleh Tuhan Yesus?

Yesus mendekati mereka dan berkata:

“Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di syurga dan di bumi. Kerana itu, pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai akhir zaman” (Matius 28: 19-20).

Jadikan Aku Murid-Mu

Misi kita belum selesai kerana perintah Kristus adalah menjadikan orang itu murid-Nya dan mengajar mereka seluruh perintah Allah. Kita boleh berkata kita berjaya kalau kita menolong orang yang kita bimbing kepada Kristus bertumbuh dalam iman, lebih meneladani Kristus dalam hidup, membentuk sifat-sifat salih yang unggul, menghasilkan buah dan melahirkan murid-murid bagi Kerajaan Allah. Berapakah dalam kalangan kita ada cucu-cicit rohani? "Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain" (2 Timotius 2:2).

Bill Hull mengajar:

"Pemuridan merangkumi memperkenalkan orang kepada Kristus, membangun iman mereka, dan mengutus mereka ke dalam ladang tuaian. Proses ini boleh diringkaskan sebagai tiga m: membebaskan mereka, membentuk mereka, dan mengutus mereka. Melalui kuasa Kristus, kita dibebaskan dari dosa; melalui proses pemuridan kita dibentuk menjadi orang percaya yang dewasa; akhirnya Allah mengutus kita ke ladang tuaian untuk menjangkau orang lain. Murid-murid tertentu mempunyai karunia kepemimpinan, maka Allah akan memanggil mereka untuk mengetuai aktiviti pemuridan."⁶⁰

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

Apakah yang diperlukan dalam suatu perhubungan pemuridan? Intipati proses pemuridan ialah satu atau lebih orang yang percaya, yang dewasa menolong atau melabur terhadap sesama (seorang murid) agar mereka bertumbuh dalam kedewasaan dalam Kristus. Bill Hull memberi definisi pemuridan sebagai suatu pembentukan murid yang disengajakan, dengan suatu pertanggungjawaban, tetapi didasari dengan perhubungan kasih sayang.

Ogden memberi definisi pemuridan sebagai:

“Pemuridan adalah suatu perhubungan yang disengajakan—dalamnya kita berjalan bersama dengan murid-murid yang lain supaya kita mendorong, melengkapi, dan mencabar dengan kasih sayang agar mendewasa dalam Kristus.”⁶¹

Apakah Yang Murid Perlu Ketahui?

Mereka sudah menjadi anak Tuhan Yesus, dan sudah menjadi pewaris berkat-Nya. Mereka sudah menjadi manusia baru dan perlu mengenakan manusia yang baru ini setiap hari.

“Sebab Roh, yang diberikan oleh Allah kepada kalian, tidaklah membuat kalian menjadi hamba sehingga kalian hidup di dalam ketakutan. Sebaliknya Roh Allah itu menjadikan kalian anak-anak Allah. Dan dengan kuasa Roh Allah itu kita memanggil Allah itu, ”Bapa, ya Bapaku!” Roh Allah bersama-sama dengan

Jadikan Aku Murid-Mu

roh kita menyatakan bahawa kita adalah anak-anak Allah. Nah, kalau kita adalah anak-anak-Nya, maka kita pun adalah ahli waris-Nya yang akan menerima berkat-berkat yang disediakan Allah untuk anak-anak-Nya. Kita akan menerima bersama-sama dengan Kristus apa yang sudah disediakan Allah bagi-Nya; sebab kalau kita menderita bersama Kristus, kita akan dimuliakan juga bersama Dia” (Rom 8:16-18).

Kita mungkin mengalami pelbagai penderitaan tetapi sebaliknya kita menerima berkat dimuliakan bersama Yesus. Kita juga menjadi pewaris kerajaan-Nya. “Dia sudah melepaskan kita dari kuasa kegelapan dan memindahkan kita ke dalam kerajaan Anak-Nya yang dikasihi-Nya. Oleh Anak-Nya itu kita dibebaskan; bererti dosa-dosa kita sudah diampuni” (Kolose 1:13-14). Kini, dosa murid kita telah diampuni dan dia berjalan dalam kerajaan terang.

“Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, dia adalah ciptaan baru: yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang.” (2 Korintus 5:17) Sekarang anda akan mengalakkan dia berjalan dalam kasih, “Kita telah mengenal dan mempercayai akan kasih Allah kepada kita. Allah adalah kasih, dan barangsiapa yang tetap tinggal dalam kasih, dia tetap tinggal dalam Allah dan Allah dalam dia” (1 Korintus 4: 16).

“Kalian sudah mendengar tentang Dia! Dan sebagai pengikut-pengikut-Nya, kalian sudah diajar juga tentang sifat-sifat Allah yang ada pada-Nya!

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

Sebab itu tanggalkanlah manusia lama dengan pola kehidupan lama yang sedang dirosakkan oleh keinginan-keinginannya yang menyesatkan. Biarlah hati dan fikiranmu dibaharui seluruhnya. Hendaklah kalian hidup sebagai manusia baru yang diciptakan menurut pola Allah; iaitu dengan tabiat yang benar, lurus dan suci” (Efesus 4:22-24).

Bagai Bayi Yang Rindu Akan Susu

Bayangkan diri anda baru melahirkan seorang bayi. Apakah yang diperlukan oleh seorang bayi? Tentu, seorang bayi perlu digendong dan dicurahkan kasih, dan bukan ditinggalkan di atas daun keladi. Bayi yang dikasihi akan bertumbuh lebih sihat dan ceria. Bayi yang didamparkan di daun keladi, akan mengigil kedinginan dan mudah diserang serangga apalagi kobra! Murid yang baru dilahirkan akan menghadapi banyak cabaran. Iblis akan muncul menggodai dan dosa lama mungkin datang mengetuk pintu.

Tentu kita mahu anak kita semakin mendewasa dan bertumbuh. Rasul rindu mereka bertumbuh, “Hai anak-anakku, kerana kamu aku menderita sakit bersalin lagi, sampai rupa Kristus menjadi nyata di dalam kamu” (Galatia 4:19).

Kita pun akan menolong mereka bertumbuh dan berakar dalam Kristus. “Sebab kamu telah menerima Kristus Yesus, Tuhan kita, hendaklah hidupmu tetap dalam Dia. Hendaklah kamu berakar umbi dan dibangun dalam Dia, hendaklah kamu diteguhkan dalam iman, sebagaimana telah

Jadikan Aku Murid-Mu

diajarkan kepada kamu, dan hendaklah hatimu melimpah-limpah dalam kesyukuran” (Kolose 2:6-7).

Bunga-bunga yang bermekar indah tidak mungkin terjadi tanpa mukjizat matahari dan hujan. Firman Allah ibarat matahari dan hujan yang perlu dicurahkan dalam kehidupan murid kita. “Dan jadilah sama seperti bayi yang baru lahir, yang selalu ingin akan air susu yang murni dan yang rohani, supaya olehnya kamu bertumbuh dan beroleh keselamatan, jika kamu benar-benar telah mengecap kebaikan Tuhan.” (1 Petrus 2:2-3).

Pengajaran Firman Allah boleh mengenai isu-isu kehidupannya, dan bagaimana menerapkan Firman Allah. Pasangan yang muda ingin tahu bagaimana mendidik anak, kerjaya mereka, cara mengurus rumahtangga dan memupuk perhubungan sihat dalam perkahwinan.

Kita juga perlu mengajar murid kita cara mengaji Firman Allah sendiri, selain diajar di gereja. Kita membimbing dia dalam asas-asas iman Kristian, dan juga mengajarnya mengadakan renungan, berdoa dan menerapkannya dalam hidupnya.

Membentuk Batiniah Mereka

Henri Nouwen percaya bahawa soalan-soalan yang dikemukakan di bawah adalah intipati kepemimpinan Kristian (juga pembentukan sifat pengikut).

“Adakah pemimpin-pemimpin sungguh-sungguh wanita dan lelaki bagi Allah, orang yang sungguh-

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

sungguh rindu untuk tinggal dalam hadirat-Nya, untuk mendengar suara-Nya, untuk melihat keindahan Allah, untuk menyentuh firman Allah yang menjelma, dan

Persekutuan Murid Baharu

Murid harus tahu cara bersekutu dengan Tuhan Yesus. Kita mengajar murid kita untuk haus akan Firman Allah bagai rusa rindu akan air. Kita mengajar mereka tentang Tuhan Yesus, bagaimana berjalan dan meneladani -Nya. Salurkan berkat-berkat rohani yang anda terima kepada murid-murid kamu sewaktu bersamanya. Bagaimana kalau anda ceritakan permata-permata yang kamu terima sewaktu mengadakan renungan pagi?

Firman Allah dan Murid Anda

Membawa murid anda untuk mendengarkan Firman daripada seorang gembala atau guru Alkitab dapat menolong dia memahami Alkitab, dan merangsang murid anda mengaji Firman-Nya. Bawalah murid anda untuk mendengarkan penceramah yang bagus dan juga ke kelas pengajian Alkitab.

Membaca Alkitab dengan teratur sungguh penting. Betapa banyak orang Kristian tidak tahu tema-tema dalam Perjanjian Lama. Carilah buku-buku yang boleh menolong murid anda sewaktu menyelidiki firman Allah. Selidikilah firman Allah dengan teratur supaya permata-permata Allah bersinar dan hidup anda didasari pada landasan yang teguh.

Jadikan Aku Murid-Mu

Merengungkan firman Allah mestilah dilakukan setiap hari. Dia menjadi lebih berhikmat kerana Roh Allah mencerahkan firman-Nya kepadanya. Ajar muridmu menerapkan firman Allah dalam hid up anda agar dia bertumbuh. Biarlah firman-Nya mengubah hati dan tingkah laku anda.

Persekutuan Dengan Orang Lain

Murid yang baru kita lahirkan memerlukan persekutuan dengan saudara-saudari seiman dalam tubuh Kristus. Kalau dia seorang remaja, dia suka rakan-rakan sebaya yang dewasa dalam Kristus untuk menolong dia bertumbuh. Selain itu, perlulah kita mencari seorang pembimbingnya kalau kita tidak tahu membimbing seorang remaja.

LeRoy Eims, seorang penulis mengibarat tentang persekutuan:

“Pada waktu saya masih di sekolah menengah, saya bekerja di kilang roti. Seringkali kami harus membuat lapisan gula untuk kuih dan donat. Saya akan mengambil sekeping pecahan coklat, meletakkannya ke dalam sebuah kualiti, dan memanaskannya dengan api yang kecil. Gumpalan coklat itu kemudian mencair, dan kemudian melekat satu dengan yang lain, dan kemudian menjadi sekualiti penuh coklat yang cair. Demikian jugalah keadaan persekutuan Kristian: kita sekelompok orang yang bukan seperti guli-guli di dalam sebuah kantong, tetapi lebih seperti sekeping

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

coklat yang sudah menjadi satu dengan satu sama lain. Hal ini hanya dapat terjadi melalui pelayanan Roh Kudus pada waktu Roh Kudus memanaskan hati kita perlahan-lahan di dalam kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kelemahlembutan dan penguasaan diri (Galatia 5:22-23).”⁶³

Kelompok Kecil Dan Pemuridan

Melatih murid-murid dalam kelompok kecil demi pertumbuhan rohani, melengkapi, dan saling menggalakkan untuk melahirkan murid lain sungguh berguna.

Dalam buku “The Disciplemaker: A Reference for Mentors, John Musselman mencadangkan lima hal dalam kelompok kecil ini:

1. Soalan-soalan untuk memberi pertanggungjawaban: kehidupan peribadi, kehidupan keluarga, dan kehidupan dalam kumpulan
2. Disiplin rohani: ibadah, saat renungan, kehidupan doa, pengajian Alkitab, penghafalan Alkitab, dan bersaksi bagi Yesus. Anda boleh memperkenalkan Empat Hukum Rohani dari Campus Crusade ataupun Gospel Bridge dari Bible Society.
3. Pengajian Alkitab/Perbincangan. Anda boleh memakai Sauh Iman, Sifat-Sifat Tuhan dan buku Jadikan Aku Murid-Mu dari Upstream Publishing, ataupun Seri Obor dari Wawasan Penabur.

Jadikan Aku Murid-Mu

4. Berkongsi bersama : berita baik, kemenangan, percubaan/kekalahan, permohonan/doa dan informasi umum.
5. Berdoa

Corak Pemuridan Yesus

Tuhan Yesus tidak dapat memberi seluruh perhatian-Nya kepada tujuh puluh murid-Nya. Dengan bijak, Dia memilih dua belas murid untuk menjadi murid-murid-Nya yang intim. Tuhan Yesus mengajar, membentuk, dan melatih dua belas murid yang terdiri daripada pelbagai keperibadian dan bakat. Murid-murid ini rela meninggalkan semua untuk-Nya, rela memberi keutamaan kepada-Nya daripada semua, dan sanggup belajar di bawah kaki Yesus.

Yesus menyuruh mereka untuk membuat pertimbangan yang masak-masak sebelum menjadi murid-murid-Nya. "Barangsiapa tidak memikul salibnya dan mengikut Aku, dia tidak dapat menjadi murid-Ku" (Lukas 14:27). Yesus mengibaratkan mengikutinya bagi mendirikan menara, dan perlu harganya perlu dihitung untuk membangunnya. Ia juga diibaratkan pertimbangan untuk memenangi suatu peperangan (Lukas 14:28-33).

Marilah kita melihat corak Tuhan Yesus dalam pemuridan-Nya:

a. **"Mari dan lihat"**

Pada mula-mulanya Tuhan Yesus mengundang mereka

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

untuk mengikuti-Nya dan melihat pelayanan-Nya. Murid-murid melihat bahawa pelayanan bererti melayani orang lain dan mereka melihat contoh-contoh yang jelas daripada Tuhan Yesus. Mereka melihat bagaimana Tuhan Yesus memberi makanan kepada orang yang lapar, menolong seorang wanita Samaria mengenal Dia, cara bercakap dengan kanak-kanak, dan cara mengusir Iblis. Mereka juga belajar apa erti berpuasa dan berdoa.

Undanglah seorang murid menyertai anda dalam pelayanan dan jangan biarkan mereka menjadi penonton di gereja. Jangan hanya bertanya, "Adakah kau berseronok di gereja?" Binalah murid yang sejati dan bukan yang dangkal. Gelak tawa dan aktiviti sukaria sahaja tidak akan menghasilkan murid sejati buat Allah.

"Kemudian Yesus berangkat dari situ dan tiba di tempat asal-Nya, sedang murid-murid-Nya mengikuti Dia. Pada hari Sabat, Dia mulai mengajar di rumah ibadah dan jemaah yang besar takjub ketika mendengar Dia dan mereka berkata: "Dari mana diperoleh-Nya semuanya itu? Hikmat apa pulakah yang diberikan kepada-Nya? Dan mukjizat-mukjizat yang demikian bagaimanakah dapat diadakan oleh tangan-Nya?" (Markus 6:1-2) Biarlah murid-Mu mendengar kamu mengajar, kamu berkhotbah, kamu menginjili, dan cara kamu berdoa. Kalau semangat doa kamu berkobar-kobar seperti Elia pasti kamu boleh menghasilkan murid yang sudah mendengar guruh dan melihat hujan sebelum hujan turun.

Jadikan Aku Murid-Mu

b. **"Mari dan Ikut Aku"**

Tuhan Yesus mengundang mereka secara khusus untuk mengikutnya. "Demikian juga Yakobus dan Yohanes, anak-anak Zebedeus, teman Simon. Kata Yesus kepada Simon: "Jangan takut, mulai dari sekarang engkau akan menjala manusia." Dan sesudah mereka menghela perahu-perahunya ke darat, mereka pun meninggalkan segala sesuatu, lalu mengikut Yesus" (Lukas 5:10-11).

Tidak semua yang diundang oleh Tuhan Yesus mahu mengikut Dia. (Lukas 9:57-62). Ada yang berlari linking pukang ketika mendengar bahawa rubah ada liang dan burung ada sarang, tetapi Anak Manusia tiada tempat meletakkan kepalanya. Bagi Tuhan Yesus semuanya harus diberitahu dengan jelas. Kalau sudah siap mahu membajak, jangan menoleh ke belakang.

Tuhan Yesus tidak memberi kata-kata manis seperti gaji yang lumayan dan bekalan makanan yang secukupnya kalau mengikut Dia. Dia bahkan menceritakan kesulitannya—mengikuti Dia juga bererti tidak mudah dibuai oleh hal-hal lain.

c. **"Pergi Dan Lahirkan pengikut"**

Tuhan berharap mereka boleh melayani dan melahirkan pengikut-pengikut lain. "Dia menetapkan dua belas orang untuk menyertai Dia dan untuk diutus-Nya memberitakan Injil" (Markus 3:14). "Tetapi kamu akan menerima kuasa, kalau Roh Kudus turun ke atas kamu, dan kamu akan menjadi saksi-Ku di Yerusalem dan di seluruh Yudea dan Samaria dan sampai ke hujung bumi" (Kisah Para Rasul 1:8).

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

Nilai Penginjilan

Tuhan Yesus mengajak para murid-Nya untuk menginjili bukan dengan paksaan atau membuat mereka merasa bersalah kerana tidak memberitakan Injil. Tuhan Yesus menceritakan akan nilai yang diletakkan-Nya atas harga manusia. "Sebab Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang (Lukas 19:10)." "Kerana Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang. (Markus 10:45)."

Bukankah dalam perumpamaan domba sesat, mata-wang yang hilang, dan anak yang sesat dalam Lukas 15 menggambarkan keberhargaan jiwa yang hilang? Bukankah Yesus sedang memberitahu para murid-Nya tentang hati Allah Bapa terhadap mereka yang sesat dan hidup dalam dosa? Siang malam, Dia merindui kepulauan anak yang sesat.

Tuhan Yesus juga menggambarkan betapa gembiranya kalau para murid berjaya membawa mereka yang sesat pulang kepada Bapa-Nya. Hati Tuhan Yesus bagi pemugut cukai dan mereka yang berdosa tampak jelas berlainan dengan Farisi yang hanya mementingkan adat resam dan tradisi yang tidak dituruti. Mereka yang terpinggir dalam masyarakat dianggap hina tetapi Tuhan Yesus sudi berjamu dan bertandang ke rumah mereka. Persahabatan yang dipupuk dengan orang berdosa bahkan membuat orang Farisi yang menganggap diri mereka kudus marah.

Dr. Lim Kar Yong, sarjana Perjanjian Baru berkata:

Jadikan Aku Murid-Mu

“Akan tetapi, jalan Yesus berbeza. Kekudusan bukanlah satu pagar untuk dilingkari pada diri supaya dilindungi, tetapi suatu perhubungan dengan Allah yang dapat dirayakan dan dibahagikan. Oleh demikian, kita melihat Tuhan Yesus berjamu dan bersekutu dengan pemugut cukai dan orang berdosa.”⁶⁴

Yesus Mementingkan Manusia

Bagi pemimpin-pemimpin Yahudi dan orang Farisi, tradisi, seperti menurut seluk beluk Hari Sabat dengan terperinci sungguh penting. Butang jatuh pun, mereka tidak akan menjahitkannya kembali. Pokoknya, janganlah berbuat apa-apa pada hari Sabat. Bagi Yesus, Sabat ditetapkan untuk manusia, dan bukan manusia untuk Sabat.

Selepas hari raya orang Yahudi, Yesus berangkat ke Yerusalem. Di Yerusalem dekat Pintu Gerbang Domba ada sebuah kolam. Bahasa Ibraninya disebut Betesda. Di sana ada lima serambinya dan di serambi-serambi itu berbaring sejumlah besar orang sakit: orang-orang buta, orang-orang tempang dan orang-orang lumpuh, yang menantikan goncangan air kolam itu. Apabila malaikat menggoncangkan air, semua akan turun ke kolam untuk disembuhkan.

Di sana terbaringlah seorang lumpuh yang tidak dapat turun ke kolam kerana tiada yang menolong dia dan dia sudah menunggu tiga puluh lapan tahun. Tuhan Yesus menyembuhkan dia dengan segera walaupun itu hari Sabat. Sewaktu orang itu sembuh dan mengangkat tilamnya, orang Yahudi mempermasalah hal Sabat dan berkata dia seharusnya

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

tidak memikul tilam. Tuhan Yesus melihat batin orang itu, dan meminta agar dia tidak berdosa lagi.

Corak Pemuridan Rasul Paulus

“Saya tidak malu akan Injil” itulah yang menggambarkan kehidupan Paulus dalam pelbagai situasi. Paulus tidak mempertahankan kehidupannya tetapi dia mempertahankan Injil. Tatkala Paulus berada dalam keadaan yang sulit, tumpuannya yang terutama adalah Injil. Ini haruslah menjadi sikap para murid Yesus, kita tidak malu dan tidak takut memberitakan Injil walaupun betapa sulitnya di negara kita.

Setiap murid ada tiga sebab mereka tidak malu akan Injil:

- a. Ia adalah kuasa Allah untuk penyelamatan
- b. Kasih yang terbesar yang pernah dikurniakan bagi manusia
- c. Ia adalah kuasa yang mengubah manusia yang paling berdosa pun

Dengan sukacita dan penuh keyakinan dalam hati, kita akan pergi memberitakan Injil Tuhan Yesus Kristus, serta dengan mengetahui bahawa ia pasti berkuasa. Perangai yang paling teruk, insan yang paling jauh daripada Tuhan dan yang tercelup dalam dosa yang paling keji pun dapat diselamatkan melalui kuasa Yesus Kristus. Inilah sebabnya Paulus mengatakan tanpa ragu-ragu: “Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil, kerana Injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani...”(Rom 1:16)...

Jadikan Aku Murid-Mu

Rasul Paulus juga berkata, "Inilah satu-satu hal yang akan aku lakukan." Paulus adalah jenis manusia yang hanya ada satu tumpuan—memberitakan Injil. Murid yang ingin berjaya dalam penginjilan harus mengesamping hal-hal lain, memiliki satu tumpuan, satu tujuan, satu cita-cita dalam hidup—menangi jiwa bagi Tuhan Yesus. Murid yang berjaya adalah murid yang ada matlamat tertinggi ini dalam hati mereka.

Memberi Baton Kepada Yang Lain Kelak

Nescaya, kita sendiri tidak dapat melakukan semua pelayanan; kita perlu melahirkan beberapa pemimpin daripada murid kita. Kita perlu mempercayakan injil kelak kepada orang yang lain. "Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain. Ikutlah menderita sebagai seorang perajurit yang baik daripada Kristus Yesus" (2 Timotius 2:2). Perintah ini disampaikan oleh Paulus kepada Timotius anak rohaninya, Timotius, pada saat pemenjaraannya.

Bagaimana rasul Paulus mengajar Timotius sehingga dia boleh memberi baton kepadanya? Rasul Paulus memberi teladan yang berkesan kepada anak rohaninya, Timotius. Pemuridan jenis yang melahirkan murid yang arif mengajar orang lain dan rela menderita memerlukan teladan daripada bapa rohani. Biasanya orang yang tunduk kepada Raja Nero, tidak akan giat bagi Injil apalagi melahirkan orang yang giat dalam Injil. Namun, keadaan kerajaan Rom yang sungguh bengis tidak mematikan semangat jemaah awal untuk

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

memberitakan Injil. Rasul Paulus berkata, “Tetapi engkau telah mengikuti ajaranku, cara hidupku, pendirianku, imanku, kesabaranku, kasihku dan ketekunanku” (2 Timotius 3:10).

Rasul Paulus telah menggambarkan ciri-ciri khas seorang pengikut atau murid Kristus yang setia. Sebagai pembina murid kita harus bercita-cita membentuk murid-murid dengan cara yang sedemikian. Kita tidak hanya membawa murid mengenal Tuhan Yesus dan membiarkan mereka menjadi penonton sahaja.

1. **Perajurit**—Dia seorang yang bersemangat berjuang seperti seorang perajurit bahkan menderita bagi Tuhan Yesus (2 Timotius 2:3). Dia seperti perajurit yang tidak memusingkan diri dengan soal-soal kehidupan, dan hatinya hanya tertumpu untuk membahagiakan hati komandonya (2 Tim2:4). Paulus mempengaruhi anak rohaninya untuk membuat perjuangan yang terbaik.

“Tugas ini kuberikan kepadamu, Timotius anakku, sesuai dengan apa yang telah dinubuatkan tentang dirimu, supaya dikuatkan oleh nubuat itu engkau memperjuangkan perjuangan yang baik dengan iman dan hati nurani yang murni” (1 Timotius 1:18).

Rasul Paulus memberi teladan kepada Timotius mengenai ertinya berjuang sehingga garis yang terakhir.

2. **Olahragawan**—Sewaktu seorang olahragawan bertanding, dia harus menurut peraturan-peraturan

Jadikan Aku Murid-Mu

olahraga. Dia juga meluangkan waktu untuk latihan, baru dia dapat meraih mahkotanya apabila muncul sebagai juara (2 Timotius 2:5). Dia harus menguasai diri (1 Korintus 2:24-27). Segala dosa dan beban yang merintangai pertandingan harus kita tanggalkan (Ibrani 12:12).

3. Petani—Petani perlu bekerja keras. Dia perlu membajak, menabur, menyirami, mencabut lalang, membunuh serangga, dan membajai tanamannya. Seorang murid yang rajin di ladang akan menikmati buah penginjilannya, dikurniakan anak rohani yang baru, pertumbuhan anak rohaninya, bahkan pendewasaan sendiri sebagai pembina murid. Alangkah, gembira kalau dia boleh jadi bapa rohani bahkan datuk rohani, apabila anak rohaninya melahirkan anak rohani sendiri!
4. **Perabot Mulia**--Rasul Paulus mengibaratkan murid yang baik seperti perabot yang mulia.

“Dalam rumah yang besar bukan hanya terdapat perabot daripada emas dan perak, melainkan juga dari kayu dan tanah; yang pertama dipakai untuk maksud yang mulia dan yang terakhir untuk maksud yang kurang mulia. Jika seseorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat, ia akan menjadi perabot rumah untuk maksud yang mulia, ia dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia (2 Timotius 2:20-21).”

Jadikanlah Orang Lain Murid-Nya

Rasul Paulus banyak mengajar muridnya tentang pembentukan sifat yang rohani, kudus dan memuliakan Tuhan. Beberapa bimbingan telah diberikan Paulus kepada para muridnya kalau ingin menjadi perabot emas yang mulia di rumah Allah. Bagaimanakah kita menjadi perabot yang mulia?

- a. Jauhkan pergaulan yang merosakkan kita
(1 Korintus 15:33)
- b. Tidak jemu-jemu berbuat baik (2 Tesalonika 3:12)
- c. Jangan suka bermain silat kata (2 Timotius 2:14)
- d. Berterus terang memberitakan kebenaran
(2 Timotius 2:15)
- e. Hindari sembangan yang kosong dan tidak suci
(2 Timotius 2:16)
- f. Jauhi nafsu orang muda, kejar keadilan, kesetiaan, kasih dan damai (2 Timotius 2:22)
- g. Hindari soal-soal yang dicari-cari, yang bodoh dan tidak berguna (2 Timotius 2:23).

Bapa Rohani dan Sahabat Luarbiasa

Sewaktu membentuk murid bagi Tuhan Yesus Kristus, Paulus tidak hanya menggunakan program ataupun teologi untuk membentuk muridnya. Persahabatan dan persekutuan akrab yang diberikan Paulus mengharukan hati murid-muridnya. Dalam setiap surat yang dituliskan oleh Rasul Paulus, kita boleh menyelami kasih dan belas kasihannya bagi jemaahnya sebagai sahabat. Dia menjadi bapa rohani dan teladan yang nyata.

Jadikan Aku Murid-Mu

Dalam tulisan suratnya kepada Filemon, kita tahu Rasul Paulus akrab dengan murid-muridnya. Sewaktu Rasul Paulus memohon Filemon untuk menerima Onisemus, hamba yang menghilangkan diri. Kita dapat melihat hatinya sebagai bapa rohani.

“Sebab mungkin kerana itulah dia dipisahkan sejenak daripadamu, supaya engkau dapat menerimanya untuk selama-lamanya, bukan lagi sebagai hamba, melainkan lebih daripada hamba, iaitu sebagai saudara yang kekasih, bagiku sudah demikian, apalagi bagimu, baik secara manusia mahupun di dalam Tuhan. Kalau engkau menganggap aku temanmu seiman, terimalah dia seperti aku sendiri”
(Filemon 1:15-17).

Bagi Paulus, segala pertumbuhan dalam para murid-Nya bukan diakibatkan oleh kearifannya ataupun kerana dia lebih diurapi. Jadi, dalam melayani Allah, tidaklah siapa yang lebih hebat dan siapa yang kurang hebat, kerana Allah yang membuat jemaahnya bertumbuh dalam kerohanian mereka. “Aku menanam, Apolos menyiram, tetapi Allah yang memberi pertumbuhan. Kerana itu yang penting bukanlah yang menanam atau yang menyiram, melainkan Allah yang memberi pertumbuhan” (1 Korintus 3:5-6).

Jadilah Kawan Kepada Pendosa

Murid kita perlu di ajar untuk menjadi sahabat kepada pendosa untuk penginjilan dan pemuridan. Ajar mereka menjangkau manusia dengan pertama menjadi sahabat yang ikhlas yang sedia menolong dan mendengar.

Watchman Nee berkata:

“Dalam Kitab Injil, Tuhan Yesus telah dipersembahkan sebagai “Kawan Orang Berdosa.” Menurut sejarah, Dia pertama-tama bergerak dalam kalangan manusia sebagai kawan mereka sebelum menjadi Juruselamat mereka. Sedarkah kamu pada hari ini, Dia masih Kawan kita, supaya Dia menjadi Juruselamat kita?”

Jelas dalam Perjanjian Baru, Yesus datang sebagai Kawan, supaya mereka datang kepada-Nya. Kita datang kepada Dia sebab Dia pertama-tama menjadi kawan kita. Pada waktu krisis banyak kesusahan seharian akan dihadapi oleh orang yang berdosa. Contohnya dalam Alkitab kita diminta untuk percaya tetapi kamu berkata saya tidak ada iman. Saya rindu ada iman tetapi saya kekurangannya. Mustahil saya dapat percaya.” “Tidak mengapa,” kata saya. Kamu boleh meminta Tuhan Yesus untuk memberinya kepada kamu. Dia bersedia menolong kamu sehingga begitu. Kamu hanya berdoa, “Tuhan, tolonglah saya dalam ketidakpercayaanku.”⁶⁵

Jadikan Aku Murid-Mu

Cadangan-Cadangan

1. Dalam usaha memuridkan pengikut anda, apakah yang anda lakukan seperti yang dilakukan oleh Tuhan Yesus:
 - a. Mari dan melihat
 - b. Mari dan mengikut aku
 - c. Pergilah dan melahirkan murid
2. Undanglah murid kamu pergi bersama kamu ketika anda mahu menyampaikan injil kepada seseorang. Gunakan Empat Hukum Rohani atau "Gospel Bridge" lalu berikan beberapa naskah kepadanya. Suruh dia menetapkan suatu waktu dengan kawannya. Pergilah dengan muridmu dan menyaksikan bagaimana dia menyampaikan injil.
3. Undanglah murid kamu menyertai kamu ketika kamu memberi beberapa pelajaran untuk menolong seorang murid baharu bertumbuh. Doa dengannya sebelum pergi.
4. Bentukkan satu kelompok, ajarlah "Sauh Iman" (buku dari Upstream Publishing) agar mereka mengenal Tuhan Yesus dan pelayanannya. Galakkan mereka untuk mengajar kepada kelompok kecil lain.
5. Renungkan aspek-aspek kelemahan kamu dalam pemuridan murid kamu.

Buku-Buku Rujukan

1. A.W.Tozer, *The Best of A.W. Tozer* (USA: Baker Book House, 1978), hal. 180-181
2. Dietrich Bonhoeffer, *The Cost of Discipleship* (New York: Touchstone,1995), hal. 45.
3. A.W, Tozer, *The Pursuit of God in The Best of A.W.Tozer*, hal. 19.
4. Bonhoeffer, hal. 58
5. Bonhoeffer, hal. 59
6. George Mattheson, *Portraits of The Bible* (Grand Rapids: Kregel, 1996), hal. 6
7. Iain Murray, *Jonathan Edwards: A New Biography* (Edinburg: Banner of Truth), hal. 101-102.
8. Bonhoeffer, hal. 302-303
9. Arthur Pink, *Spiritual Growth* (Grand Rapids: Baker House, 1971), hal.29.
10. Richard Foster, *Celebration of Disciplines*, (Grand Rapides: Hodder & Stoughton, 2008), hal.82.
11. A.W. Tozer, hal.16.
12. Foster, 206
13. Francois Fenelom, *Christian Perfection*, (Minneapolis: Bethany Fellowship, 1975), hal. 4.
14. Thomas Merton, *Contemplative Prayer*, (London: Darton, Longman & Todd, 1973).
15. Madame Guyon, *Mengalami Kedalaman Yesus*, (1648)
16. E.M, *Bounds, Purpose in Prayer* (USA: Whitaker House, 1997), hal. 26.
17. Henri Nouwen, *Spiritual Formation* (New York:Harper Collins, 2010).

Buku-Buku Rujukan

18. L.B. Cowman, *Streams in the Desert*, (Michigan: The Zondervan Corporation, 1997), hal. 363.
19. Oswald Chambers, *If You Will Be Perfect Disciples Indeed* (Grand Rapids: Discovery House Publishers, 1982), hal. 114.
20. John Stevenson, *Prayer: Degrees of Boldness* (USA: Banner of Truth, 1998), hal. 21.
21. John Bunyan, *The Pilgrim's Progress* (Uhrichsville, Oh: Barbour, 1993), hal:67-68.
22. E.M. Bounds, hal.52
23. A.W. Tozer, *A Disruptive Faith* (California:Gospel Light, 2011), hal. 113.
24. Bill Hull, *The Complete Book of Discipleship*, (Grand Rapids: Fleming H.Revell), hal 118.
25. A.W.Tozer, *A Disruptive Faith*, hal.113
26. Arthur Pink, *Sermon on the Mount* (Zeeland: Reformed Church Publications, 2009), hal.2.
27. Charles Spurgeon, *God Will Bless You* (USA: Whitaker House, 1934), hal.27.
28. Ibid, hal.32
29. Ibid, hal. 44
30. Ibid 140
31. Daniel M. Doriani, *Sermon on the Mount* (USA: P & R Publishing), 2006.
32. Spurgeon, hal. 149
33. Bonhoeffer, hal. 87
34. Bonhoeffer, hal.89
35. Bonhoeffer, hal.90

Buku-Buku Rujukan

36. Fulton Sheen, *Life of Christ* (Banglore: Asian Trading Corporation, 1977), hal. 62
37. F.F. Bruce, *The New Century Bible Commentary, I and II Corinthians* (Grand Rapids:Eerdmans, 1980).
38. Bonhoeffer, 92.
39. Tozer, *The Cross is a Radical Thing in Best of A.W. Tozer* , 133-134.
40. Sokreaksa S. Himm, *After The Rain* (UK Oxford: Monarch Books, 2007), hal.36.
41. Leon Morris, *Luke* (Leceister:IVP, 1976), hal. 308.
42. G.Gene Wiles, *Jesus in Leadership* (Illinois:Tyndale Publishers, 1998). hal. 157.
43. Micheal Griffiths, *Take My Life* (England: IVP), 1967.
44. Foster, hal. 108.
45. Walter Brueggemann, *The Land* (Minneapolis: Augsburg Fortress, 2002) hal: 27
46. Ibid, 27
47. Ibid, 27.
48. Donald Guthrie, *Jesus the Messiah* (Michigan: Zondervan Publishing House, 1972), hal. 100.
49. John Stott, *The Radical Discipleship* (England:IVP, 2010), hal.22
50. Dinesh D' Souza, *The Virtue of Prosperity* (New York: Touchstone, 2000) hal. 225.
51. Anthony Selviaggio, *7 Toxic Ideas* (New Jersey: P & R Publishing, 2011), hal:83.
52. D.A. Carson, *The Gagging of God* (Grand Rapids: Zondervan Publishing House, 1996), 405.

Buku-Buku Rujukan

53. Selvaggio, hal. 107.
54. G. A. Almond and G. A. Powell jr., *Comparative Politics* (Boston: Little Brown and Company, 1966), hal. 24-25.
55. Arnold Toynbee, *An Historical Approach to Religion* (London: Oxford University Press, 1956), hal. 180.
56. Wilbert G. Moore, *Social Change* (Eaglewood Cliffs: Prentice Halls inc, 1963), hal. 79-80.
57. Wilbert G. Moore, *Social Change* (Eaglewood Cliffs: Prentice Halls inc, 1963), hal. 79-80.
58. Fulton J. Sheen, 108
59. *Ibid*, 108
60. Bill Hull, hal. 21
61. Greg Ogden, *Discipleship Essentials. A Guide to building your life in Christ* (Downers Grove: IVP, 1998), hal. 17
62. Henri Nouwen, *In the Name of Jesus: Reflections on Christian Leadership* (New York: Crossroads, 1996), hal. 29-30
63. LeRoy Eims, *Pemuridan* (Miri: SIB, 1978) hal. 61
64. Lim Kar Yong, *Jesus the Storyteller: Hearing the Parables Afresh Today*, (Seremban: Armour Publishing & STM, 2015), hal 164.
65. Richard J. Foster dan James Bryan Smith, *Devotional Classics*, (New York: Harper Collins Publishers, 1989), hal. 324-325.